

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS
2025

HARI RABU : 26 FEBRUARI 2025

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO. 1, NO. 10 HINGGA NO. 95)**

[SOALAN NO. 1 DIJAWAB BERSEKALI DENGAN SOALAN NO. 70]

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI SHAMSHULKAHAR BIN MOHD
DELI [JEMPOL]**

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

DATO' HAJI SHAMSHULKAHAR BIN MOHD DELI [JEMPOL] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tindakan tegas Kementerian dalam usaha mengurangkan kemalangan maut melibatkan kenderaan berat terutamanya lori memandangkan terdapat 1,457 kes kematian dicatatkan membabitkan lori di seluruh negara sejak Januari 2019 hingga November 2024.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tahun 2024 telah melihat jumlah tindakan penggantungan Lesen Pengendali dan Permit Kenderaan paling tinggi ke atas syarikat yang gagal audit pematuhan Kod Amalan Industri untuk Keselamatan Pengangkutan (ICOP), menyebabkan kemalangan atau terlibat dalam ketidakpatuhan berkaitan. Ini adalah selari dengan pendirian tegas Kementerian Pengangkutan (MOT) untuk meningkatkan keselamatan jalan raya dan memastikan pematuhan keselamatan terhadap kenderaan berat.
2. Sejumlah 247 Lesen Pengendali telah digantung pada tahun 2024 berbanding 101 pada 2023 dan 94 pada tahun 2022 manakala hanya 8 lesen pengendali digantung antara 2019 dan 2021.
3. MOT melalui Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) juga telah menggantungkan 23 Permit Kenderaan pada tahun 2024 atas ketidakpatuhan keselamatan jalan raya. Tempoh penggantungan boleh sampai 90 hari untuk ketidakpatuhan yang serius.
4. Selain itu, MOT melalui APAD juga telah membatalkan 7 Lesen Pengendali antara 2022 dan 2024 berbanding tiada pembatalan antara 2019 dan 2021.
5. Apabila Lesen Pengendali sesebuah syarikat digantung atau dibatalkan, semua kenderaan yang berdaftar di bawah syarikat tersebut tidak boleh beroperasi. Antara syarikat yang Lesen Pengendalinya telah digantung termasuk sebuah syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia dan mempunyai lebih daripada 1,000 kenderaan. Seperti yang telah dilaporkan oleh media, syarikat tersebut terpaksa membuat pengumuman di Bursa Malaysia berkenaan tindakan penggantungan oleh APAD kerana terdapat implikasi serius ke atas operasinya.

6. Ini adalah hasil daripada ketegasan MOT yang tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan walaupun ke atas syarikat besar apabila berlakunya ketidakpatuhan yang boleh menjejaskan keselamatan orang ramai di jalan raya.
7. MOT akan meneruskan tindakan tegas ini di samping menambah baik inisiatif-inisiatif keselamatan jalan raya yang lain termasuk tindakan penguatkuasaan ke atas kenderaan berat yang melebihi muatan, memperketat lagi prosedur pemeriksaan berkala dan menambah baik pematuhan ICOP di kalangan pemain industri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN
ABDULLAH [LANGKAWI]**

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN ABDULLAH [LANGKAWI] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan keperluan elektrik dan air untuk pengoperasian semua pusat data di Malaysia dan sejauh manakah Malaysia bersedia memenuhi kapasiti elektrik dan air untuk pengoperasian pusat-pusat data di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan komited ??untuk memenuhi keperluan bagi menyokong perkembangan industri pusat data di negara ini khususnya dalam memastikan bekalan air dan sumber tenaga elektrik negara dapat dibekalkan dengan mencukupi (*security*), secara lestari (*sustainable*) dan pada kadar harga yang mampu ditanggung oleh pengguna (*affordable*). Sehubungan itu, Kerajaan telah mengambil kira keperluan ini dalam perancangan jangka masa panjang bekalan air dan elektrik.
2. Dari aspek bekalan elektrik, PETRA melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan, Pelaksanaan dan Pembekalan Elektrik dan Tarif (JPPPET) telah mengunjurkan keperluan bekalan elektrik bagi pusat data sebanyak 12.9GW pada 2030 dan dijangka akan meningkat sehingga 20.9GW menjelang 2040. Dengan mengambil kira unjuran ini, Mesyuarat JPPPET telah meluluskan unjuran Pelan Pembangunan Penjanaan (*Power Development Plan – PDP*) Semenanjung bagi tahun 2024 hingga 2050 merangkumi pembangunan kapasiti penjanaan baharu berasaskan gas dan peningkatan tenaga boleh baharu bagi memenuhi unjuran permintaan berkenaan.
3. Di samping itu, beberapa loji janakuasa sedia ada telah dikenalpasti untuk dilanjutkan tempoh operasi secara berperingkat bermula tahun 2025 hingga 2029 dan tambahan kapasiti penjanaan baharu pada 2026 dan 2027 dengan konsep penjanaan pantas seperti *co-generation*, *open cycle gas turbine* (OCGT) dan teknologi-teknologi lain yang bersesuaian.
4. Pada masa yang sama, Kementerian turut meneruskan program-program Tenaga Boleh Baharu (TBB) seperti *Self Consumption* (SelCo), *New Enhanced Despatch Arrangement* (NEDA), *Corporate Green Power Program* (CGPP) dan *Corporate Renewable Energy Supply Scheme* (CRESS) bagi meningkatkan penjanaan dan akses pusat data kepada bekalan tenaga hijau. Kesemua inisiatif ini akan meningkatkan lagi kapasiti penjanaan elektrik termasuk daripada sumber TBB untuk menampung

permintaan bekalan elektrik daripada pusat-pusat data.

5. Manakala PETRA melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) sedang mengkaji tarif air khas dan mekanisme perkongsian kos perbelanjaan modal (CAPEX) infrastruktur air oleh pusat data bagi meningkatkan kecekapan penggunaan air supaya kepentingan pengguna domestik serta penduduk setempat tidak terjejas. Mekanisme penalti seperti *connected load charge* (CLC) juga dikaji apabila penggunaan air di pusat data tidak mencapai keperluan maksimum sebagaimana permohonan yang diluluskan kerana operator air masih perlu menanggung perbelanjaan untuk pembinaan loji rawatan air dan pemasangan paip baharu.

6. Kerajaan Negeri disarankan untuk meneliti keperluan agar pusat data dizonkan, menggunakan sistem penyejukan berpusat (*district cooling*) dan mengutamakan penggunaan air pulih guna. Selain itu, PETRA juga melalui SPAN sedang menyediakan satu Garis Panduan Teknikal untuk diguna pakai oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sebelum meluluskan Kebenaran Merancang berkaitan pembangunan pusat data. Langkah-langkah ini akan membantu usaha merangka dasar baharu dan menambah baik garis panduan sedia ada dalam usaha pemuliharaan dan kecekapan air. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri disarankan untuk memastikan kecukupan sumber air mentah sebelum satu-satu kelulusan pembangunan pusat data diberikan, terutamanya di kawasan permintaan tinggi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN RODIYAH BINTI SAPIEE [BATANG SADONG]

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

PUAN RODIYAH BINTI SAPIEE [BATANG SADONG] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan :

- a. trend dan jumlah kes kematian kanak-kanak di pusat asuhan sejak tahun 2021
- b. pandangan Kementerian berhubung insiden bayi berusia 4 bulan yang dilaporkan meninggal dunia di sebuah TASKA tidak berlesen pada 3 Januari lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKM) diberi tanggungjawab untuk pendaftaran, pengawalan dan pemeriksaan taman asuhan kanak-kanak (TASKA) sebagaimana peruntukan Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 [Akta 308] dan Peraturan-Peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak 2012. Sehubungan itu, KPWKM sentiasa mengambil inisiatif berterusan dalam usaha mengurangkan risiko berlakunya kes melibatkan kecuaiian, pengabaian dan penderaan kanak-kanak di Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA).
2. Berdasarkan rekod tindakan penguatkuasaan JKJ, sebanyak tujuh (7) kes kematian kanak-kanak berlaku di Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) dari tahun 2021 hingga 2024, termasuk kerana pengabaian dan kecuaiian. Pecahan kes mengikut tahun adalah satu (1) kes masing-masing pada tahun 2021, 2022 dan 2023 serta empat (4) kes pada tahun 2024. Kesemua kes ini berlaku di TASKA tidak berdaftar.
3. Sementara itu, berhubung insiden bayi berusia empat (4) bulan yang dilaporkan meninggal dunia di sebuah TASKA tidak berlesen di Bandar Saujana Putra, Selangor pada 3 Januari 2025 yang lalu, adalah dimaklumkan bahawa pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah mengambil tindakan Lak (sealed) ke atas TASKA selaras dengan peruntukan Seksyen 6(1) Akta 308 kerana beroperasi tanpa perakuan pendaftaran.
4. Pendaftaran TASKA adalah tertakluk kepada pematuhan terhadap peruntukan akta, peraturan serta syarat yang ditetapkan bagi memastikan kualiti perkhidmatan yang baik dapat ditawarkan. Ia juga adalah bertujuan untuk mengurangkan risiko berlakunya perkara yang tidak diingini daripada berlaku demi memastikan keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak terjaga disepanjang keberadaan mereka di TASKA.
5. Justeru, ibu bapa disarankan untuk menghantar anak-anak mereka ke TASKA yang berdaftar. Ibu bapa boleh menyemak status pendaftaran TASKA menerusi laman web rasmi JKJ.

6. Selain itu, bermula 10 Januari 2025, semua TASKA berdaftar diwajibkan mempamerkan plak pendaftaran bagi memudahkan urusan ibu bapa memilih pusat asuhan, seterusnya boleh membantu usaha KPWKM menangani isu penderaan dan pengabaian kanak-kanak yang kebiasaannya berlaku di TASKA tidak berdaftar kerana beroperasi tanpa mengikut SOP yang ditetapkan. Plak ini mempunyai QR Code yang boleh diimbis untuk mendapatkan maklumat terperinci mengenai pendaftaran TASKA tersebut dengan JKM.

7. KPWKM memerlukan kerjasama semua pihak, termasuklah ibu bapa mahupun orang awam, untuk memainkan peranan dalam sama-sama memastikan keselamatan kanak-kanak di TASKA terjamin. Antaranya adalah melaporkan kewujudan TASKA yang tidak berdaftar. Diharapkan masyarakat akan lebih prihatin dan cakna dengan apa yang berlaku di kalangan sekeliling di komuniti kita, serta berganding bahu demi kesejahteraan anak-anak kita.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK HAJI AWANG BIN HASHIM [PENDANG]

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

DATUK HAJI AWANG BIN HASHIM [PENDANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah terdapat penambahbaikan garis panduan terhadap isu gangguan perkhidmatan perbankan oleh pihak BNM termasuk mekanisme khusus yang diguna pakai bagi menentukan kadar nisbah denda yang setimpal menerusi Penalti Monetari Pentadbiran (AMP) ke atas bank.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Institusi-institusi perbankan dikehendaki mematuhi keperluan ditetapkan di dalam dokumen dasar mengenai Pengurusan Risiko dalam Teknologi (*Risk Management in Technology* (RMiT)) yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM).
2. Berkenaan isu gangguan perkhidmatan perbankan, BNM menetapkan keperluan dimana semua institusi kewangan perlu memastikan bahawa sistem-sistem kritikal yang menghadapi masa henti tidak dirancang (*unplanned downtime*) yang menjejaskan akses perkhidmatan kepada pelanggan haruslah tidak melebihi masa henti maksimum yang boleh diterima (*Maximum Tolerable Downtime*).
3. Jika terdapat sebarang akses perkhidmatan yang terjejas, samada dirancang atau tidak, pihak institusi-institusi kewangan juga diharuskan untuk memaklumkan kepada pelanggan yang terjejas termasuk menjawab segera sebarang aduan dan pertanyaan yang disebabkan oleh gangguan tersebut. BNM juga memerlukan tindakan pemulihan khusus diambil oleh institusi kewangan yang terjejas, untuk meningkatkan daya tahan jangka panjang infrastruktur perbankan dalam talian serta keupayaan pemulihan supaya sebarang insiden gangguan dapat diperbaiki dengan cepat untuk mengurangkan kesulitan kepada pelanggan.
4. Penambahbaikan terhadap keperluan pengurusan risiko teknologi akan dilakukan dari masa ke masa seiring dengan perkembangan dan evolusi berkaitan risiko teknologi untuk terus memastikan kecekapan dan keselamatan perkhidmatan perbankan. Sebarang ketidakpatuhan ke atas keperluan yang ditetapkan oleh BNM di bawah undang-undang yang dikawalselia akan dinilai serta disiasat secara terperinci untuk mengenalpasti punca utama serta menentukan tindakan susulan yang bersesuaian.

5. BNM mempunyai bidang kuasa di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [*Akta 758*] dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [*Akta 759*] untuk mengenakan tindakan penyeliaan dan penguatkuasaan terhadap institusi-institusi kewangan yang didapati tidak patuh terhadap mana-mana peruntukan dokumen dasar yang relevan. Tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil oleh BNM adalah termasuk penalti monetari pentadbiran (*Administrative Monetary Penalty, AMP*). Sebagai contoh, BNM pernah mengenakan AMP terhadap dua institusi perbankan untuk ketidakpatuhan terhadap peruntukan dokumen dasar berkaitan dengan isu gangguan perkhidmatan perbankan pada bulan Julai 2024.

6. BNM telah menerbitkan dokumen Pendekatan Penguatkuasaan (*Enforcement Approach*) pada 6 Mei 2024 yang mengandungi perincian rangka kerja penguatkuasaan dan penalti untuk diguna pakai oleh pihak BNM sendiri. Berdasarkan Pendekatan Penguatkuasaan ini, penentuan kadar AMP adalah tertakluk kepada rangka kerja penguatkuasaan dan penalti (*Enforcement and Penalty Framework*) yang komprehensif. Jumlah penalti ditentukan berdasarkan fakta kes dan tahap keseriusan kesalahan tersebut. Penentuan jumlah penalti ini mengambil kira tiga faktor utama iaitu tahap keseriusan ketidakpatuhan, faktor penambahan dan pengurangan (*aggravating and mitigating factors*) dan pertimbangan lain (*overriding considerations*).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHAMAD SHAFIZAN HAJI KEPLI [BATANG
LUPAR]**

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

TUAN MOHAMAD SHAFIZAN HAJI KEPLI [BATANG LUPAR] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik kes penyalahgunaan dadah mengikut negeri dan apakah terdapat rancangan untuk memperluas serta menambah keanggotaan Agensi Anti Dadah Kebangsaan untuk membuat aktiviti pemantauan dan pencegahan terutama di kawasan-kawasan luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) sentiasa komited dalam usaha membasmi gejala penyalahgunaan dadah dan bahan. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh AADK pada tahun 2024, yang diambil dari sumber data PDRM, AADK, KKM, dan Pusat Pemulihan Dadah Persendirian, jumlah penyalah guna dan penagih dadah serta bahan yang direkodkan adalah seramai 192,857 orang.

Daripada jumlah tersebut, penyalah guna dan penagih dadah serta bahan berbangsa Melayu merekodkan bilangan tertinggi iaitu seramai 145,877 orang diikuti bangsa India seramai 14,935 orang, bangsa Cina seramai 14,861 orang, pribumi Sabah seramai 9,322 orang, pribumi Sarawak seramai 5,530 orang dan lain-lain seramai 2,332 orang.

Dilihat dari segi kadar penyalah guna dan penagihan dadah bagi per 100,000 penduduk adalah didapati pada kadar 566 orang (penduduk Malaysia = 34,058,900 orang).

Sekiranya dilihat mengikut negeri bagi kadar penyalah guna dan penagihan dadah bagi per 100,000 penduduk didapati lima negeri yang tertinggi ialah Kelantan 1,130 orang, Terengganu 974, orang Perlis 965, orang Kedah 898, orang Pulau Pinang 803, dan bagi Negeri Sarawak adalah 425 orang.

Untuk makluman Yang Berhormat, AADK telah membuat perancangan awal pertambahan kakitangan sejajar dengan perubahan trend semasa dadah dalam negara di samping pindaan Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983. Pertambahan jawatan yang dimohon adalah selaras dengan kompleksiti tugas AADK yang semakin mencabar untuk melaksanakan rawatan dan pemulihan dalam institusi dan komuniti termasuklah aktiviti penguatkuasaan dan pencegahan. AADK juga akan terus memperkasa komuniti melalui program-program seperti Program Bersama Penggerak Komuniti bagi membantu usaha-usaha pencegahan

NO SOALAN : 13

dan pemantauan terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WAN RAZALI BIN WAN NOR [KUANTAN]

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

TUAN WAN RAZALI BIN WAN NOR [KUANTAN] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kementerian melaksanakan kajian bagi menilai semula jumlah bantuan bulanan kepada amaun yang lebih relevan dengan mengambil kira peningkatan kos sara hidup semasa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan bantuan kewangan kebajikan untuk membantu kelangsungan hidup dan meringankan beban kumpulan sasar yang layak dan memerlukan. Bantuan ini bersifat sementara waktu sehingga mereka keluar daripada kemiskinan dan hidup berdikari.
2. Penilaian atau semakan semula mengenai kadar bantuan-bantuan ini dilaksanakan dari semasa ke semasa agar kadar tersebut kekal relevan. Terkini, Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) telah disemak semula dan dikemaskini serentak bersama dengan survei pendapatan, perbelanjaan isi rumah (HIES) dan Kemudahan Asas (BA) 2022 yang dilaksanakan di bawah Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM) dan Jabatan Perangkaan Malaysia (DSOM). PGK baharu telah dibentangkan dalam Belanjawan 2024 dan digunapakai mulai tahun 2024. Ini telah menjadi syarat asas kelayakan permohonan bantuan JKM yang baharu iaitu PGK 2022 RM1,198.
3. Sebagai contoh, Kerajaan telah mula menyalurkan beberapa skim bantuan di bawah JKM dengan kadar baharu bermula tahun 2021 iaitu Bantuan Kanak-Kanak (BKK), Bantuan Penjagaan OKU/Pesakit Kronik Terlantar (BPT), Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB), Elaun Pekerja OKU (EPOKU) dan Bantuan Warga Emas (BWE).
4. Manakala semasa pembentangan Belanjawan Tahun 2025, Kerajaan telah mengumumkan kenaikan kadar bantuan serta pindaan syarat kelayakan pendapatan yang melibatkan beberapa skim bantuan JKM bermula tahun 2025 seperti berikut:
 - i. Bantuan Kanak-Kanak (BKK) RM150 dan RM150 masing-masing dinaikkan kepada RM200 dan RM250 bagi seorang kanak-kanak (mengikut umur) dengan kadar maksimum RM1,000 sebulan satu (1) keluarga;
 - ii. Bantuan Warga Emas (BWE) daripada RM500 kepada RM600 sebulan;

- iii. Bantuan Am (BA) Persekutuan daripada minimum RM100 kepada RM150 dan maksimum RM350 kepada RM500 sebulan;
 - iv. Bantuan Penjagaan OKU/Pesakit Kronik Terlantar (BPT) dinaikkan syarat kelayakan pendapatan isi rumah daripada RM3,000 kepada RM5,000; dan
 - v. Elaun Pekerja OKU (EPOKU) dinaikkan syarat kelayakan pendapatan daripada RM1,500 kepada RM1,700. Kenaikan syarat ini memberi galakan kepada OKU untuk terus bekerja, hidup berdikari dan menjadi ahli masyarakat yang produktif.
5. Secara amnya juga, penyelarasan bantuan turut dilaksanakan oleh agensi Kerajaan yang lain seperti Kementerian Kewangan Malaysia, yang antaranya menerusi pemberian bantuan Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan BUDI Madani kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana yang berkelayakan bagi mendepani cabaran kos sara hidup.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI UTAMA IR. HASNI BIN
MOHAMMAD [SIMPANG RENGAM]**

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

DATUK SERI UTAMA IR. HASNI BIN MOHAMMAD [SIMPANG RENGAM] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan bagaimana program NEM dan SolaRIS membantu Kementerian dalam mencapai sasaran 70% campuran kapasiti tenaga boleh baharu (TBB) menjelang 2050.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program *Net Energy Metering (NEM)* merupakan program yang diperkenalkan bagi menggalakkan pengguna memanfaatkan bumbung di premis bangunan dengan memasang sistem solar PV bagi menjana bekalan elektrik untuk kegunaan sendiri.
2. Sehingga Disember 2024, pelaksanaan program NEM telah menyumbang lebih 1,500MW kapasiti terpasang tenaga boleh baharu (TBB) melalui pemasangan sistem solar secara teragih dan di bumbung premis pengguna domestik, komersial, industri dan pertanian. Jumlah ini akan menyumbang kepada usaha peningkatan TBB dan membolehkan negara mencapai sasaran 70% campuran kapasiti TBB menjelang 2050.
3. Selain itu, Program *Solar For Rakyat Incentive Scheme (SolaRIS)* merupakan program pemangkin yang diperkenalkan untuk meningkatkan lagi penyertaan pengguna domestik dalam Program NEM. Pengguna domestik yang memohon dan mendapat kelulusan NEM Rakyat bermula 1 April 2024 akan diberikan rebat tunai sehingga maksimum RM4,000. Rebate ini diberikan kepada pelanggan yang berjaya mula tugas sistem solar PV mereka sebelum 30 April 2025.
4. Dengan pelancaran SolaRIS, jumlah permohonan di bawah NEM Rakyat telah meningkat dengan ketara kerana insentif tersebut telah membantu mengurangkan kos modal bagi pemasangan sistem solar PV serta dapat memendekkan tempoh bayaran balik pelaburan. Sehingga 20 Januari 2025, Kerajaan telah memberikan rebat SolaRIS berjumlah RM84.34 juta kepada 21,115 pengguna yang layak dengan jumlah kapasiti terpasang sebanyak 163.60MW.
5. Pelaksanaan Program NEM telah berjaya memperluaskan penjanaan secara teragih di kalangan pengguna elektrik, manakala Program SolaRIS telah berjaya meningkatkan pemasangan solar di kalangan pengguna domestik dan menjadikan kos pemasangan sistem solar lebih kompetitif.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF
[RANTAU PANJANG]**

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

DATO' HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [RANTAU PANJANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang memperkenalkan semula subsidi bahan asas seperti beras dan minyak masak untuk meringankan beban rakyat yang terkesan dengan kos sara hidup.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, tujuan utama pemberian subsidi adalah untuk menstabilkan harga barangan di samping membantu mengurangkan beban rakyat yang terkesan dengan kenaikan kos sara hidup. Setiap tahun, Kerajaan menyediakan peruntukan bagi menstabilkan harga bahan asas seperti beras dan minyak masak melalui subsidi kepenggunaan.
2. Tahun 2025, Kerajaan menyediakan peruntukan lebih 20 bilion ringgit di bawah subsidi kepenggunaan. Ini meliputi pemberian subsidi bahan api yang akan terus dimanfaatkan oleh majoriti rakyat Malaysia. Selain itu, Inisiatif Payung RAHMAH juga telah ditingkatkan peruntukan kepada 300 juta ringgit, berbanding 200 juta ringgit pada tahun 2024 dengan menawarkan barangan keperluan asas pada harga berpatutan di semua DUN pada setiap bulan. Manakala, 700 juta ringgit dikhususkan untuk memperbanyak saluran program kos sara hidup lain bagi mengawal harga barang, termasuk melalui usaha sama dengan pengusaha pasar raya, pasar borong, kedai runcit, pasar tani, koperasi dan sebagainya. Sejumlah 250 juta ringgit juga disediakan bagi mengedarkan barangan keperluan asas di kawasan pedalaman dan desa khususnya di pedalaman Sarawak dan Sabah.
3. Program-program yang dilaksanakan ini menunjukkan Kerajaan sentiasa prihatin serta melaksanakan kawalan termasuk menanggung subsidi bagi kos bahan asas seperti beras dan minyak masak yang menjadi keperluan utama rakyat yang seterusnya akan dapat meringankan beban rakyat yang terkesan dengan kos sara hidup.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK WILLIE ANAK MONGIN [PUNCAK BORNEO]

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

DATUK WILLIE ANAK MONGIN [PUNCAK BORNEO] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan Dasar Pengangkutan Negara (NTP) 2019-2030 merupakan salah satu tiang utama untuk mengukuhkan infrastruktur pengangkutan negara dan menyediakan sistem pengangkutan yang mampan. Apakah hala tuju Kementerian melihat teknologi kenderaan elektrik (EV), tenaga boleh diperbaharui hidrogen (H₂O) dan bahan api hijau (*green fuel*) sebagai pilihan rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan (MOT) sentiasa komited untuk mengukuhkan infrastruktur pengangkutan dan menyediakan sistem pengangkutan yang mampan menerusi Dasar Pengangkutan Negara. Ia turut disokong dengan dasar dan pelan tindakan rentas Kementerian seperti Dasar Tenaga Negara 2022 – 2040 (DTN), Dasar Automotif Nasional 2020 (NAP), Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR), Pelan Hala Tuju Teknologi dan Ekonomi Hidrogen (HETR) serta Pelan Pembangunan Mobiliti Rendah Karbon (LCMB).
2. Selaras dengan itu juga, MOT telah mengambil langkah memfokuskan kepada pembangunan dan penerimaan teknologi kenderaan elektrik (EV) dan bahan api hijau (*green fuel*) sebagai pilihan pengangkutan yang lebih mesra alam, mampan dan boleh menjadi pilihan rakyat.

Teknologi Kenderaan Elektrik (EV)

3. Bermula dari tahun 2024, MOT menerusi PRASARANA telah melaksanakan program elektrifikasi bas dengan mensasarkan perolehan sebanyak 1,450 buah bas elektrik secara berfasa. Selain itu, pembangunan dan operasi rel bandar yang merangkumi LRT, MRT, Monorel dan KTM Komuter juga dilaksanakan secara elektrik sepenuhnya.
4. Dalam menjadikan kenderaan elektrik sebagai pilihan rakyat, mulai 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2025, MOT melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah mengecualikan dikenakan fi Lesen Kenderaan Motor (LKM) kepada jenis kenderaan motor elektrik (EV). Selain itu juga, MOT melalui JPJ telah melancarkan plat kenderaan khusus bagi EV yang dilengkapi dengan ciri-ciri teknologi khas seperti tahap kebolehnampakan yang tinggi serta boleh diintegrasikan ke dalam ekosistem *Intelligent Transportation System* (ITS) di samping ianya tidak boleh dipalsukan.

5. Sehingga bulan Disember 2024 jumlah kenderaan elektrik yang berdaftar dengan JPJ adalah sebanyak 56,290 merangkumi pelbagai jenis kenderaan. Bagi tahun 2025, kerajaan mensasarkan untuk membina sebanyak 10,000 unit stesen pengecas EV untuk menampung keperluan penggunaan EV yang semakin meningkat.

Bahan Api Hijau (*Green Fuel*)

6. Kementerian ini juga menyokong penggunaan bahan api hijau (*green fuel*) di dalam industri logistik khususnya bagi kenderaan berat. Sebagai contoh, setiap dua tahun sekali, MOT akan menganjurkan *The Green Logistics Partnership Conference* (GLPC) yang melibatkan pemain industri logistik berskala kecil dan besar. Program ini akan memberikan pendedahan kepada pemain industri untuk mengamalkan program hijau dalam amalan perniagaan mereka termasuklah penggunaan bahan api hijau.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' INDERA DR. SUHAILI BIN ABDUL
RAHMAN [LABUAN]**

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

DATO' INDERA DR. SUHAILI BIN ABDUL RAHMAN [LABUAN] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah bentuk ganti rugi yang diberikan kepada 25 buah keluarga mangsa banjir kilat di Kampung Gersik Labuan pada Ogos 2024 yang dianggap berpunca daripada kerja membina dan menyiapkan infrastruktur mekanikal dan elektrik bagi kawalan banjir di Sungai Gersik, Kampung Gersik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil siasatan mendapati bahawa kejadian banjir kilat yang berlaku pada 12 Ogos 2024 berpunca daripada hujan lebat yang berterusan. Jumlah hujan yang direkodkan dalam tempoh 13 jam, bermula dari jam 8:00 malam pada 11 Ogos 2024 sehingga jam 9:00 pagi pada 12 Ogos 2024, adalah sebanyak 160 mm. Curahan hujan yang tinggi ini telah bertembung dengan fenomena air pasang laut, yang mencatatkan kedalaman sehingga 1.6 meter.
2. Sebagai langkah mengurangkan risiko banjir akibat air pasang besar yang berlaku serentak dengan hujan berintensiti tinggi, Kerajaan Persekutuan sedang melaksanakan Projek Membina dan Menyiapkan Infrastruktur Mekanikal dan Elektrikal untuk Kawalan Banjir di Sungai Gersik, Kampung Gersik, Wilayah Persekutuan Labuan. Kos projek ini adalah sebanyak RM9 juta, dengan kemajuan semasa sebanyak 46%. Mengikut jadual pelaksanaan, projek ini dijangka siap sepenuhnya pada Ogos 2025.
3. Namun, seperti yang telah dimaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat sebelum ini, pelaksanaan projek pembangunan Kerajaan tidak menyediakan peruntukan khas untuk tujuan pembayaran ganti rugi kepada penduduk bagi kes-kes tuntutan seperti yang dimohon.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO DR. RICHARD RAPU @ AMAN ANAK
BEGRI [BETONG]**

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

DATO DR. RICHARD RAPU @ AMAN ANAK BEGRI [BETONG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan strategi Kementerian dalam menangani jenayah siber yang semakin meningkat termasuk kerjasama dengan agensi antarabangsa dan usaha-usaha meningkatkan kesedaran serta pendidikan mengenai keselamatan siber dalam kalangan rakyat Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi mengekang jenayah siber yang semakin meningkat, pelbagai **strategi dan usaha** telah dijalankan oleh KDN dan PDRM seperti berikut:

A. Strategi Meningkatkan Kerjasama Antarabangsa

- i. Mengadakan mesyuarat bilateral dan persidangan antara negara-negara ASEAN, serantau dan antarabangsa bagi membincangkan isu jenayah siber dan jenayah rentas sempadan. Persidangan ASEAN *Ministerial Meeting on Transnational Crime* (AMMTC), ASEAN *Senior Officials Meeting on Transnational Crime* (SOMTC) dan ASEANAPOL adalah antara platform yang sering digunakan bagi membincangkan isu ini;
- ii. Menjalinkan kerjasama dengan pihak Interpol dan FBI dengan turut disertai oleh negara-negara ASEAN dalam perkongsian maklumat risikan, operasi bersama dalam membangunkan kapasiti;
- iii. Pembinaan kapasiti di peringkat ASEAN dengan melibatkan pegawai-pegawai PDRM di ASEAN-Singapore Cybersecurity Center of Excellence (ACCP) bagi mempelajari pengetahuan tentang keselamatan siber dan trend terkini jenayah siber; dan
- iv. Menjalinkan kerjasama dari aspek perkongsian maklumat risikan dan operasi bersama Negara serantau.

B. Usaha Meningkatkan Kesedaran dan Pendidikan

Sepanjang tempoh Januari hingga 31 Disember 2024 sebanyak PDRM telah melaksanakan sebanyak 10,406 aktiviti pencegahan yang melibatkan pameran, ceramah, siaran media, sembang santai, *meet & greet* dan *high profile policing* secara berterusan di seluruh negara. Aktiviti pencegahan jenayah ini dilaksanakan secara bersasar dengan menumpukan sasaran mengikut umur, lokasi dan tahap pendidikan dengan objektif meningkatkan ilmu dan kesedaran kepada masyarakat tentang jenayah dalam talian.

Selain itu, KDN melalui PDRM dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga telah melaksanakan Program Modul Kesedaran Mencegah Jenayah Kanak-Kanak dan Remaja (MESRA). Program tersebut merupakan jalinan kerjasama bersepadu PDRM bersama sekolah, keluarga dan komuniti melalui Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS) yang memfokuskan untuk meningkatkan kesedaran pencegahan pelbagai jenis jenayah termasuklah narkotik, seksual, buli, siber dan sebagainya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ZULKIFLI BIN ISMAIL [JASIN]

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

TUAN ZULKIFLI BIN ISMAIL [JASIN] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah tindakan langsung dan penyelesaian kepada isu seramai 17,646 remaja yang tidak berkahwin semasa hamil seperti kenyataan Menteri di dalam program di Kuching pada November tahun 2024.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) amat mengambil berat isu remaja hamil tidak berkahwin. Berdasarkan data Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), sejumlah 9,737 kelahiran telah dicatatkan di fasiliti kesihatan KKM bagi tempoh 5 tahun dari 2020 hingga 2024 oleh kanak-kanak dan perempuan berumur antara 10 hingga 19 tahun hasil kehamilan luar nikah.
2. Perundangan sedia ada di Malaysia, antaranya Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611], Kanun Keseksaan [Akta 574] dan Enakmen Jenayah Syariah menjadi asas perlindungan dan pencegahan remaja hamil luar nikah.
3. Akta 611 memperuntukkan bahawa kanak-kanak ertinya seseorang yang di bawah umur 18 tahun dan menetapkan pelbagai bentuk perlindungan bagi memastikan kesejahteraan mereka. Menurut Seksyen 41(2)(d) Akta 611, seseorang kanak-kanak dengan sebab yang munasabah boleh dianggap memerlukan perlindungan segera jika dia adalah seorang perempuan yang sedang hamil anak luar nikah. Dalam situasi sedemikian, Mahkamah Bagi Kanak-Kanak boleh mengeluarkan perintah yang sesuai untuk memastikan perlindungan dan kebajikan kanak-kanak tersebut. Ini termasuk menempatkan mereka di tempat perlindungan yang ditetapkan. Akta 611 memberikan jaminan perlindungan bagi kanak-kanak yang hamil luar nikah serta memastikan mereka mendapat sokongan perubatan dan kaunseling yang diperlukan. Ini juga boleh menggalakkan pencegahan eksploitasi seksual dan meminimumkan kesan jangka panjang kepada remaja yang terlibat.
4. Perlindungan kepada kanak-kanak juga telah diperuntukkan menerusi Seksyen 376 Akta 574 dengan menghukum pesalah yang melakukan rogol ke atas kanak-kanak perempuan yang berumur di bawah umur 16 tahun, tidak kira sama ada sukarela atau sebaliknya. Pada tahun 2007, pindaan telah dilakukan untuk mengenakan hukuman yang lebih keras iaitu penjara sehingga 20 tahun. Pindaan ini menggambarkan komitmen serius Malaysia dalam melindungi hak kanak-kanak dan menangani kesalahan jenayah seksual terhadap kanak-kanak.
5. Pada masa yang sama, undang-undang syariah di semua negeri juga ada

memperuntukkan kesalahan berkaitan, sama ada kesalahan hamil di luar nikah atau persetubuhan luar nikah yang dibuktikan dengan kehamilan.

6. Di samping peruntukan undang-undang, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) turut melaksanakan beberapa strategi komprehensif melibatkan pelbagai aspek termasuk pemerkasaan pendidikan kesihatan reproduktif, inisiatif kaunseling dan sokongan komuniti yang menjurus kepada pencegahan dan intervensi. Antaranya termasuklah:

i. Dasar dan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproductif Dan Sosial (PEKERTI) untuk meningkatkan kesedaran dan kepentingan pendidikan kesihatan reproduktif dalam masyarakat. Di bawah Pelan Tindakan PEKERTI, selain agensi KPWKM iaitu Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), pelbagai agensi lain turut terlibat untuk melaksanakan program-program khusus termasuklah Kementerian Pelajaran Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan serta Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang berkaitan;

ii. Pemerkasaan Program PEKERTI di sekolah dan institusi pengajian tinggi yang bertujuan untuk memberi pendidikan kesihatan reproduktif yang tepat kepada remaja, termasuk berhubung implikasi hubungan seksual sebelum perkahwinan, risiko kehamilan di usia terlalu muda dan pencegahan kehamilan yang tidak dirancang;

iii. Program Pusat Remaja KafeTEEN dan aplikasi maya myKafeTEEN di bawah LPPKN juga berperanan meningkatkan akses remaja kepada maklumat melalui program pendidikan dan pembangunan kemahiran kesihatan reproduktif serta Khidmat Nasihat Kaunseling dan Konsultasi Klinikal secara percuma. Bagi kes remaja hamil yang dikenal pasti dan memerlukan intervensi lanjut, ia akan dirujuk terus kepada fasiliti KKM; dan

iv. Menubuhkan Jawatankuasa Bersepadu Pengurusan Isu-isu Sosial Kanak-kanak di Media Sosial melibatkan keahlian dari Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM), dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) bagi menangani isu keselamatan siber serta menguatkuasakan aspek pengawalan ke atas laman web pornografi.

7. Dalam pada itu, KPWKM komited dalam memberikan perlindungan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang memainkan peranan dalam memberikan intervensi dan sokongan kepada remaja hamil yang tidak

berkahwin untuk melindungi kebajikan remaja serta anak yang bakal dilahirkan. Antaranya ialah:

- a) Mengendalikan Taman Seri Puteri (TSP) iaitu institusi perlindungan yang menyediakan pemulihan dan perlindungan dan pemulihan kepada kanak-kanak perempuan yang hamil;
- b) Menjalinkan kerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam menyediakan rumah-rumah perlindungan kepada kanak-kanak perempuan yang hamil; dan
- c) Menyediakan khidmat kaunseling dan sokongan emosi untuk membantu remaja dan keluarga mengatasi tekanan dan trauma akibat kehamilan yang tidak dirancang. Program psikopendidikan yang dijalankan termasuk pengurusan emosi, kewangan, dan kemahiran keibubapaan.

8. Isu kehamilan remaja adalah amat penting untuk ditangani. Ia memerlukan perhatian serta tindakan holistik daripada bukan hanya oleh KPWK, tetapi daripada semua pihak. Hanya menerusi kebersamaan menyeluruh, perkara ini boleh dielakkan agar dapat melahirkan generasi masa depan yang lebih cemerlang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L
RAJAJI [JELUTONG]**

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L RAJAJI [JELUTONG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sebab Kerajaan membenarkan golongan individu daripada luar negara terutamanya India untuk datang ke Malaysia dan menyebarkan fahaman 'Dravidian' dalam perjumpaan-perjumpaan atau siri ceramah kepada orang awam terutamanya apabila golongan Dravidian ini menyebarkan fahaman yang melanggar prinsip Rukun Negara iaitu Kepercayaan Kepada Tuhan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dasar semasa Kerajaan adalah tidak menghalang mana-mana individu daripada mana-mana negara luar seperti India untuk datang ke Malaysia kecuali mereka yang disenaraikan dalam senarai "*Not To Land*" (NTL) untuk memasuki ke negara ini seperti dokumen tidak lengkap, visa tidak sah, tiada tiket pulang, mempunyai sejarah jenayah atau terdapat risiko keselamatan.

Walau bagaimanapun, pemantauan dan risikan keselamatan sentiasa dibuat dari masa ke masa oleh pihak PDRM bagi memastikan mana-mana golongan tidak melanggar mana-mana peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia serta bagi mengesan sebarang aktiviti yang boleh mengancam keselamatan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK]

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK] minta **MENTERI SUMBER
ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan pelan mitigasi jangka panjang
Kementerian dalam menangani impak perubahan iklim khususnya berkaitan
peningkatan frekuensi banjir di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Ancaman impak disebabkan oleh perubahan iklim seperti banjir akan memberikan impak terhadap pelbagai sektor ekonomi serta mengancam kesejahteraan penduduk. Menyedari hal ini, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) dengan kerjasama organisasi antarabangsa dan agensi tempatan sedang membangunkan Pelan Tindakan Adaptasi Kebangsaan (MyNAP).
2. Dokumen ini akan menjadi panduan asas untuk merangka strategi tindakan negara bagi menangani kesan perubahan iklim seperti banjir, kenaikan paras laut, hakisan pantai dan kemarau. MyNAP ini adalah bersifat menyeluruh dan akan memerlukan penglibatan pihak berkepentingan di peringkat pusat dan kerajaan negeri.
3. Di samping itu juga, Kementerian ini juga sedang menggubal Rang Undang-Undang Perubahan Iklim Negara (RUUPIN). Antara tujuan RUU ini digubal adalah untuk memastikan tindakan-tindakan mitigasi dan adaptasi yang perlu dilaksanakan dapat dibuat secara efektif di peringkat pusat, kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan.
4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia), agensi di bawah NRES sentiasa memantau situasi cuaca negara dan akan mengeluarkan maklumat dan amaran sekiranya bencana dijangka berlaku.
5. Justeru, MET Malaysia sentiasa meningkatkan sistem ramalan cuaca negara yang merangkumi sistem rangkaian pencerapan, sistem pemprosesan dan sistem penyampaian agar selari dengan teknologi terkini dan keperluan semasa. Produk-produk model ramalan cuaca yang baharu ini membolehkan Jabatan menjangkakan risiko bencana cuaca 14 hari lebih awal berbanding hanya tujuh hari pada ketika ini. Ia juga akan membekalkan perincian bagi kawasan dilanda bencana dengan resolusi 300 meter berbanding 1 kilometer.
6. Dengan penambahbaikan berterusan yang dilakukan terhadap sistem ramalan cuaca negara, ia dijangka dapat menghasilkan ramalan yang lebih tepat

NO SOALAN : 22

dan seterusnya dapat membantu pihak agensi pengurusan bencana untuk bertindak lebih awal dalam memastikan keselamatan rakyat terjamin.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN [STAMPIN]

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

TUAN CHONG CHIENG JEN [STAMPIN] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan berapa perbelanjaan Kementerian untuk tahun 2024 atas program subsidi minyak masak COSS dan adakah penyalahgunaan berlaku oleh pihak-pihak tertentu melibati program ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Program Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (COSS) mula diperkenalkan pada 1 Jun 2007 di Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK). Jemaah Menteri pada 21 September 2016 telah bersetuju supaya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) pada masa itu untuk mengambil alih pengurusan Program COSS daripada KPPK bermula 1 November 2016. Sejak diperkenalkan, KPDN dipertanggungjawabkan untuk mentadbir, menyelaras dan memantau aktiviti-aktiviti penyediaan minyak masak paket bersubsidi dalam kemasan polibeg 1kg untuk diedarkan di pasaran pada harga yang ditetapkan oleh Kerajaan iaitu pada harga RM2.50/kg.

KPDN juga bertanggungjawab menyelaraskan perbelanjaan subsidi kepada kilang penapisan dan syarikat pembungkusan untuk menampung pengeluaran sebanyak 60,000 tan sebulan dan jumlah kos keseluruhan program bergantung kepada pergerakan harga pasaran minyak sawit mentah (CPO). Sejak program ini diperkenalkan, seluruh rakyat Malaysia mendapat manfaat yang amat besar kerana harga minyak masak paket bersubsidi 1kg adalah jauh lebih rendah berbanding harga pasaran. Ini sudah tentu akan meringankan beban kos sara hidup rakyat khususnya menyediakan makanan bermasakan.

Pada tahun 2024, **Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM1.945 bilion** untuk menampung keperluan minyak masak paket bersubsidi di bawah Program Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (COSS).

Sebagai mana Yang Berhormat semua sedia maklum, semakin tinggi harga pasaran CPO, risiko ketirisan minyak masak paket bersubsidi ini turut meningkat kerana perbezaan margin keuntungan yang tinggi antara minyak masak paket bersubsidi dengan minyak masak dalam kemasan botol ataupun komersil.

KPDN tidak menafikan ada pihak yang tidak bertanggungjawab dan cuba mengambil kesempatan ke atas kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan untuk kepentingan masing-masing. Antara penyalahgunaan yang telah dikenal pasti berlaku termasuk:

- a. **Penggunaan dan pembelian oleh sektor-sektor yang tidak dibenarkan.** Minyak masak paket bersubsidi 1kg adalah untuk kegunaan domestik dan isi rumah dan bukan untuk tujuan komersil. Sebagai contoh, minyak masak paket bersubsidi 1kg oleh restoran-restoran dan industri pembuatan makanan adalah tidak dibenarkan;
- b. **Aktiviti penyeludupan minyak masak paket bersubsidi 1kg keluar ke negara jiran disebabkan perbezaan harga yang ketara.** Wujud pihak yang tidak bertanggungjawab yang mengambil kesempatan untuk mengambil keuntungan segera;
- c. **Menjual minyak masak paket bersubsidi 1kg kepada peraih minyak masak terpakai yang dijual pada harga lebih tinggi; dan**
- d. **Membungkus semula minyak masak paket bersubsidi 1kg dalam kemasan botol dan dijual pada harga yang tidak bersubsidi dan lebih tinggi.**

Oleh yang demikian, KPDM sentiasa berusaha dan mengatur strategi untuk memastikan minyak masak paket bersubsidi ini tidak disalah guna oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Sepanjang tahun 2024, usaha kawalan pendedaran minyak masak paket bersubsidi telah ditingkatkan meliputi pelaksanaan aktiviti-aktiviti :

- a. meningkatkan pemantauan dan penguatkuasaan ke atas pemilikan minyak masak paket bersubsidi oleh kumpulan-kumpulan yang tidak layak seperti di restoran-restoran dan industri pembuatan makanan.
- b. melaksanakan naziran dan audit kepada semua syarikat pembungkusan minyak masak paket bersubsidi di bawah Program COSS untuk memastikan pematuhan syarikat pembungkusan ke atas semua syarat-syarat yang telah ditetapkan. Berdasarkan auditan dan naziran yang dilaksanakan sepanjang tahun 2024, sebanyak 16 syarikat pembungkus telah digantung dan sebanyak 30 syarikat pembungkus telah ditarik kuota sepenuhnya kerana didapati melanggar syarat-syarat pemegang kuota

COSS.

- c. melaksanakan pemeriksaan ke atas pengedaran minyak masak paket bersubsidi di setiap lapisan rantai. Berdasarkan statistik daripada 1 Januari 2020 sehingga 31 Disember 2024, sebanyak 1,259 kes melibatkan minyak masak berjaya dihasilkan di bawah Akta 122 serta perundangan subsidiari di bawahnya melibatkan nilai rampasan sebanyak RM18,081,660.00.
- d. melaksanakan kawalan pengedaran minyak masak paket bersubsidi melalui mekanisme baharu (*zoning*) untuk memastikan keberadaan minyak masak paket bersubsidi di peringkat runcit. Melalui mekanisme ini, Pengawal Bekalan melalui kuasa di bawah Peraturan 12A, Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 boleh mengeluarkan Arahan Pengawal Bekalan bagi mengarahkan syarikat pembungkus untuk mengedarkan minyak masak paket bersubsidi ke pemborong dan peruncit yang ditetapkan oleh Kementerian. Mekanisme ini adalah satu mekanisme baharu yang dilaksanakan secara perundangan untuk memastikan bekalan minyak masak paket bersubsidi dapat disalurkan ke peruncit di kawasan yang memerlukan khususnya di kawasan-kawasan pedalaman. Mekanisme ini telah mula dilaksanakan secara rintis di Sabah dan Sarawak mulai 1 Ogos 2024 dan akan diperluaskan ke seluruh semenanjung pada tahun 2025.
- e. meningkatkan operasi penguatkuasaan secara berkala dan bersepadu dengan kerjasama agensi-agensi Penguatkuasaan yang lain khususnya melalui OPS TIRIS dan KITA GEMPUR iaitu Gerakan Membenters Manipulasi dan Ketirisan. Ini termasuklah meningkatkan bilangan anggota yang ditempatkan di kawasan sempadan dan berisiko tinggi untuk memastikan minyak masak paket bersubsidi tidak diseludup keluar negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATO' HAJI MAHIADDIN BIN HAJI MOHD.
YASSIN [PAGOH]**

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

TAN SRI DATO' HAJI MAHIADDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN [PAGOH] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah hasil penyertaan Malaysia dalam Sidang Kemuncak Ke-11 D8 di Kaherah, Mesir pada Disember lalu serta pendirian Kerajaan dalam isu-isu berbangkit sepanjang sidang berlangsung termasuk berkaitan situasi di Palestin di sebalik ketidakhadiran Perdana Menteri ke sidang berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Pagoh** di atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Pada 19 Disember 2024 yang lalu, Malaysia telah menyertai Sidang Kemuncak Ke-11 D-8 di Kaherah, Mesir. Antara hasil Sidang Kemuncak ini adalah Deklarasi Kaherah, yang mengalukan-alukan kemasukan Republik Azerbaijan sebagai ahli D-8 yang baru, pemuktamadan Mesir dalam meratifikasi, dengan izin, *D-8 Preferential Trade Agreement (D-8 PTA)*, dan mengalu-alukan Indonesia sebagai Pengerusi D-8 pada tahun 2026.
3. Sejarar dengan tema Sidang Kemuncak iaitu, dengan izin, "*Investing in Youth and Supporting SMEs: Shaping Tomorrow's Economy*", Malaysia telah menekankan kepentingan kerjasama dan perancangan pembentukan belia dalam bidang keusahawanan sesama Negara Anggota. Bagi membantu perancangan belia dalam memperkasa ekonomi masing-masing, Malaysia telah menawarkan perkongsian pengalaman kepada Negara Anggota D-8 dalam pembangunan SME dan usaha kesiapsiagaan menghadapi cabaran teknologi baharu seperti Kecerdasan Pintar (AI) dengan mempertingkatkan kemahiran melalui inovasi.
4. Malaysia juga telah menawarkan ruang kerjasama dalam bidang pembangunan kepimpinan berstruktur melalui kerjasama dengan Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT).
5. Semasa Sidang Kemuncak Ke-11 D-8, satu Sesi Khas bagi membincangkan situasi di Palestin dan Lubnan telah diadakan. Dalam hal ini, Malaysia telah menyatakan komitmen negara dalam membantu rakyat Palestin dan Lubnan, bersama Negara-Negara Anggota D-8 yang lain. Malaysia juga telah menekankan kepentingan dan kesediaan Negara Anggota untuk membantu memperkasakan belia-belia Palestin melalui

penawaran biasiswa, latihan vokasional dan program pemula niaga, atau dengan izin, *start-ups programme*.

6. Malaysia juga telah menyeru Negara Anggota D-8 untuk mewujudkan kerjasama rasmi dengan Palestin, selaras dengan Artikel 19 Piagam D-8, bagi membantu pembangunan sosioekonomi rakyat Palestin, termasuk usaha pemulihan semula, atau dengan izin, *rehabilitation* Palestin.
7. Malaysia juga dengan tegas telah mengecam keputusan Parlimen Israel (Knesset) yang melarang Agensi Bantuan dan Kerja Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Pelarian Palestin di Asia Barat, atau dengan izin, *United Nations Relief and Works Agency for Palestine Refugees in the Near East* (UNRWA), daripada beroperasi di Wilayah Palestin yang Diduduki (OPT), dan menggesa masyarakat antarabangsa untuk meningkatkan tekanan terhadap Israel supaya membatalkan keputusan yang tidak adil ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN HONG PIN [BAKRI]

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

TUAN TAN HONG PIN [BAKRI] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bagaimana Kementerian akan menangani kebimbangan bahawa status PR seseorang ibu di luar negara mungkin secara tidak wajar mempengaruhi penilaian permohonan kewarganegaraan anaknya bawah Perkara 15(2), terutamanya apabila ibu tersebut merancang untuk kembali ke Malaysia dan komited mengekalkan kesetiaan kepada negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Permohonan kewarganegaraan Malaysia di bawah Perkara 15(2) Perlembagaan Persekutuan perlu memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan dalam Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan, Kaedah-Kaedah Kewarganegaraan 1964, serta perundangan berkaitan yang berkuat kuasa dalam isu seperti pendaftaran perkahwinan, pengangkatan, kesahatarafan anak, dan peraturan imigresen.

Setiap permohonan kewarganegaraan melibatkan semakan secara komprehensif dari semua aspek terutamanya aspek keselamatan negara dan kepentingan umum. Walaupun ibu mungkin tidak berhasrat untuk mengambil kewarganegaraan asing, namun status Pemastautin Tetap di negara lain adalah faktor yang perlu dinilai secara teliti dengan mengambilkira niat untuk bermastautin lama di satu-satu negara dan aspek kesetiaan kepada Malaysia, yang menjadi faktor penting dalam penilaian permohonan kewarganegaraan.

Walau bagaimanapun, Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah mengambil inisiatif untuk mempermudah kriteria penilaian permohonan kewarganegaraan dan permohonan berkenaan boleh dipertimbangkan untuk kelulusan tertakluk kepada perundangan dan peraturan yang berkuat kuasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI HAMZAH BIN ZAINUDIN [LARUT]

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

DATO' SERI HAMZAH BIN ZAINUDIN [LARUT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah rasional yang mendorong KWSP menjual 163.36 juta sahamnya pada harga RM6 sesaham dan kemudiannya membeli semula pada harga lebih tinggi iaitu RM11.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Penjualan saham Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) oleh pengurus dana saham tersenarai KWSP oleh Jabatan Ekuiti pada tahun 2023 di Bursa Malaysia adalah sebahagian daripada strategi dagangan aktif KWSP untuk memanfaatkan pergerakan harga saham dan menjana pendapatan pelaburan jangka pendek.
2. Saham MAHB telah dijual pada harga antara 6 ringgit 80 sen hingga 7 ringgit 70 sen seunit, menghasilkan pendapatan berjumlah **102 juta ringgit** untuk agihan dividen KWSP bagi tahun kewangan 2023. Prestasi saham MAHB yang mengatasi Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) sebanyak **11.47 peratus** turut menjadi faktor utama strategi ini.
3. Tuduhan bahawa KWSP mengalami kerugian daripada penjualan ini adalah tidak berasas, dan ini jelas telah ditolak oleh KWSP melalui kenyataan akhbar pada 12 Februari 2025. Berdasarkan kenyataan ini, jelas bahawa KWSP telah mencatatkan keuntungan daripada penjualan beli saham MAHB dan berjaya merekodkan jumlah pendapatan pelaburan bersih sebanyak **RM63.48 bilion** bagi penyata kewangan berakhir 31 Disember 2023 dan telah berjaya mengisytiharkan dividen sebanyak 5.50% bagi Simpanan Konvensional dan 5.40% bagi Simpanan Syariah. Secara keseluruhan, sejak tahun 2014, jumlah pendapatan daripada dagangan aktif dan pengumpulan dividen saham MAHB telah mencapai nilai **650 juta ringgit**.
4. Aktiviti jual beli saham MAHB dan penswastan MAHB yang baru dimuktamadkan pada tahun ini adalah dua pelaburan yang berbeza iaitu dari segi matlamat pelaburannya dan dari segi jabatan yang bertanggungjawab menguruskan pelaburan tersebut.
5. Tawaran sukarela oleh Konsortium yang dianggotai KWSP untuk mengambil alih semua saham MAHB yang belum dimiliki pada

harga 11 ringgit setiap saham merupakan pelaburan baharu jangka panjang KWSP. Penglibatan KWSP pada kali ini mengambil kira aspek penciptaan nilai tambah yang lebih strategik atau 'value creation' dan strategi baharu, serta pelaksanaan pelan pemulihan dan penambahbaikan MAHB yang akan memastikan MAHB berada pada landasan yang tepat untuk disenaraikan semula pada harga yang lebih tinggi. Ini hanya boleh dikecapi melalui transformasi operasi MAHB.

6. Sejurus penyahsenaraian ini selesai Konsortium akan memberi sepenuh perhatian untuk meningkatkan infrastruktur, ketersambungan (connectivity) serta pengalaman penumpang. Mungkin secara kasarnya, perkara-perkara ini seperti tidak memainkan peranan penting kepada pemulihan MAHB tetapi sebenarnya, perubahan inilah yang menjadi asas kepada transformasi strategik MAHB. Dalam meningkatkan pelaburan dan menambah baik pengalaman penumpang, rakyat dan pelancong, usaha tidak hanya tertumpu kepada lapangan terbang antarabangsa utama seperti KLIA, Pulau Pinang dan Kota Kinabalu tetapi juga akan dilaksanakan penambahbaikan di lapangan terbang lain antaranya di Tawau, Kota Bharu dan Ipoh.
7. Sehingga pengumuman Tawaran Sukarela (*Voluntary General Offer*, VGO) pada 15 Mei 2024 di Bursa Malaysia, aktiviti dagangan saham MAHB oleh pengurus dana saham tersenarai berjalan mengikut mandatnya untuk menjana pulangan untuk ahli-ahli KWSP.
8. KWSP mengamalkan proses tadbir urus yang tegas melalui protokol perintang maklumat atau dikenali sebagai *Chinese wall* yang merupakan amalan piawaian standard di kalangan GLIC dan institusi kewangan. Di bawah protokol perintang maklumat, Jabatan Pelaburan Strategik yang bertanggungjawab ke atas VGO MAHB ini adalah dilarang sama sekali daripada berkongsi maklumat sensitif dan bukan umum kepada Jabatan Ekuiti.
9. Protokol ini memastikan pemisahan maklumat agar tidak berlaku sebarang percanggahan kepentingan yang boleh membawa risiko berlakunya "*insider trading*" yang merupakan kesalahan jenayah di bawah Akta

Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 (CMSA).

10. Protokol perintang maklumat tidak sewajarnya diperlekehkan kerana ianya merupakan langkah kawalan penting sebagai pertahanan terhadap "*insider trading*" seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 190, Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 ("CMSA"). Kesalahan insider trading ini merupakan satu kesalahan jenayah yang jika disabitkan boleh membawa kepada hukuman mandatori penjara tidak melebihi 10 tahun dan denda tidak kurang daripada RM1 juta.
11. Sekiranya KWSP menggunakan maklumat dalaman untuk membuat dagangan saham, ini boleh merosakkan integriti dan keadilan pasaran saham di Malaysia memandangkan penyertaan KWSP adalah sebanyak 38% daripada keseluruhan pasaran ekuiti tersenarai domestik.
12. Kawalan dalaman ketat yang telah diwujudkan dan dipraktikkan dengan penuh integriti oleh KWSP inilah yang telah menyumbang kepada keteguhan KWSP sebagai sebuah institusi pelaburan yang disegani sepanjang hampir 75 tahun penubuhannya. Sebagai institusi pelabur terbesar di Malaysia, KWSP mengambil berat peranannya dalam menyumbang kepada kestabilan pasaran kewangan. Apa-apa tindakan tidak wajar oleh KWSP bukan sahaja boleh menjejaskan reputasi dan kedudukan KWSP, malah boleh menjejaskan prestasi pasaran kewangan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. MOHAMMED TAUFIQ BIN JOHARI [SUNGAI PETANI]

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

DR. MOHAMMED TAUFIQ BIN JOHARI [SUNGAI PETANI] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah terdapat latihan atau kursus *bridging* bagi menangani kekurangan kemahiran menguruskan kes di kalangan pekerja sosial. Bagaimana program-program ini menangani jurang kelayakan di kalangan pekerja sosial yang mempunyai ijazah atau diploma dalam bidang kerja sosial berbanding dengan mereka yang tidak mempunyai kelayakan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Institut Sosial Malaysia (ISM) sebagai sebuah institut latihan awam dalam bidang kerja sosial melaksanakan pelbagai kursus dan latihan bagi meningkatkan kemahiran dan kecekapan dalam peserta dalam bidang kerja sosial. Pada tahun 2024, ISM menawarkan 31 jenis kursus tidak termasuk seminar dan bengkel. 15 daripada kursus tersebut adalah bagi meningkatkan kemahiran dan kecekapan pekerja sosial. Ia dilaksanakan secara bersemuka melibatkan 1,672 orang peserta. Bagi tahun 2025, ISM telah merancang untuk meneruskan program latihan ini dengan menyasarkan penyertaan lebih daripada 2,000 orang.

2. Dalam usaha meningkatkan kapasiti kakitangan sosial terutama dari segi kemahiran kaunseling dan pemulihan psikososial bagi menangani kes-kes kekejatan sosial seperti keganasan rumah tangga dan penderaan kanak-kanak dalam kalangan masyarakat, ISM juga telah mewujudkan beberapa kursus baharu sejak tahun 2022. Antaranya seperti Kursus Psychological First Aid (PFA), Kursus Asas Pendekatan Psikologi Dalam Pengurusan Kes, Kursus Professional Boundaries for Social Workers dan Kursus Kemahiran Kerja Kes Individu, Kumpulan & Komuniti. Kursus-kursus ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran mereka dalam aspek kaunseling dan psikososial agar dapat menguruskan kes-kes kumpulan sasar yang pelbagai di bawah KPWKM dengan lebih berkesan.

3. Pada tahun 2025 ini, ISM telah memperkenalkan inovasi pembelajaran Kursus Asas Pengetahuan Kerja Sosial yang boleh diakses secara dalam talian melalui Sistem ePPESO (Sistem Pembelajaran Perkhidmatan Sosial) bagi membolehkan lebih ramai mendapat akses kepada pembelajaran dalam bidang kerja sosial tanpa mengira jarak dan lokasi serta menjimatkan kos. Sehingga 17 Februari 2025, terdapat seramai lebih 500 orang pengguna aktif yang menggunakan sistem EPPEO. Antara kursus yang ditawarkan di dalam sistem EPPEO ialah Kursus Asas Pengetahuan Kerja Sosial, Kursus Asas Kesukarelawanan dan Kursus Pemahaman & Kesedaran Terhadap Gangguan Seksual.

4. ISM turut melaksanakan Program Sijil Profesional Asas Kerja Sosial (SPAKS) dengan kerjasama Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial, Universiti Utara Malaysia (UUM) bagi menangani jurang kelayakan dalam kalangan pekerja sosial yang mempunyai ijazah atau diploma dalam bidang kerja sosial berbanding dengan mereka yang tidak mempunyai kelayakan tersebut. Pelaksanaan kursus ini bertepatan dengan hasrat dan aspirasi Kerajaan yang menitikberatkan keterangkuman, pembangunan modal insan yang terampil serta bernilai sosial demi membentuk masyarakat yang lebih bertoleransi, harmoni dan progresif.

5. ISM dari semasa ke semasa sentiasa menambahbaik modul dan kursus yang ditawarkan agar tetap relevan dengan keperluan semasa. ISM juga dalam usaha untuk melaksanakan pembangunan kursus-kursus jangka pendek dan jangka panjang dengan kerjasama pakar dan ahli akademik daripada pelbagai universiti awam yang menawarkan bidang kerja sosial seperti Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Utara Malaysia, Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZa) bagi pembangunan kurikulum kursus.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WAN AHMAD FAYHSAL BIN WAN AHMAD
KAMAL [MACHANG]**

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

TUAN WAN AHMAD FAYHSAL BIN WAN AHMAD KAMAL [MACHANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah pelan khusus Kerajaan berhubung kebolehlaksanaan Cukai Barang Bernilai Tinggi (HVGT) yang ditangguhkan sejak tahun lalu termasuk kajian impak terhadap penetapan skop barangan dan nilai ambang yang berkaitan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, pelaksanaan cukai barang bernilai tinggi (HVGT) masih ditangguhkan kerana Kerajaan perlu memberi keutamaan kepada beberapa langkah reformasi fiskal yang baharu dilaksanakan pada tahun 2024 seperti pengenaan cukai ke atas barang bernilai rendah (LVG) dan penyasaran semula subsidi diesel.
2. Walau bagaimanapun, Kerajaan juga akan mengkaji kebolehlaksanaan dan pendekatan pengenaan cukai jualan ke atas barangan bernilai tinggi sebagai salah satu elemen dalam pelaksanaan langkah semakan semula kadar dan peluasan skop kenaaan cukai jualan dan cukai perkhidmatan (SST) sepertimana yang telah dicadangkan dalam pembentangan Belanjawan 2025.
3. Dasar dan perundangan bagi sebarang jenis cukai yang ingin diperkenalkan perlu dirangka dan digubal dengan teliti termasuklah dasar dan perundangan bagi pelaksanaan HVGT agar lebih menyeluruh dan cukai berkenaan dapat dilaksanakan dengan teratur dan cekap, mematuhi prinsip keadilan sosial, ekonomi dan kesejahteraan rakyat secara keseluruhannya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI MANNDZRI BIN HAJI NASIB [TENGGARA]

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

TUAN HAJI MANNDZRI BIN HAJI NASIB [TENGGARA] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan bagaimana Malaysia boleh memanfaatkan kepengerusian ASEAN dalam mempercepat kemasukan Timor-Leste sebagai anggota penuh ASEAN. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Malaysia dan ASEAN untuk meningkatkan lagi pembangunan kapasiti Timor-Leste supaya negara tersebut bersedia menggalas tanggungjawab sebagai sebuah negara anggota ASEAN.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Tenggara** atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Sebagai sebuah Kesatuan Negara-negara Asia Tenggara, keanggotaan ASEAN seharusnya merangkumi semua negara di rantau ini. Keanggotaan Timor-Leste akan mengukuhkan lagi Komuniti ASEAN serta menyumbang kepada keamanan, kestabilan dan kemakmuran serantau. Selain itu, ia juga akan menyumbang kepada memperkukuh perpaduan dan Kepusatan ASEAN serta meningkatkan keupayaan rantau ini dalam menangani cabaran keselamatan yang semakin kompleks.
3. Timor-Leste telah memohon untuk menyertai ASEAN sejak dari tahun 2011 dan ASEAN secara berperingkat telah menilai serta membantu negara itu memenuhi syarat keanggotaan penuh. Pada Sidang Kemuncak ASEAN ke-40 dan ke-41 di Phnom Penh pada November 2022, ASEAN secara prinsip bersetuju menerima Timor-Leste sebagai anggota ke-11, tertakluk kepada pemenuhan kriteria dalam Pelan Hala Tuju Keanggotaan Penuh.
4. Malaysia komited dalam menyokong proses keanggotaan penuh Timor-Leste ke ASEAN. Sebagai Pengerusi ASEAN 2025, Malaysia akan memastikan isu ini menjadi salah satu keutamaan dalam mesyuarat-mesyuarat ASEAN, termasuk Sidang Kemuncak ASEAN.
5. Antara langkah-langkah yang akan diambil Malaysia berhubung perkara ini adalah seperti berikut:
 - i. Malaysia akan memimpin usaha mempercepat dan mempermudah pelaksanaan Pelan Hala Tuju Keanggotaan Penuh, terutama dalam aspek yang melibatkan 88 Instrumen Undang-Undang serta perjanjian

ASEAN yang perlu disertai oleh Timor-Leste. Daripada jumlah tersebut, 69 perjanjian dan instrumen berada di bawah tonggak Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC), 13 di bawah Komuniti Politik dan Keselamatan (APSC), serta 6 lagi dalam Komuniti Sosio-Budaya(ASCC);

- ii. Susulan keputusan Menteri-menteri Luar ASEAN Oktober lalu untuk meningkatkan keterlibatan Timor-Leste dalam mesyuarat-mesyuarat ASEAN, sepanjang Kepengerusian ini, Malaysia akan menjemput Timor-Leste untuk membuat kenyataan dalam semua agenda kecuali yang melibatkan membuat keputusan;
 - iii. Malaysia akan terus memberi bantuan teknikal dan pembangunan kapasiti kepada Timor-Leste melalui Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP). Pada tahun 2024, Malaysia telah membelanjakan sebanyak RM1.97 juta untuk menyokong pembangunan teknikal dan kapasiti bagi 319 anggota serta pegawai-pegawai kerajaan Timor-Leste; dan
 - iv. Malaysia telah menyumbang sebanyak USD200,000.00 (RM865, 500.00) kepada Unit Timor-Leste, yang akan beroperasi di Sekretariat ASEAN untuk membantu dan memudahkan proses pelaksanaan Pelan Hala Tuju Keanggotaan Penuh Timor-Leste ke ASEAN.
6. Semasa Sesi Pemukiman Menteri-Menteri Luar Negeri ASEAN di Langkawi pada 18-19 Januari 2025, Negara-negara Anggota ASEAN lain turut menegaskan komitmen mereka untuk terus memberikan sokongan kepada Timor-Leste melalui program pembangunan kapasiti dan latihan teknikal, yang bertujuan memastikan Timor-Leste bersedia sepenuhnya menggalas tanggungjawab sebagai anggota penuh ASEAN.
7. Sehubungan ini, Malaysia akan terus bekerjasama secara terangkum dengan Negara-negara Anggota ASEAN lain serta rakan-rakan dialog dan luar yang berminat dalam membantu Timor-Leste menjadi anggota ASEAN seawal mungkin, demi manfaat mampan rantau ini.

8. Sokongan Malaysia terhadap Timor-Leste adalah selaras dengan komitmen Kerajaan untuk memperkukuh peranan negara sebagai pemimpin ASEAN yang dinamik dan berwawasan, sejajar dengan aspirasi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, semasa ucapan beliau di Vientiane Lao PDR pada 11 Oktober 2024, bahawa masa depan ASEAN perlu melibatkan Timor-Leste. Pendekatan ini mencerminkan usaha berterusan Malaysia dalam memastikan keterangkuman ASEAN, serta memperkukuhkan solidariti dan kerjasama serantau.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN RUSHDAN BIN RUSMI [PADANG BESAR]

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

TUAN RUSHDAN BIN RUSMI [PADANG BESAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bersedia menimbangkan kembali paras gaji yang dikenakan cukai pendapatan memandangkan kos sara hidup yang semakin meningkat ketimbang gaji yang masih di paras yang sama.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa mengkaji dan menambah baik struktur percukaian individu dari semasa ke semasa seiring dengan keperluan dan persekitaran ekonomi. Langkah penambahbaikan ini bukan sahaja untuk memastikan rakyat secara keseluruhannya tidak mengalami kesan besar dari kenaikan kos sara hidup, namun pada masa yang sama dapat meminimakan tanggungan cukai.
2. Bagi membantu mengurangkan tanggungan pembayar cukai, Kerajaan telah menyemak dan menstruktur semula kadar cukai pendapatan individu pemastautin melalui pengumuman Belanjawan 2023. Kadar cukai pendapatan individu pemastautin bagi banjaran pendapatan bercukai di antara RM35,001 hingga RM100,000 telah diturunkan sebanyak 2 mata peratusan. Penurunan kadar cukai ini dapat meningkatkan pendapatan boleh guna terutamanya dalam kalangan rakyat berpendapatan sederhana, di mana sekitar 2.4 juta pembayar cukai mendapat manfaat dengan lebih pendapatan boleh guna sehingga RM1,300 setahun bagi setiap individu.
3. Berdasarkan struktur dan kadar cukai yang terkini dengan mengambilkira pendapatan kasar tahunan setelah ditolak dengan pelepasan asas individu dan rebat cukai yang layak, individu yang menerima pendapatan penggajian tahunan kurang dari RM37,333 adalah tidak dikenakan cukai pendapatan.
4. Selain itu, pembayar cukai boleh menuntut 23 jenis pelepasan cukai individu seperti pelepasan untuk diri sendiri, pasangan, anak-anak, perbelanjaan perubatan dan gaya hidup, potongan KWSP, yuran penghantaran anak ke taska dan lain-lain pelepasan yang diperuntukkan di dalam Akta Cukai Pendapatan 1967. Pelepasan cukai ini dapat membantu pembayar cukai mengurangkan tanggungan cukai dan seterusnya meningkatkan pendapatan boleh guna.

5. Bagi kumpulan B40 yang rata-ratanya tidak termasuk di bawah skop individu yang dikenakan cukai pendapatan, Kerajaan menyediakan pelbagai bentuk bantuan dan subsidi, antaranya Sumbangan Tunai Rahmah yang bertujuan membantu meringankan kos sara hidup dan memastikan kesejahteraan rakyat sentiasa terpelihara.

6. Sebarang cadangan untuk menyemak semula struktur dan kadar cukai pendapatan individu perlu diperhalusi dan diteliti dengan mendalam dan menyeluruh oleh Kerajaan kerana ianya dikhuatiri akan menjejaskan kutipan sumber hasil cukai Kerajaan. Namun, Kerajaan mengambil maklum cadangan Yang Berhormat dan akan membuat kajian mengikut keperluan pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI DR. WEE JECK SENG [TANJUNG PIAI]

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

DATO' SRI DR. WEE JECK SENG [TANJUNG PIAI] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan penyaluran peruntukan segera pembinaan benteng bagi menangani masalah hakisan pantai di Taman Sri Pantai, Pontian yang menjadi semakin kritikal dan sudah terlalu dekat menghampiri rumah penduduk khususnya di Lot 886 dan Lot 889, Mukim Rimba Terjun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sentiasa memantau situasi dan keadaan terkini hakisan pantai di Mukim Rimba Terjun termasuklah di Taman Sri Pantai, Pontian.
2. PETRA melalui JPS akan memohon projek kawalan hakisan pantai di Mukim Rimba Terjun dalam *Rolling Plan* Kedua Rancangan Malaysia ke-13 (RP2 RMKe-13) dengan anggaran kos projek sebanyak RM16 juta. Objektif pelaksanaan projek ini adalah bagi mewujudkan kawasan bebas hakisan dan mengurangkan risiko tebing runtuh dan banjir pantai di kawasan pesisir pantai. Antara skop yang terlibat adalah pembinaan struktur kawalan hakisan sepanjang 1,500m struktur outlet dan pemasangan pintu air.
3. Pelaksanaan projek ini akan mengurangkan masalah hakisan tebing yang semakin kritikal disebabkan oleh fenomena air pasang kepada seramai 500 orang penduduk dan seluas 2,000 hektar akan turut dilindungi. Projek ini akan merencanakan lagi kegiatan ekonomi, pertanian dan aktiviti harian penduduk. Selain itu, pembinaan struktur outlet dan pemasangan pintu air pula akan dapat membantu mengurangkan pencemaran dan meningkatkan kualiti air berpunca daripada masalah air bertakung.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK [KUALA NERUS]

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

DATO' DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK [KUALA NERUS] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan perancangan Kementerian bagi memastikan ketelusan dan integriti dalam penguatkuasaan undang-undang alam sekitar di seluruh negara khususnya melibatkan pengurusan *e-waste* dilakukan dengan bertanggungjawab dan berkesan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sisa elektronik adalah dikategorikan sebagai buangan berbahaya kod A1180 di bawah *Annex VIII*, Konvensyen Basel dan buangan terjadual kod SW 110 di bawah Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005.
2. Bagi menjamin ketelusan dan integriti dalam penguatkuasaan undang-undang alam sekitar khususnya pengurusan *e-waste* dilaksanakan secara berkesan, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRES) melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) akan sentiasa memastikan pergerakan merentasi sempadan (pengimportan dan pengeksportan) sisa elektronik mematuhi tanggungjawab dan prosedur yang telah ditetapkan di bawah Konvensyen Basel termasuk pematuhan terhadap prosedur *Prior Informed Consent* (PIC) dan tertakluk kepada perundangan serta polisi yang ditetapkan oleh Malaysia.
3. Malaysia telah menetapkan bahawa sebarang pengimportan buangan berbahaya atau buangan terjadual untuk tujuan pemerolehan kembali adalah tidak dibenarkan. Pengurusan serta pelupusan *e-waste* di Malaysia dilaksanakan di kemudahan pemerolehan kembali yang dilesenkan dan dikuatkuasakan oleh JAS melalui Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 dan peraturan-peraturan lain di bawahnya. Ianya bertujuan untuk menguruskan dan mengendalikan buangan terjadual yang dihasilkan dalam negara sahaja.
4. JAS akan menjalankan penguatkuasaan berterusan terhadap premis yang menguruskan *e-waste* melalui pemeriksaan berkala, audit pematuhan dan tindakan tegas terhadap pelanggaran peraturan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Pelupusan dan pemprosesan *e-waste* secara haram boleh dikenakan tindakan penjara mandatori tidak melebihi 5 tahun dan penalti maksimum tidak melebihi RM10 juta seperti yang telah diperuntukkan melalui pindaan Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974.
5. Selain itu, latihan berkala dan peningkatan keupayaan pegawai JAS dalam aspek teknikal serta pengukuhan integriti pegawai penguatkuasa akan terus diperkasakan. Langkah ini penting bagi memastikan penguatkuasaan undang-undang alam sekitar dilaksanakan dengan bertanggungjawab, telus dan

berkesan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HASSAN [SRI GADING]

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HASSAN [SRI GADING] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimana Kementerian Kewangan atau Bank Negara Malaysia menilai keberkesanan langkah pengesahan eKYC yang dilaksanakan oleh TNG Digital dalam mengurangkan kes akaun keldai dan penipuan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. *Electronic Know-Your-Customer* (e-KYC) merupakan kaedah yang digunakan oleh institusi kewangan bagi mewujudkan hubungan perniagaan dan pengesahan identiti pengguna secara elektronik melalui saluran digital seperti sistem atas talian atau peranti mudah alih.
2. Kaedah ini digunakan oleh institusi kewangan yang menawarkan pendaftaran produk kewangan secara tidak bersemuka (*non-face to face*) bagi menggantikan kaedah tradisional yang memerlukan pengesahan identiti dan dokumen pengguna secara fizikal. Solusi e-KYC ini digunakan oleh pelbagai institusi kewangan di Malaysia termasuk pengeluar wang elektronik seperti TNG Digital Sdn. Bhd.
3. Bank Negara Malaysia (BNM) mengkehendaki institusi kewangan untuk memastikan pelaksanaan solusi e-KYC yang mantap, sejajar dengan keperluan yang telah digariskan dalam dokumen polisi e-KYC terkini yang telah dikeluarkan pada bulan April 2024.
4. Dokumen polisi tersebut menekankan keperluan untuk meningkatkan keberkesanan e-KYC, termasuk memastikan keberkesanan proses kawalan dalaman institusi kewangan untuk memantau dan mengurus risiko yang berkaitan dengan penggunaan e-KYC serta memastikan integriti solusi e-KYC melalui proses penilaian bebas dan pemerolehan pensijilan standard antarabangsa yang berkaitan.
5. Selain daripada keperluan yang ditentukan dalam polisi dokumen e-KYC, institusi kewangan juga perlu sentiasa memastikan pematuhan kepada dokumen polisi terkini Pencegahan Pengubahan Wang Haram (*Anti-Money Laundering, AML*), Pencegahan Pembiayaan Keganasan (*Countering Financing Terrorism, CFT*), dan Sekatan Kewangan Bersasar (*Targeted Financial Sanctions, TFS*) (*AML/CFT dan TFS*) yang dikeluarkan oleh BNM pada 5 Februari 2024.

6. Berdasarkan polisi dokumen e-KYC yang dikeluarkan oleh BNM, institusi kewangan dikehendaki memantau *false acceptance rate (FAR)* solusi e-KYC mereka bagi memastikan FAR berada pada tahap paling minima. Institusi kewangan juga hendaklah mengemukakan rekod prestasi solusi e-KYC, termasuk FAR kepada BNM setiap enam bulan. FAR merupakan penunjuk yang digunakan bagi mengira kekerapan solusi e-KYC menerima identiti pengguna yang tidak sah sebagai pengguna yang sah.

7. Solusi e-KYC yang berkesan akan dapat mengesan identiti palsu yang diberikan oleh pengguna. Walau bagaimanapun, memandangkan terdapat pelbagai modus operandi bagi penggunaan akaun keldai, contohnya pelanggan yang sah meminjamkan identiti mereka kepada sindiket penipuan, institusi kewangan masih perlu menggunakan langkah-langkah pencegahan lain untuk mengesan kes penggunaan akaun keldai dan penipuan. Selain itu, kempen kesedaran awam dan kerjasama berterusan antara agensi penguatkuasa adalah kritikal dalam menangani cabaran berkaitan akaun keldai dan penipuan di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI ABDUL LATIFF BIN ABDUL
RAHMAN [KUALA KRAI]**

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

TUAN HAJI ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN [KUALA KRAI] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan perkembangan semakan semula Akta Pembangunan Mineral 1994 dalam usaha menambah baik pengurusan unsur nadir bumi (REE) dalam negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pindaan Akta 525 melibatkan beberapa aspek seperti berikut:

- I. Pengukuhan kawalan ke atas aktiviti pengeksportan mineral dan bahan batuan termasuk bagi membolehkan peraturan berkaitan diwujudkan; dan
- II. Pengukuhan penguatkuasaan melalui peningkatan kerjasama antara agensi penguatkuasa.

2. NRES telah mengadakan libat urus bersama agensi berkaitan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan (AKPS) bagi mendapatkan maklum balas berkaitan pindaan akta berkaitan. Pindaan ini dijangka akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada bulan Julai 2025.

3. Hasil daripada pindaan Akta 525 ini berupaya untuk meningkatkan kecekapan tadbir urus dalam pengurusan pengeksportan mineral dan bahan batuan serta mengukuhkan lagi aspek penguatkuasaan industri mineral khususnya dalam mengurangkan ketirisan akibat daripada aktiviti perlombongan haram dan penyeludupan keluar sumber mineral negara termasuk REE.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mengapa Kementerian mengumumkan tidak akan membenarkan pemilik-pemilik kenderaan untuk memperbaharui Lesen Memandu Malaysia dan Lesen Kenderaan Motor jika mereka tidak menjelaskan kompaun saman trafik kerana mahkamah sudah memutuskan pihak Jabatan Pengangkutan Jalan tidak boleh berbuat sedemikian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kes mahkamah yang dirujuk dalam perkara ini ialah kes *Leonard Lim Yaw Chiang v Director of Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Sarawak & Anor* [2008] MLJU 1091 ("kes Leonard Lim") yang diputuskan oleh Mahkamah Tinggi Kuching, Sarawak.
2. Namun demikian, Kerajaan melalui JPJ telah memfailkan rayuan ke Mahkamah Rayuan Malaysia, dan berdasarkan semakan dengan Jabatan Peguam Negara, Mahkamah Rayuan telah membenarkan rayuan tersebut serta mengetepikan keputusan Mahkamah Tinggi pada 16 Februari 2012. Dengan keputusan Mahkamah Rayuan ini, tindakan JPJ dalam menyekat transaksi pembaharuan LMM dan LKM adalah sah dan teratur di sisi undang-undang.
3. Selain itu, di bawah peruntukan Seksyen 119B Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333], Pengarah JPJ mempunyai kuasa untuk menyekat sebarang transaksi yang berkaitan di bawah Akta 333 sekiranya terdapat kes atau perkara yang belum selesai berhubung dengan pelanggaran mana-mana peruntukkan dalam Akta tersebut. Malah, Seksyen 17 dan Seksyen 29 Akta 333 serta Akta Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 (Akta 334) turut memberikan kuasa kepada JPJ untuk mengambil tindakan yang sama.

Sekian terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI AHMAD AMZAD BIN MOHAMED @
HASHIM [KUALA TERENGGANU]**

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

**DATUK HAJI AHMAD AMZAD BIN MOHAMED @ HASHIM [KUALA
TERENGGANU] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan :**

- a. status komitmen pelaburan oleh 6 GLIC sebanyak RM120 bilion bagi tujuan pelaburan langsung domestik

- b. usaha penambahbaikan terhadap kerangka proses penilaian wajar oleh GLIC untuk kelulusan pelaburan serta aspek pengurusan risiko mengambil iktibar daripada kerugian pelaburan FashionValet oleh PNB dan Khazanah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada Ogos 2024, enam GLIC secara kolektif telah memberi komitmen untuk melabur RM120 bilion dalam Pelaburan Langsung Domestik (DDI) sepanjang tempoh lima tahun, di samping RM440 bilion dalam pelaburan pasaran awam. Berikut adalah status pelaksanaan utama setakat ini:
2. Khazanah, melalui Dana Impak, telah memperuntukkan RM1 bilion masing-masing untuk tiga inisiatif utama di bawah Jelawang Capital, Pelaburan Semikonduktor, dan Syarikat Peringkat Pertengahan (*Mid-Tier Companies*). Di bawah Jelawang Capital, *Emerging Fund Managers Programme* (EMP) dan *Regional Fund Managers' Initiative* (RMI) telah diumumkan pada Oktober 2024 dan dijangka selesai menjelang akhir suku pertama 2025.
3. Pada Disember 2024, Khazanah menjadi pelabur utama dalam Cambrian Fund bernilai RM100 juta yang akan melabur dalam usahawan dan PKS semikonduktor tempatan serta melabur secara langsung dalam Syntiant Corp yang berhasrat untuk menubuhkan pusat penyelidikan & pembangunan (*R&D*) AI bertaraf dunia di Malaysia. Selain Dana Impak, UEM Lestra akan menerajui peralihan tenaga Malaysia dengan perancangan pelaburan RM1.5 bilion sepanjang 2025-2026 untuk mendekarbonisasi taman perindustrian.
4. Program pelaburan utama KWAP di bawah Belanjawan 2025 merangkumi komitmen sebanyak RM1 bilion kepada Dana Perintis dan RM6 bilion kepada Dana Pemacu. Pada masa ini, kira-kira 50% daripada siri pertama Dana Perintis telah pun diperuntukkan dan disalurkan kepada syarikat-syarikat, manakala Dana Pemacu berada di landasan untuk dilancarkan pada suku pertama 2025. Selain itu,

sebanyak RM300 juta telah diperuntukkan bagi pembangunan kemudahan penjagaan warga emas di atas tanah wakaf.

5. KWSP terus menilai peluang dalam sektor berimpak tinggi seperti penjagaan kesihatan, peralihan tenaga, pusat data, pelabuhan, teknologi, sekuriti makanan, dan pendidikan. Penjagaan kesihatan kekal sebagai keutamaan, dengan tumpuan kepada hospital kepakaran khusus, penjagaan ambulatori, diagnostik, dan penjagaan warga emas. Selain itu, KWSP kekal sebagai rakan strategik dalam inisiatif Rakan KKM bersama Kementerian Kesihatan, di mana Kerajaan turut menyediakan dana semai sebanyak RM25 juta.
6. GLIC lain seperti PNB terus mengorak langkah dalam memperkukuh ‘*relay-race*’ pelaburan Bumiputera, membangunkan taman perindustrian strategik seperti Kerian Integrated Green Industrial Park (KIGIP), serta memacu penciptaan nilai dalam Syarikat Milik Kerajaan (GLC).
7. Di samping pelaburan yang berteraskan hasrat “*Raise the Ceiling*”, GLIC terus memainkan peranan penting dalam inisiatif “*Raise the Floor*” bagi memastikan impak sosioekonomi yang lebih meluas. Mereka komited memastikan pekerja tetap warga Malaysia dalam GLIC dan GLC menerima manfaat gaji minimum RM3,100 termasuk manfaat seperti insurans kesihatan bagi menyokong taraf hidup yang wajar.
8. Kerangka GEAR-uP menetapkan prinsip panduan untuk menyelaraskan gaji sesuai dengan realiti kos sara hidup, dengan sejumlah GLC yang sedang merangka dasar khusus bagi mendukung peralihan ini. Selain itu, Khazanah juga melatih 11,000 belia melalui Program K-Youth dan memperuntukkan RM600 juta untuk pemulihan Bangunan Sultan Abdul Samad dan Carcosa Seri Negara.

9. Dalam perkembangan terkini, rangkaian GDRN juga telah menggerakkan sejumlah RM22.5 juta bagi bantuan banjir, mengukuhkan lagi peranan GLIC dalam pembangunan negara.
10. Mencapai hasrat Ekonomi Madani adalah teras kepada aspirasi GEAR-uP, dan GLIC terus komited terhadap pelaburan berhemah yang dipandu oleh rangka kerja tadbir urus yang kukuh serta pematuhan kepada mandat masing-masing. Selain itu, pelaburan KWAP dan EPF juga perlu mematuhi perundangan masing-masing iaitu Akta KWAP 2007 dan Akta EPF 1991.
11. Setiap GLIC mempunyai struktur tadbir urus yang kukuh yang membolehkan Lembaga Pengarah, Panel atau Jawatankuasa Pelaburan, dan Jawatankuasa Risiko untuk melaksanakan pengawasan dan pemantauan pada pelbagai peringkat keputusan pelaburan.
12. Selain itu, setiap GLIC mempunyai mandat pelaburan yang jelas seperti yang terkandung dalam strategi pelaburan, dasar, dan rangka kerja alokasi aset strategik mereka yang menentukan tahap risiko dan pulangan bagi portfolio pelaburan mereka. Di bawah strategi pelaburan ini, GLIC terus mengamalkan model pelaburan yang pelbagai – baik secara langsung mahupun tidak langsung – yang selaras dengan mandat pelaburan mereka.
13. Tahun 2024 telah menjadi tahun pencapaian luar biasa bagi GLIC yang mencerminkan tadbir urus yang kukuh, disiplin pelaburan, dan komitmen terhadap kemajuan negara. Dengan pasukan pengurusan yang sangat berkelayakan dan rangka kerja risiko yang teguh, mereka terus mengharungi landskap pasaran yang sentiasa berkembang dengan wajar dan telus. Keuntungan yang amat memberangsangkan dan pertumbuhan mantap yang dilaporkan oleh Khazanah dan KWAP yang disokong oleh pasaran saham yang

kukuh serta KDNK yang lebih baik daripada jangkauan mengukuhkan lagi kemajuan Ekonomi MADANI.

14. Dalam menghadapi ketidakpastian yang semakin meningkat akibat pergolakan geopolitik, terutamanya di Amerika Syarikat, pelaburan domestik strategik oleh GLIC menjadi semakin penting dan akan memainkan peranan utama dalam memperkukuh ekonomi negara dari dalam serta memperutuh daya tahan terhadap kesan luar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [KEPONG]

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

TUAN LIM LIP ENG [KEPONG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapa Kerajaan tidak menghantar pengasas syarikat Bestinet, Aminul Islam pulang ke negara asalnya, Bangladesh walaupun beliau dikehendaki oleh Kerajaan Bangladesh. Adakah kerajaan akan mengeluarkan visa berjenis *multipleentry* kepada pekerja-pekerja asing, khususnya daripada Bangladesh.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Penyerahan mana-mana individu kepada mana-mana negara atas alasan individu tersebut dikehendaki di negara tersebut, perlu melalui proses perundangan yang berkaitan. Proses ekstradisi di Malaysia adalah berdasarkan kepada dua legislatif, iaitu Akta Ekstradisi 1992 [*Akta 479*] dan Triti Ekstradisi di antara Malaysia dan negara asing. Sekiranya Malaysia tidak mempunyai Triti dengan negara asing, proses ekstradisi masih boleh dilaksanakan berdasarkan Seksyen 3 Akta 479.

Tuan Yang di Pertua,

Kerajaan memberikan kemudahan Visa Berulang Kali “Multiple Entry Visa” kepada 14 negara sumber penggajian pekerja asing iaitu Indonesia, Nepal, Myanmar, India, Vietnam, Filipina, Pakistan, Thailand, Kemboja, Sri Lanka, Lao PDR, Turkmenistan, Uzbekistan dan Kazakhstan. Kemudahan ini bertujuan memudah cara urusan keluar masuk pekerja asing ke dalam negara dalam tempoh penggajian. Manakala, kemudahan Visa Sekali Guna “Single Entry Visa” telah ditetapkan bagi pekerja asing warganegara Bangladesh bermula tahun 1998.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : KAPTEN DATO' DR. ZULKAFPERI BIN HANAPI
(BERSARA) [TANJONG KARANG]**

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

KAPTEN DATO' DR. ZULKAFPERI BIN HANAPI (BERSARA) [TANJONG KARANG] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perancangan Kementerian untuk memperluas rangkaian pengangkutan awam di luar bandar seluruh negara pada tahun 2025.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pengangkutan (MOT) sentiasa komited dalam usaha memperluas liputan rangkaian dan menambahbaik tahap perkhidmatan pengangkutan awam agar dapat merancakkan penggunaan perkhidmatan pengangkutan awam sama ada di bandar utama atau di luar bandar. Pelbagai usaha telah dirancang dan sedang dilaksana merangkumi perluasan kawasan liputan perkhidmatan pengangkutan awam, pelaksanaan projek-projek atau program pengangkutan awam pelbagai mod dan inisiatif penjimatan kos perjalanan kepada pengguna.
2. Bagi perkhidmatan rel menghubungkan kawasan luar bandar, pada masa ini terdapat perkhidmatan KTM ETS menghubungkan Gemas ke Padang Besar, KTM Komuter Utara (Butterworth – Padang Besar), KTM Komuter Selatan (Batu Caves – Pulau Sebang), dan KTM Antarabandar (Gemas – Tumpat). Bagi memperluas perkhidmatan rel di luar bandar, Kerajaan pada masa ini melaksana projek-projek perluasan liputan rangkaian kereta api baharu dan naik taraf landasan yang dijangka dapat memberi manfaat pertumbuhan ekonomi di kawasan sekitar jajaran. Ini termasuk projek Landasan Keretapi Pantai Timur (ECRL) yang dijangka mula operasi Januari 2027, menghubungkan bandar-bandar sepanjang jajaran Pelabuhan Klang ke Kota Bharu. Selain itu, projek *Rapid Transit System* (RTS) antara Johor Bahru dan Singapura juga sedang giat disiapkan dan dijangka beroperasi pada tempoh sama. Kerajaan juga sedang memantau projek-projek naik taraf landasan seperti *Klang Valley Double Track* (KVDT) dan Landasan Berkembar Elektrik Gemas ke Johor Bahru yang dijangka siap pada tahun 2025.
3. Perkhidmatan bas berhenti-henti pula merupakan salah satu mod pengangkutan yang melengkapkan sistem pengangkutan awam di negara ini. Bagi memastikan liputan perkhidmatan bas berhenti-henti di bandar-bandar utama sentiasa ditambah baik, Kerajaan bermula tahun 2015 telah melaksanakan Program Transformasi Perkhidmatan Bas Berhenti-henti (

Stage Bus Service Transformation, SBST) secara berperingkat di Kangar, Kuala Terengganu, Seremban, Ipoh, Johor Bahru dan Melaka. Program SBST juga akan diperluas ke Kota Setar, Kota Bharu, Kuching, Kota Kinabalu dan Kuantan bermula tahun 2025.

4. Langkah-langkah yang telah dilaksanakan dan sedang dalam perancangan Kerajaan ini sudah tentu bermatlamat untuk menggalakkan penggunaan pengangkutan awam agar ia menjadi mod pengangkutan pilihan rakyat sama ada di bandar atau di luar bandar. Melalui projek atau program perluasan liputan rangkaian perkhidmatan rel dan bas yang lebih menyeluruh, ia sudah tentu akan merapatkan jurang pembangunan dan jaringan pengangkutan awam antara bandar dan luar bandar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI DORIS SOPHIA ANAK BRODI [SRI AMAN]

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

DATO' SRI DORIS SOPHIA ANAK BRODI [SRI AMAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memperkenalkan dasar fiskal yang lebih inklusif, yang dapat menyokong pemulihan ekonomi negara tanpa memberi kesan negatif kepada golongan berpendapatan rendah dan perniagaan kecil.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan komited dalam meneruskan usaha meningkatkan kemampuan kewangan Kerajaan tanpa menjejaskan momentum pertumbuhan. Pada 2024, defisit fiskal berbanding KDNK berkurang kepada 4.1 peratus berbanding 5 peratus yang dicatatkan pada 2023. Kedudukan defisit fiskal diunjur terus berkurang kepada 3.8% pada 2025 seperti yang dibentangkan dalam Belanjawan 2025.
2. Kerajaan akan terus melaksanakan langkah pembaharuan fiskal bagi membina semula penampakan fiskal di samping menyokong agenda pembangunan negara. Di antara langkah-langkah yang diambil adalah dengan memperkukuh asas hasil, mengoptimumkan pengurusan perbelanjaan, mengurangkan pendedahan risiko dan menambah baik tadbir urus fiskal. Dalam hal ini inisiatif yang bersifat inklusif turut dilaksanakan bagi memastikan kebajikan golongan berpendapatan rendah dan perniagaan kecil terus terpelihara.
3. Belanjawan 2025 misalnya meneruskan komitmen Kerajaan menyokong golongan berpendapatan rendah untuk meringankan kos sara hidup melalui peruntukan RM13 bilion bagi Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) yang memanfaatkan 9 juta penerima atau bersamaan 60 peratus penduduk dewasa negara. Selain itu, dalam kerajaan meneruskan pelaksanaan penyasaran subsidi diesel, pengguna diesel yang layak kekal menerima bantuan tunai BUDI MADANI sebanyak RM200 sebulan.
4. Kerajaan turut menyediakan kemudahan pinjaman perniagaan dan jaminan pembiayaan oleh agensi Kerajaan untuk manfaat usahawan mikro, kecil dan sederhana (PMKS). Langkah ini akan membantu PMKS berkembang, meningkatkan daya tahan perniagaan tempatan serta mewujudkan peluang pekerjaan yang lebih luas kepada rakyat. Bagi membantu meluaskan akses PMKS kepada pembiayaan perniagaan pula, pengecualian duti setem

diberi ke atas surat cara perjanjian pinjaman atau pembiayaan yang disempurnakan oleh PMKS dan pelabur melalui platform *Initial Exchange Offering* (IEO) yang berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia bagi tempoh 2 tahun sehingga 31 Disember 2026, manakala had amaun pinjaman atau pembiayaan Skim Pembiayaan Mikro (SPM) di antara PMKS dan institusi kewangan bagi tujuan pengecualian duti setem dinaikkan daripada RM50,000 kepada RM100,000 mulai 1 Januari 2025.

5. Kesemua langkah ini mencerminkan komitmen Kerajaan dalam memelihara pertumbuhan ekonomi jangka masa panjang dan kestabilan sosial demi meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI MOHD MISBAHUL MUNIR BIN
MASDUKI [PARIT BUNTAR]**

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

TUAN HAJI MOHD MISBAHUL MUNIR BIN MASDUKI [PARIT BUNTAR]
minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan :

- a. usaha proaktif Kementerian untuk memperkasa pendidikan politeknik sebagai penyumbang utama dalam penyediaan pasaran tenaga mahir masa depan
- b. adakah KPT bersedia mengkaji keperluan untuk memperluas program pengajian sepenuh masa atau kursus-kursus berasaskan perkhidmatan yang ditawarkan di politeknik seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a)

1. Terdapat pelbagai strategi yang telah dan sedang diambil oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) secara khusus untuk memperkasa pendidikan politeknik sebagai penyumbang utama dalam penyediaan pasaran tenaga mahir masa hadapan.

2. Strategi utama ini adalah seperti mana yang telah digariskan melalui Hala Tuju Transformasi Politeknik 2023-2035. Terdapat tiga (3) Inisiatif Pembaharuan Berstrategik bagi hala tuju ini iaitu:

- (i) penggubalan dasar-dasar pintar secara bersepadu,
- (ii) penglibatan pihak-pihak berkepentingan secara menyeluruh, dan
- (iii) penyusunan semula program pengajian secara berstruktur.

3. Matlamat yang diharapkan daripada Transformasi Politeknik ini adalah untuk:

- (i) menyediakan tempat kepada 300,000 enrolmen pelajar menjelang tahun 2035,
- (ii) memastikan enrolmen diploma Politeknik mewakili 50 peratus daripada keseluruhan enrolmen diploma TVET awam nasional,
- (iii) memastikan kadar kebolehpasaran graduan (graduate employability) adalah melebihi paras 95 peratus sepanjang tempoh 2023 hingga 2035, dan
- (iv) memastikan pendapatan permulaan penengah graduan adalah minimum RM3,000 sebulan menjelang tahun 2035.

4. Untuk menjayakan agenda transformasi ini di peringkat pengoperasian, Hala Tuju Transformasi Politeknik 2023-2035 menggariskan 13 Agenda

Pembaharuan Kritikal (CRA) dan 18 Objektif Strategik (SO) yang meliputi domain governan, program pengajian, sinergi politeknik-industri, pelajar dan warga kerja.

Tuan Yang di-Pertua,

(b)

5. Untuk makluman, dalam aspek keperluan memperluas program pengajian sepenuh masa atau kursus-kursus berasaskan perkhidmatan yang ditawarkan di politeknik seluruh negara, KPT melalui JPPKK sentiasa mengemas kini program-program pengajian yang ditawarkan termasuk kursus-kursus reskilling and upskilling mengikut hala tuju pertumbuhan ekonomi negara dan permintaan pihak industri.

6. JPPKK turut memperluas program-program berasaskan perkhidmatan dari semasa ke semasa sekiranya sektor perkhidmatan negara mengembang dan terdapat pertambahan permintaan tenaga kerja dalam sektor ini pada masa hadapan.

7. Terdapat banyak langkah dan strategi KPT dalam memperkasa pendidikan politeknik, antaranya agenda terbesar adalah Hala Tuju Transformasi Politeknik 2023-2030 yang memfokus kepada Politeknik Unggul Pemacu Masyarakat Madani.

8. KPT telah menetapkan bahawa Politeknik perlu diperkasakan dengan imej baharu supaya ia mampu bersaing dan menjadi institusi pilihan utama semua pemegang taruh dalam penyediaan pasaran tenaga mahir masa hadapan.

9. Justeru Transformasi Politeknik ini mempunyai ciri-ciri seperti TVET for all, program yang fleksibel dan berteraskan teknologi terkini serta menyumbang kepada guna tenaga berkemahiran tinggi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan usaha-usaha pengurangan kebergantungan kepada dolar Amerika Syarikat yang dilaksanakan oleh Malaysia dan penilaian efikasi terhadap setiap usaha tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- 1. Kerajaan dan Bank Negara Malaysia (BNM) telah mengambil langkah-langkah proaktif untuk menggalakkan penggunaan mata wang tempatan bagi penyelesaian perdagangan dan pelaburan rentas sempadan.** Objektif utama langkah-langkah ini bertujuan untuk membolehkan pengurusan pendedahan pertukaran asing yang lebih cekap dan secara langsung mengukuhkan daya tahan dari faktor-faktor luar.
- 2. Kerajaan dan BNM telah meneroka peluang kerjasama penyelesaian mata wang tempatan dengan negara-negara strategik seperti China sejak 2009, Thailand sejak 2016 dan Indonesia pula sejak 2017 yang mempunyai nilai dagangan dua hala yang tinggi.** Inisiatif sebegini berpotensi meningkatkan tahap kecekapan dan kecairan pasaran mata wang tempatan dan secara langsung boleh membawa kepada manfaat dua hala kepada ekonomi-ekonomi serantau.
- 3. Pada peringkat serantau, Menteri Kewangan dan Gabenor Bank Pusat ASEAN telah meluluskan “*High Level Principles on the ASEAN LCT Framework*” pada Ogos 2023 ke arah meningkatkan kerjasama antara negara-negara ASEAN dengan memberi garis panduan untuk negara-negara ASEAN yang ingin menubuhkan kerjasama transaksi mata wang tempatan sesama negara serantau yang lain.**
- 4. Peningkatan penggunaan mata wang tempatan dalam penyelesaian perdagangan serantau menunjukkan tahap kesedaran dan permintaan yang semakin kukuh. Kerajaan dan BNM akan terus memperkukuh serta menambah baik saluran dan mekanisme sedia ada bagi mempermudah urusan perdagangan dan pelaburan dalam mata wang tempatan.** Langkah ini secara langsung akan menyokong usaha ke arah memastikan kelestarian dan kestabilan kewangan serantau. Namun, kebebasan untuk memilih mata wang penyelesaian adalah tertakluk kepada keputusan komersial syarikat perdagangan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WIRA HAJAH MAS ERMIEYATI BINTI HAJI
SAMSUDIN [MASJID TANAH]**

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

DATUK WIRA HAJAH MAS ERMIEYATI BINTI HAJI SAMSUDIN [MASJID TANAH] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan mengenai pelaksanaan paparan plak nombor pendaftaran di premis TASKA yang berdaftar di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat dan adakah Kementerian ada menyediakan inisiatif atau bantuan pemerksaan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKM) diberi tanggungjawab untuk pendaftaran, pengawalan dan pemeriksaan taman asuhan kanak-kanak (TASKA) sebagaimana peruntukan Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 [Akta 308] dan Peraturan-Peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak 2012. Sehubungan itu, KPWKM sentiasa mengambil inisiatif berterusan dalam usaha mengurangkan risiko berlakunya kes melibatkan kecuaiian, pengabaian dan penderaan kanak-kanak di Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA).
2. KPWKM sentiasa komited untuk mengenalpasti inisiatif baru dalam memastikan penyampaian perkhidmatan kepada kumpulan sasar lebih berkesan. Pada 10 Januari 2025, KPWKM telah melancarkan Plak TASKA Berdaftar bagi memudahkan ibu bapa/penjaga serta orang awam mengenalpasti premis TASKA berdaftar. Ia dapat membantu meningkatkan keyakinan ibu bapa terhadap TASKA yang menunjukkan ia diuruskan secara profesional dan mematuhi standard yang telah ditetapkan.
3. Sebagai langkah permulaan, pemasangan Plak TASKA berdaftar ini akan dilaksanakan oleh pihak KPWKM adalah secara percuma kepada lebih 3,000 TASKA sedia ada berdaftar sebelum 31 Disember 2025 di seluruh negara.
4. Plak ini adalah tanda komitmen dan simbol kepada pematuhan standard. Pemasangan plak ini boleh membantu ibu bapa mengenalpasti TASKA yang berdaftar dan seterusnya juga dapat mengurangkan risiko berlakunya kecuaiian dan penderaan terhadap kanak-kanak di TASKA. KPWKM memerlukan kerjasama semua pihak, termasuklah ibu bapa mahupun orang awam, untuk memainkan peranan dalam sama-sama memastikan keselamatan kanak-kanak di TASKA terjamin, antaranya adalah melaporkan kewujudan TASKA yang tidak berdaftar. Diharapkan masyarakat akan lebih prihatin dan cakna dengan apa yang berlaku di kalangan sekeliling di komuniti kita, serta berganding bahu demi kesejahteraan anak-anak kita.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG [AYER HITAM]

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG [AYER HITAM] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan pertimbangan Kerajaan untuk menetapkan penggunaan petrol Euro 5 sebagai keperluan minimum dalam memperbaharui dasar insentif kenderaan diesel menjelang tahun 2026 dan apakah Kerajaan berhasrat untuk menyediakan insentif eksklusif bagi menggalakkan peralihan penggunaan teknologi Euro 5 dengan lebih cepat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan telah mula merancang hala tuju peningkatan kualiti bahan api petrol dan diesel yang lebih bersih sejak tahun 2006 sebagai usaha ke arah meningkatkan kualiti udara Negara dan kesejahteraan hidup rakyat. Dalam hal ini, penetapan garis masa pelaksanaan kualiti bahan api berspesifikasi EURO 5 telah diputuskan dalam Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara Bil. 21/2014 pada 18 Ogos 2014 untuk mula dilaksanakan pada 1 September 2025.

2. Berdasarkan kepada perancangan tersebut, pelaksanaan kualiti bahan api petrol dengan spesifikasi EURO 5 adalah secara berperingkat, bermula pada 1 September 2025 hingga 1 September 2027 melalui pematuhan kepada Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Kandungan Petrol dan Diesel) 2007 (Pindaan) 2021 di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

3. Pelaksanaan kawalan pematuhan ini merupakan salah satu langkah Kerajaan untuk mengurangkan kandungan sulfur, plumbum dan benzen dalam bahan api bagi meningkatkan kualiti udara, selaras dengan usaha untuk mencapai sasaran pengurangan pelepasan gas rumah kaca.

4. Walau bagaimanapun, Kerajaan prihatin dalam memastikan sesuatu pelaksanaan dasar tidak memberikan implikasi negatif kepada kewangan negara dan membebankan rakyat serta pemain industri berkaitan. Justeru, Kerajaan terbuka menetapkan garis masa yang lebih seimbang untuk mengambil kira semua aspek pelaksanaan.

5. Sementara itu, kualiti bahan api diesel dengan spesifikasi EURO 5 telah dilaksanakan sejak 1 April 2021 dan mencapai spesifikasi penuh pada 1 April 2023 di seluruh Negara.

6. Pada masa ini, Kerajaan tidak berhasrat untuk memperkenalkan insentif yang eksklusif bagi mempercepat peralihan ke arah penggunaan teknologi EURO 5. Tumpuan Kerajaan pada ketika ini adalah menggalakkan penggunaan tenaga boleh diperbaharui (*renewable energy*), serta meningkatkan penggunaan kenderaan elektrik (EV) dan *plug-in hybrid electric vehicle* (PHEV) selaras dengan pelaksanaan Dasar Peralihan Tenaga Kebangsaan (NETR).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : KAPTEN AZAHARI BIN HASAN [PADANG RENGAS]

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

KAPTEN AZAHARI BIN HASAN [PADANG RENGAS] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan statistik secara menyeluruh dan peratusan pencarum KWSP bagi bangsa Melayu, Cina, India dan lain-lain sama ada yang mencarum secara sendiri atau mencarum di bawah syarikat. Serta statistik semasa dari golongan T20, M40 dan B40.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, setakat 31 Disember 2024, bilangan ahli dan tahap simpanan KWSP ahli berumur bawah 55 tahun berdasarkan bangsa adalah seperti berikut:

Bilangan dan Peratusan Ahli KWSP Bawah Umur 55 Tahun Mengikut Bangsa

BANGSA	SEMUA AHLI	AHLI AKTIF	AHLI TIDAK AKTIF
Bumiputera	8,713,657 (65.9%)	5,017,540 (63.6%)	3,696,117 (69.3%)
■ Melayu	7,232,997 (54.7%)	4,170,696 (52.8%)	3,062,301 (57.4%)
■ Bumiputera Lain	1,480,660 (11.2%)	846,844 (10.7%)	633,816 (11.9%)
Cina	3,190,747 (24.1%)	2,108,998 (26.7%)	1,081,749 (20.3%)
India	1,014,293 (7.7%)	617,911 (7.8%)	396,382 (7.4%)
Lain-lain	312,133 (2.4%)	150,850 (1.9%)	161,283 (3.0%)

Keseluruhan	13,230,830 (100.0%)	7,895,299 (100.0%)	5,335,531 (100.0%)
--------------------	--------------------------------	-------------------------------	-------------------------------

2. Manakala, setakat 31 Disember 2024, bilangan ahli dan tahap simpanan KWSP ahli berumur bawah 55 tahun berdasarkan klasifikasi golongan B40, M40 dan T20 adalah seperti berikut:

Bilangan dan Peratusan Ahli KWSP Bawah Umur 55 Tahun Mengikut Tahap Simpanan

TAHAP SIMPANAN	SEMUA AHLI	AHLI AKTIF	AHLI TIDAK AKTIF
B40 (40 peratus terendah)	5,292,331 (40.0%)	1,767,185 (33.4% daripada B40)	3,525,146 (66.6% daripada B40)
M40 (pertengahan 40 peratus)	5,292,332 (40.0%)	3,876,502 (73.2% daripada M40)	1,415,830 (26.8% daripada M40)
T20 (20 peratus tertinggi)	2,646,167 (20.0%)	2,251,612 (85.1% daripada T20)	394,555 (14.9%) daripada T20)
Keseluruhan	13,230,830 (100.0%)	7,895,299 (59.7%) daripada jumlah ahli)	5,335,531 (40.3%) daripada jumlah ahli)

Purata Simpanan (dalam RM) Ahli KWSP Bawah Umur 55 Tahun Mengikut Tahap Simpanan

TAHAP SIMPANAN	SEMUA AHLI	AHLI AKTIF	AHLI TIDAK AKTIF
B40	2,525	3,865	1,853
M40	32,835	32,743	33,086
T20	259,120	270,689	193,096
Keseluruhan	65,968	94,138	24,283

Median Simpanan (dalam RM) Ahli KWSP Bawah Umur 55 Tahun Mengikut Tahap Simpanan

TAHAP SIMPANAN	SEMUA AHLI	AHLI AKTIF	AHLI TIDAK AKTIF
B40	1,490	3,519	919
M40	25,669	25,172	26,975
T20	172,466	180,006	140,319
Keseluruhan	14,977	29,263	2,679

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASIM [ARAU]

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASIM [ARAU] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :

a. bilakah Kerajaan Persekutuan akan mengekstradisi Aminul Islam dan Ruhul Amin pulang ke Bangladesh atas dakwaan pengubahan wang haram, pemerasan dan pemerdagangan pekerja asing sebagaimana permohonan ekstradisi yang dibuat oleh Kerajaan Bangladesh

b. mengapa Kerajaan masih memberi pelanjutan kontrak kepada Bestinet.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan hanya boleh mempertimbangkan untuk mengekstradisi mana-mana individu setelah semua proses perundangan berkait permohonan ekstradisi dipenuhi. Proses ekstradisi di Malaysia adalah berdasarkan kepada dua legislatif, iaitu Akta Ekstradisi 1992 [*Akta 479*] dan Triti Ekstradisi di antara Malaysia dan negara asing. Sekiranya Malaysia tidak mempunyai Triti dengan negara asing, proses ekstradisi masih boleh dilaksanakan berdasarkan Seksyen 3 Akta 479.

Tuan Yang di Pertua,

Kerajaan telah membuat pertimbangan menyeluruh dengan mengambil kira keperluan untuk memastikan kesinambungan perkhidmatan dan kelancaran sistem yang komprehensif. Kerajaan juga mengambil langkah proaktif dengan meneliti semula terma kontrak untuk memastikan perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak penyedia memenuhi keperluan semasa. Pendekatan ini bertujuan untuk memperkukuh integriti sistem, melindungi kebajikan pekerja asing, serta memudahkan proses bagi para majikan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MUHAMMAD FAWWAZ BIN MOHAMAD
JAN [PERMATANG PAUH]**

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

TUAN MUHAMMAD FAWWAZ BIN MOHAMAD JAN [PERMATANG PAUH] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah Kerajaan ada perancangan untuk menaik taraf balai-balai polis di Daerah Seberang Perai Tengah yang berstatus gred D dan E untuk kebaikan dan manfaat para anggota PDRM.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah melaksanakan Kajian Rasionalisasi Perjawatan, Jabatan Pengurusan PDRM yang melibatkan balai-balai polis di bawah Daerah Seberang Perai Tengah seperti berikut:

- i. Balai Polis Bukit Tengah (D);
- ii. Balai Polis Seberang Jaya (D);
- iii. Balai Polis Prai (D);
- iv. Balai Polis Macang Bubuk (D); dan
- v. Balai Polis Kubang Semang (E).

Kajian ini turut melibatkan cadangan untuk meningkatkan gred perjawatan Ketua Polis Balai di kelima-lima balai terlibat. Bagi Ketua Polis Balai Bukit Tengah, Seberang Jaya dan Prai, cadangan adalah untuk dinaikkan daripada pangkat Inspektor kepada Assisten Superintenden (ASP) manakala di Macang Bubuk dan Kubang Semang dinaikkan daripada Sarjan Mejar/Sub Inspektor kepada Inspektor.

Setelah gred perjawatan Ketua Polis Balai dinaik taraf dan jumlah perjawatan dikemaskini, proses seterusnya untuk memohon menaik taraf fasiliti dan kemudahan di kesemua balai polis terlibat dapat dilaksanakan. Perancangan pembangunan baharu bagi fasiliti yang telah dinaiktaraf ini akan diangkat dalam *Rolling Plan* Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMKe-13) seterusnya berdasarkan kepada permohonan dan keutamaan daripada Kontinjen.

Dasar semasa Kerajaan menetapkan bahawa sebarang pewujudan perjawatan baharu tidak dibenarkan kecuali melalui kaedah tukar ganti (*trade-off*) dan pindah butiran (*redeployment*) yang tidak melibatkan implikasi kewangan.

Namun begitu, Kementerian melalui PDRM akan sentiasa meneliti dan membuat kajian berterusan berkenaan dengan kekuatan perjawatan di

NO SOALAN : 46

keseluruhan balai polis bagi memastikan perkhidmatan yang disampaikan kepada masyarakat adalah berkualiti dan berkesan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN WONG SHU QI [KLUANG]

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

PUAN WONG SHU QI [KLUANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan rasional di sebalik kenaikan premium insurans perubatan yang tinggi memandangkan syarikat insurans merekodkan keuntungan berbilion ringgit, serta dasar dan tindakan Kerajaan untuk memastikan rakyat tidak terbeban.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Peningkatan kadar premium/sumbangan produk MHIT (*Medical and Health Insurance/Takaful*) adalah berikutan peningkatan berterusan inflasi kos perubatan. Menurut laporan *Global Medical Trend Rates* tahun 2025, inflasi kos perubatan di Malaysia mencecah 15% pada tahun 2024. Jumlah ini lebih tinggi daripada purata global dan purata Asia Pasifik iaitu 10%. Peningkatan ini didorong oleh faktor-faktor seperti kemajuan dalam teknologi perubatan serta peningkatan penyakit tidak berjangkit. Hal ini telah menyebabkan meningkatnya kos perkhidmatan penjagaan kesihatan, seterusnya meningkatkan tuntutan MHIT.
2. Secara amnya, kadar premium/sumbangan produk insurans dan takaful perubatan dan kesihatan (MHIT) mengambil kira profil risiko individu, *trend* tuntutan dan kos perbelanjaan perubatan, serta kos insurans/takaful semula (*reinsurance and retakaful*) bagi memastikan perlindungan yang berterusan dapat diberikan kepada pemegang polisi. Kadar premium/sumbangan produk MHIT akan dikaji secara berkala bagi memastikan premium/sumbangan yang diterima adalah mencukupi untuk menampung jangkaan kos tuntutan dan perbelanjaan perubatan.
3. Berikutan tuntutan MHIT yang melebihi premium/sumbangan secara berterusan, ini menyebabkan dana premium yang terkumpul tidak akan mencukupi untuk membayar tuntutan kepada pemegang polisi. Jika situasi ini berterusan, keadaan ini berisiko menyebabkan ITO tidak mampu untuk menawarkan produk yang menanggung kerugian secara berterusan dan seterusnya akan menjejaskan pilihan yang ada kepada pengguna. Sekiranya ini berlaku, pengguna tidak lagi dapat mengakses produk MHIT dan perlu menanggung perbelanjaan

kesihatan menggunakan sumber kewangan sendiri. Oleh itu, keupayaan ITO untuk terus memenuhi tuntutan yang dibuat adalah penting.

4. Keuntungan daripada portfolio insurans lain secara amnya tidak wajar digunakan untuk menyerap kerugian dalam portfolio MHIT kerana ini tidak adil kepada pemegang polisi yang tidak membeli MHIT. Sebagai contoh, pemegang polisi yang hanya membeli perlindungan hayat juga perlu membayar premium yang tinggi untuk menampung tuntutan produk MHIT meskipun produk perlindungan hayat (*e.g. term life insurance*) tidak dipengaruhi oleh inflasi kos perubatan.
5. Dalam usaha membendung kesan kenaikan ini daripada membebankan rakyat, pihak Bank Negara Malaysia (BNM) telah memperkenalkan langkah-langkah interim bagi mengekang impak kenaikan premium MHIT kepada pemegang polisi seperti berikut:
 - Perubahan premium yang disebabkan oleh inflasi tuntutan perubatan diagihkan (*spread out*) untuk tempoh sekurang-kurangnya tiga tahun. Langkah ini akan dilaksanakan sehingga akhir tahun 2026;
 - Penangguhan pelarasan premium yang disebabkan oleh inflasi tuntutan perubatan selama satu tahun bagi pemegang polisi yang berumur 60 tahun ke atas dan dilindungi di bawah pelan minimum bagi produk MHIT yang dibeli;
 - Bagi pemegang polisi yang telah menyerahkan polisi atau telah luput pada tahun 2024 disebabkan oleh pelarasan semula premium, mereka boleh menghubungi syarikat insurans dan pengendali takaful (*Insurers and Takaful Operators, ITO*) masing-masing untuk memohon polisi mereka diaktifkan semula berdasarkan premium yang diselaraskan; dan

- Sebelum penghujung 2025, semua ITO akan menyediakan produk MHIT alternatif yang bersesuaian pada premium yang sama atau lebih rendah bagi pemegang polisi yang tidak lagi ingin meneruskan pelan MHIT yang sedia ada.
6. Menerusi langkah ini, dianggarkan sekurang-kurangnya 80% pemegang polisi MHIT akan menghadapi pelarasan premium tahunan yang terkawal, iaitu kurang daripada 10%.
 7. Sebahagian besar kos pelaksanaan langkah-langkah interim ini ditanggung oleh pihak ITO dengan menggunakan sumber keuntungan dan rizab yang terkumpul.
 8. Selain itu, kenaikan kadar premium yang bukan disebabkan oleh inflasi kos perubatan, tetapi akibat peralihan ke kategori umur yang lebih tinggi, akan diuruskan oleh ITO bagi memastikan kesinambungan perlindungan kepada pemegang polisi MHIT.
 9. Untuk jangka masa panjang, kerjasama menyeluruh serta tindakan bersepadu oleh semua pihak berkepentingan dalam sektor kesihatan dan perubatan adalah kritikal untuk memastikan insurans/takaful perubatan terus mampan dan mampu milik dalam jangka panjang. Bagi tujuan ini, BNM dan semua pihak berkepentingan termasuk Kementerian Kesihatan, Kementerian Kewangan, hospital swasta dan ITO sedang bekerjasama dalam mencari penyelesaian jangka panjang bagi membendung inflasi kos perubatan secara lebih berkesan. Usaha ini termasuk melaksanakan model pembayaran *Diagnostic-Related group*, meningkatkan ketelusan kos ubat-ubatan serta perbandingan kos perubatan lazim dan membangunkan produk asas MHIT yang meliputi keperluan penjagaan kesihatan penting. Langkah-langkah lain yang boleh diambil oleh hospital swasta untuk membendung inflasi kos perubatan juga sedang dalam proses perbincangan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [SANDAKAN]

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [SANDAKAN] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan sama ada skim Pemeteran Tenaga Bersih (NEM) 3.0 terpakai kepada isi rumah dan pemilik bangunan komersial di Sabah dan berapa jumlah kuota yang diperuntukkan telah digunakan oleh pengguna Sabah setakat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, susulan daripada penyerahan kuasa kawal selia dan tadbir urus pembekalan elektrik kepada Kerajaan Negeri Sabah pada 1 Januari 2024, pelaksanaan semua program dan inisiatif berkaitan penjanaan dan pembekalan elektrik termasuk skim Pemetaran Tenaga Bersih (NEM) adalah di bawah bidang kuasa dan kawal selia Kerajaan Negeri Sabah.
2. Oleh itu, maklumat berkaitan pelaksanaan program-program tenaga boleh baharu (TBB) perlu diperolehi daripada *Energy Commission of Sabah* (ECoS) yang merupakan agensi kawal selia dan pihak berkuasa bagi pembangunan TBB di negeri Sabah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ISKANDAR DZULKARNAIN BIN ABDUL
KHALID [KUALA KANGSAR]**

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

DATUK ISKANDAR DZULKARNAIN BIN ABDUL KHALID [KUALA KANGSAR] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan asas pertimbangan cadangan menghentikan sepenuhnya penggunaan bahan berasaskan asbestos di negara ini dan apakah bentuk perundangan serta dasar yang perlu ditangani oleh Kementerian bagi menghentikan penggunaan bahan berasaskan asbestos ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Melihat kepada kesan dan impak penggunaan asbestos kepada kesihatan manusia, Jawatankuasa Tadbir Urus Bahan Kimia Berbahaya Kebangsaan yang diselaraskan oleh Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) dan dianggotai oleh pelbagai Kementerian dan Agensi sedang melihat kepada cadangan pengharaman secara berfasa (*phase down*) penggunaan *chrysotile* asbestos kepada pengguna di Malaysia. Antara asas kepada cadangan ini adalah seperti berikut:

- I. Malaysia telah melarang (*banned*) penggunaan lima (5) jenis asbestos manakala penggunaan *chrysotile* asbestos masih dibenarkan penggunaannya namun dalam keadaan terkawal (*restricted*);
- II. Terdapat bahan pengganti yang dapat menggantikan penggunaan *chrysotile* asbestos di Malaysia;
- III. Asbestos ditakrifkan sebagai karsinogen Kumpulan I oleh *International Agency for Research on Cancer*. Terdapat bukti yang jelas yang menyatakan kesan terdedah dengan asbestos boleh membawa kepada penyakit kanser di mana lebih separuh daripada kematian akibat kanser pekerjaan adalah berkaitan dengan pendedahan kepada asbestos;
- IV. Pada tahun 2019, sejumlah 239,330 kematian dan 4,189,000 tahun hayat pelarasan kecacatan (*disability-adjusted life years*) berlaku di seluruh dunia akibat pendedahan kepada asbestos di tempat kerja; dan
- V. *Chrysotile* asbestos sedang dirundingkan di Konvensyen Rotterdam untuk disenaraikan dalam *Annex III* dengan sebarang pengimportan perlu melalui kaedah *Prior Informed Consent* (PIC).

2. Perundangan serta dasar mengenai cadangan pengharaman secara berfasa (*phase down*) penggunaan *chrysotile* asbestos ini masih lagi dibincangkan dan diteliti di bawah jawatankuasa ini. Berikut merupakan antara perundangan agensi berkaitan yang sedang diteliti bagi pengharaman secara berfasa (*phase down*) penggunaan *chrysotile* asbestos:

- I. Jabatan Alam Sekitar (JAS) melalui draf Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bahan Berbahaya Kepada Alam Sekeliling) 202x bagi mengawal pengimportan, pengeksportan dan pengilangan bahan kimia berbahaya;
- II. Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) melalui Perintah Larangan Penggunaan Bahan 1999 atau pindaan kepada Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Penggunaan dan Standard Pendedahan Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan) 2000 (USECHH 2000)' dan
- III. Melalui peraturan dan penguatkuasaan di peringkat antarabangsa melalui Konvensyen Asbestos ILO 1986, Konvensyen Rotterdam dan Konvensyen Basel.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN [HULU LANGAT]

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN [HULU LANGAT] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan 147 anggota polis telah dibuang kerja pada tahun 2024 akibat isu narkotik, apakah langkah Kerajaan untuk menangani masalah ini secara menyeluruh melalui saringan dan pemulihan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi tempoh Januari hingga Disember 2024, seramai 164 anggota PDRM telah dikenakan tindakan tatatertib dengan hukuman ‘Buang Kerja’ melibatkan pelbagai jenis kesalahan.

Daripada jumlah tersebut, 77 atau 46.9% anggota PDRM didapati terlibat dengan kesalahan penyalahgunaan dadah, menjadikan kategori kesalahan ini sebagai penyumbang tertinggi kepada tindakan hukuman “Buang Kerja” berbanding dengan kesalahan-kesalahan lain.

Saringan dan Pemantauan

PDRM melaksanakan pelbagai inisiatif pencegahan untuk mengurangkan dan seterusnya mengekang perlakuan salah laku ini di masa hadapan. Antara tindakan yang telah dilaksanakan di peringkat PDRM adalah seperti berikut:

- i. Pemantauan yang lebih ketat oleh penyelia melalui Sistem Kawalan Disiplin dan Dadah (SKDD) PDRM. Dalam konteks kawalan, arahan ini berkehendakkan tindakan-tindakan seperti berikut dilaksanakan iaitu:
 1. Saringan awal air kencing terhadap pegawai/anggota PDRM yang diselia perlu dijalankan sekurang-kurangnya setahun **sekali secara mengejut**;
 2. Perjumpaan yang wajib dilakukan sekurang-kurangnya **sebulan sekali** di antara penyelia dan pegawai/anggota PDRM yang diselia. Penyelia akan membuat penilaian/ pemantauan terhadap pegawai/anggota PDRM diselia dan sekiranya pegawai/anggota PDRM diselia mempunyai simptom-simptom yang mencurigakan, penyelia akan menjalankan saringan awal terhadap pegawai/anggota PDRM yang diselia.

- ii. Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) PDRM telah mengambil tindakan melalui Pemeriksaan Pematuhan Proaktif dengan melaksanakan ujian saringan air kencing terhadap warga PDRM secara rambang atau bersasar dari masa ke masa di semua peringkat iaitu Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, Jabatan, Briged, Batalion, Formasi dan Daerah. Pemeriksaan turut dijalankan sekiranya terdapat aduan atau maklumat berkaitan dengan mana-mana warga PDRM yang disyaki terlibat dalam penyalahgunaan dadah.
- iii. JIPS dengan kerjasama Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) di peringkat Kontinjen dan Daerah telah mengambil langkah proaktif dalam mengesan salah laku warga PDRM, termasuk pemeriksaan di pusat hiburan. Dalam pemeriksaan yang dijalankan, saringan air kencing akan diambil terhadap warga PDRM yang turut dikesan berhibur di pusat hiburan.

Semua langkah-langkah pencegahan yang dilaksanakan oleh PDRM bertujuan untuk mengurangkan dan seterusnya mengekang penyalahgunaan dadah di kalangan warga PDRM di semua peringkat.

Pemulihan oleh AADK

Untuk makluman Yang Berhormat, AADK menyediakan program pemulihan yang komprehensif untuk individu yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah serta bahan, termasuk penjawat awam yang masuk secara sukarela atau mandatori melalui Akta Penagih dan Penyalah Guna Dadah dan Bahan (Rawatan dan Pemulihan) 1983. Program rawatan dan pemulihan ketagihan dadah dijalankan oleh AADK melalui 30 buah Pusat Pemuligan Pengagihan Narkotik (PUSPEN). 108 buah AADK Daerah dan 21 buah Pusat Khidmat di seluruh negara. PUSPEN dengan kapasiti maksimum 10,000 katil mengendalikan Program Rawatan dan Pemulihan Dalam Institusi (RPDI) manakala AADK Daerah dan Pusat Khidmat pula diberikan tugas mengendalikan Program Rawatan dan Pemulihan Dalam Komuniti (RPDK).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HASSAN BIN SAAD [BALING]

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

TUAN HASSAN BIN SAAD [BALING] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan usaha penilaian semula terhadap nilai pembayaran pajakan negeri Pulau Pinang kepada negeri Kedah yang tertakluk kepada Perkara 167(7) Perlembagaan Persekutuan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Pemberian Khas Tahunan Negeri Kedah adalah berpunca daripada *Kedah Treaty* yang ditandatangani oleh Kerajaan British dengan Kerajaan Siam bertarikh 6 Mei 1869 berkenaan dengan penyerahan Pulau Pinang dan *Province Wellesley* (Seberang Perai) kepada British dengan bayaran 10,000 dollars kepada Yang di-Pertuan Kedah. Obligasi Kerajaan British di bawah *Kedah Treaty* kemudiannya telah menjadi obligasi kepada Kerajaan Persekutuan melalui Perkara 167(7) Perlembagaan Persekutuan.
2. *Kedah Treaty* didapati tidak mempunyai peruntukan berkenaan kajian semula jumlah bayaran kepada Yang di-Pertuan Kedah. Sehubungan itu, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 4 Julai 2018 telah bersetuju untuk semakan semula ke atas pemberian kepada Kerajaan Negeri Kedah iaitu sebagai nilai tambahan kepada pemberian khas tahunan 10 ribu ringgit di bawah *Kedah Treaty* dan Perkara 167(7) seperti berikut:
 - i. bersetuju dengan bayaran sumbangan khas oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Kedah dengan 10 juta ringgit setahun merupakan suatu *unilateral undertaking* dengan pihak Kerajaan Persekutuan bagi mengekalkan hak untuk bayaran tahunan Negeri Pulau Pinang; dan
 - ii. bersetuju supaya tempoh kajian semula kadar sumbangan khas dibuat setiap 10 tahun sekali atau dalam jangka masa yang difikirkan sesuai.
3. Ketetapan ini telah dimaklumkan kepada Pihak Kerajaan Negeri Kedah melalui surat bertarikh 1 Ogos 2018. Kerajaan Persekutuan telah memulakan bayaran khas kepada Kerajaan Negeri Kedah pada tahun 2018.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapa pihak polis masih membuat siasatan kes di bawah Seksyen 298A Kanun Keseksaan (Akta 574) sungguhpun Mahkamah Agong dalam kes Mamat bin Daud & Ors v Government of Malaysia (1988) 1 MLJ 119 telah memutuskan seksyen ini melanggar Perlembagaan Persekutuan dan adalah tidak sah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Seksyen 298A Kanun Keseksaan merupakan seksyen tambahan kepada Bab XV melalui pindaan yang dibuat pada tahun 1985, dan berkuatkuasa pada 31 Mei 1985. Seksyen Seksyen 298A Kanun Keseksaan tersebut telah memperuntukkan kesalahan bagi sebarang perlakuan yang menyebabkan ketidakharmonian, perpecahan atau permusuhan, kebencian atau niat jahat atau memudarkan perpaduan atas alasan agama. Elemen keselamatan kepada kesalahan berkaitan agama telah ditambah menjadikan Bab XV ini menggabungkan kesalahan berkaitan agama dan kesalahan berkaitan ketenteraman awam.

Melalui *case law* yang dinyatakan, Seksyen 298A ini telah diisytiharkan hanya sah digunakan bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan dan tidak sah di negeri lain oleh keputusan majoriti para hakim yang bersidang di *Supreme Court*. Alasan penghakiman yang diberikan membawa maksud, Seksyen 298A Kanun Keseksaan adalah berkaitan agama Islam dan, Parlimen bukan satu badan yang boleh membuat undang-undang berkaitan Islam, kecuali bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan. Justeru itu, seksyen 298A Kanun Keseksaan diisytiharkan sebagai tidak sah dalam kes tersebut kerana bercanggah dengan peruntukan berkaitan pembahagian kuasa perundangan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN [KUBANG
KERIAN]**

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

DATO' SRI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN [KUBANG KERIAN] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan usaha Kementerian sepanjang Kepengerusian ASEAN dalam memupuk kerjasama antara negara berkaitan kelestarian rentas sempadan, terutama bagi menangani masalah jerebu dan pelepasan sisa plastik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada tahun 2025, Malaysia telah diberikan penghormatan untuk menjadi Pengerusi ASEAN. Dalam kapasiti ini, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) telah merancang beberapa langkah penting untuk memupuk kerjasama antara negara-negara ASEAN dalam isu kelestarian alam sekitar, khususnya dalam menangani masalah jerebu merentas sempadan dan pelepasan sisa plastik. Ini merupakan dua cabaran utama yang memberi kesan terhadap ekosistem dan kesihatan awam di seluruh rantau ini.
2. Bagi menangani isu jerebu merentas sempadan, Malaysia akan terus memainkan peranan aktif dalam pelaksanaan Perjanjian ASEAN Mengenai Jerebu Merentas Sempadan (*ASEAN Agreement on Transboundary Haze Pollution - AATHP*) yang telah termeterai sejak tahun 2002. Sebagai Pengerusi ASEAN pada tahun ini, Malaysia akan memimpin mesyuarat tahunan yang melibatkan negara-negara anggota ASEAN, menerajui perbincangan berkaitan langkah-langkah pencegahan pembakaran terbuka dan mekanisme pemantauan yang lebih berkesan.
3. Malaysia juga akan mengetengahkan cadangan pelaksanaan diplomasi sains dan pemerksaan dana jerebu mampan. Perkara ini dicadangkan dengan mengambil contoh kesepakatan dan kejayaan pelaksanaan Perjanjian Alam Sekitar Pelbagai Hala (*Multilateral Environmental Agreements – MEAs*) seperti Protokol Montreal mengenai Bahan Penipis Lapisan Ozon dan *United Nations Framework Convention on Climate Change (UNFCCC)* di peringkat antarabangsa yang antara lain menekankan keseimbangan komposisi antara data saintifik, fakta dan rundingan untuk menyokong proses membuat keputusan dalam kalangan negara ahli.
4. Malaysia akan terus memperkukuh kerjasama teknikal antara negara-negara ASEAN melalui inisiatif penyelidikan bersama berkaitan pengurusan dan pencegahan kebakaran terbuka serta perkongsian pengetahuan mengenai teknologi dan kepakaran berkaitan pemadaman kebakaran yang lebih efektif, terutamanya di kawasan berisiko terbakar seperti hutan dan tanah gambut. Melalui pemerksaan dana jerebu mampan, pelaksanaan penyelidikan, penerokaan teknologi dan inovasi baharu dalam pembangunan infrastruktur, pelan pencegahan dan pemadaman kebakaran tanah gambut dapat

dilaksanakan dengan efektif selaras dengan Artikel 16 - Kerjasama Teknikal dan Artikel 17 - Penyelidikan Saintifik di bawah AATHP.

5. Malaysia juga akan menyeru kerjasama negara-negara anggota ASEAN untuk memberi sokongan bagi pengoperasian penuh ASEAN *Coordinating Centre for Transboundary Haze Pollution Control* (ACC THPC) yang berpusat di Indonesia untuk menyelaraskan pengurusan kebakaran dan insiden jerebu merentas sempadan bagi memastikan pelaksanaan AATHP yang lebih berkesan.

6. Bagi menangani isu pelepasan sisa plastik, Malaysia ingin membawa isu penjajahan sisa (*waste colonisation*). Negara ASEAN sering menjadi mangsa penjajahan sisa oleh negara maju bagi mengeksport sisa ke Malaysia dengan alasan 'kitar semula'. Namun, sebenarnya negara maju ingin menjadikan negara-negara membangun seperti Malaysia sebagai tapak pelupusan dunia dengan melanggar prinsip keadilan alam sekitar. Malaysia ingin mencadangkan agar negara maju lain mengikut langkah Kesatuan Eropah untuk mengenakan sekatan ketat terhadap eksport sisa, khususnya sisa plastik ke negara-negara bukan *Organisation for Economic Co-operation and Development*, (OECD).

7. Malaysia akan memimpin usaha untuk memperkenalkan langkah-langkah yang lebih tegas serta dasar yang lebih ketat dalam menangani isu ini di peringkat serantau.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan prestasi pencapaian dalam penambahbaikan mutu perkhidmatan dalam mod pengangkutan MRT and LRT, khususnya MRT Kajang dan LRT Kelana Jaya, serta rancangan masa depan dan kos yang terlibat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) berjaya meningkatkan prestasi *Mean Kilometre Before Failure* (MKBF), iaitu tanda aras utama dalam mengukur tahap kebolehpercayaan perkhidmatan rel, daripada 160,000 kilometer pada tahun 2023 kepada 330,000 kilometer pada tahun 2024. Selain itu, jumlah gangguan perkhidmatan rel (tren tidak bergerak lebih daripada 5 minit) turut berjaya dikurangkan daripada 118 gangguan yang direkodkan pada 2023 kepada 71 gangguan pada 2024. Prasarana menyasarkan MKBF pada 1 juta kilometer menjelang suku kedua 2026 dengan mengurangkan kekerapan kerosakan tren kepada tahap minimum.
2. Pada tahun 2024, Prasarana juga berjaya mencapai sasaran kekerapan tren seperti berikut;
 - i. LRT Laluan Kelana Jaya - setiap 2.9 minit dengan 59 buah tren beroperasi pada waktu puncak; dan
 - ii. MRT Laluan Kajang - setiap 4 minit dengan 39 buah tren beroperasi pada waktu puncak.
3. Pencapaian ini juga telah membantu meningkatkan purata penumpang menggunakan tren kendalian Prasarana kepada 928 ribu sehari pada 2024 berbanding 741 ribu penumpang pada 2023, iaitu peningkatan sebanyak 25 peratus.
4. Bagi meningkatkan mutu perkhidmatan tren, Prasarana juga telah merancang beberapa inisiatif yang melibatkan penambahan stok kereta, kerja-kerja menaiktaraf dan penyelenggaraan komponen-komponen penting seperti berikut:

- i. Pembelian 27 set baru tren 4 gerabak KLAV27 bagi LRT Laluan Kelana Jaya dengan kos sebanyak RM1.8 bilion
- ii. Kerja membaikpulih 3 set tren 4 gerabak bagi Monorel KL dengan kos sebanyak RM56.3 juta;
- iii. *Intermediate Overhaul* bagi 50 set tren 4 gerabak bagi LRT Laluan Ampang dengan kos sebanyak RM176.2 juta;
- iv. Kerja menaik taraf sistem radio komunikasi bagi LRT Laluan Kelana Jaya dengan kos sebanyak RM130 juta;
- v. Kerja menaik taraf sistem persemboyanan LRT Laluan Kelana Jaya dengan kos sebanyak RM150 juta;
- vi. Kerja menaik taraf sistem persemboyanan Laluan Monorel KL dengan kos sebanyak RM210 juta;
- vii. Kerja penggantian sistem pengudaraan terowong LRT Laluan Kelana Jaya dengan kos sebanyak RM50 juta; dan
- viii. Kerja-kerja menaik taraf dan penyelenggaraan komponen-komponen penting yang lain dengan jumlah anggaran kos sebanyak RM732.7 juta.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WAN SAIFULRUDDIN BIN WAN JAN [TASEK
GELUGOR]**

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

DATUK WAN SAIFULRUDDIN BIN WAN JAN [TASEK GELUGOR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh mana Akaun 3 KWSP berjaya menyelesaikan hambatan kewangan yang dihadapi oleh pecarum yang menghadapi masalah kewangan mendesak pada hari ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, KWSP pada 11 Mei 2024 yang lalu telah pun memperkenalkan penstrukturan semula akaun KWSP kepada tiga (3) akaun di mana ia bertujuan untuk memperkasa ahli dalam membuat keputusan bagi mengimbangi keperluan jangka panjang terutama untuk persaraan serta keperluan kewangan jangka pendek dan jangka sederhana. Inisiatif ini juga dapat membantu meningkatkan simpanan persaraan ahli supaya mereka menerima pendapatan persaraan yang mencukupi untuk membiayai kehidupan persaraan mereka kelak.
2. Ahli KWSP juga telah diberi peluang dalam tempoh daripada 12 Mei sehingga 31 Ogos 2024 untuk memilih sama ada ingin mempunyai amaun permulaan atau tidak dalam Akaun Fleksibel (Akaun 3). Sekiranya ahli membuat pilihan untuk mempunyai amaun permulaan, pindahan amaun permulaan ke Akaun Fleksibel (Akaun 3) dan Akaun Persaraan (Akaun 1) adalah berdasarkan jumlah baki yang terdapat dalam Akaun Sejahtera (Akaun 2) ahli tersebut pada tarikh permohonan pilihan dibuat oleh ahli.
3. Seramai 4.14 juta atau 31.3% daripada jumlah keseluruhan 13.2 juta ahli KWSP di bawah umur 55 tahun telah memilih untuk mempunyai amaun permulaan di dalam Akaun Fleksibel (Akaun 3) dengan jumlah perpindahan sebanyak RM14.54 bilion, manakala sejumlah RM6.56 bilion pula telah dipindahkan ke Akaun Persaraan (Akaun 1). Pindahan ke Akaun Persaraan (Akaun 1) ini membawa kepada peningkatan simpanan persaraan bagi ahli, iaitu seramai 47 ribu ahli yang sebelum ini tidak mencapai Simpanan Asas mengikut umur kini mencapainya setelah pindahan amaun permulaan.
4. Akaun Fleksibel atau Akaun 3 diperkenalkan adalah bagi ahli menangani keperluan kewangan jangka pendek yang boleh dikeluarkan pada bila-bila masa untuk apa-apa tujuan mengikut keperluan ahli terutamanya ketika kecemasan.

5. Secara amnya, pengeluaran Akaun Fleksibel telah membantu ahli KWSP dalam memenuhi keperluan kewangan jangka pendek mereka. Setakat 31 Disember 2024, jumlah ahli yang telah membuat pengeluaran melalui Akaun Fleksibel adalah seramai 4.11 juta (atau 31.1% daripada jumlah keseluruhan 13.2 juta ahli bawah umur 55 tahun) dengan jumlah pengeluaran RM12.07 bilion. Jumlah baki simpanan keseluruhan Akaun Fleksibel pula adalah sebanyak RM7.73 bilion.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN YEO BEE YIN [PUCHONG]

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

PUAN YEO BEE YIN [PUCHONG] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :

a. bilakah perkhidmatan *aerotrain* Kuala Lumpur International Airport akan dikembalikan

b. langkah yang diambil supaya gangguan perkhidmatan *aerotrain* yang berpanjangan ini tidak diulangi pada masa hadapan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, setakat 24 Januari 2025, status projek penggantian Aerotrain adalah pada kadar 86%. Pengoperasian penuh dijangka akan bermula pada suku kedua 2025.
2. Antara langkah yang diambil oleh pihak Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) bagi memastikan kelancaran operasi aerotrain di masa hadapan ialah dengan melantik kontraktor penyelenggaraan keretapi yang berkelayakan iaitu pengeluar peralatan asal yang pakar dalam penyelenggaraan peralatan mereka sendiri. Pihak kontraktor yang dilantik akan bekerjasama bersama MAHB dalam melakukan pemantauan dari masa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan yang telah diambil terhadap peningkatan jumlah pengemis warga asing di pusat bandar Kuala Lumpur serta ancaman dan kesan buruk yang dibawa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kawalan menangani isu peningkatan jumlah pengemis dalam negara merupakan langkah yang perlu diambil secara strategik antara Kementerian dan agensi Kerajaan yang berkaitan.

Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) merupakan anggota kepada jawatankuasa yang diterajui oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) bagi membanteras pengemisan peringkat nasional. Jawatankuasa ini turut dianggotai oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Jabatan Wilayah Persekutuan dan lain-lain agensi yang berkaitan. Jawatankuasa ini berperanan menyelaraskan program serta merangka tindakan bersepadu antara agensi kerajaan dan pertubuhan sukarela yang berkaitan.

Selain itu, penglibatan KDN melalui JIM dalam operasi bersepadu dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Jabatan Agama Islam Negeri dan Jabatan Kesihatan Negeri turut dilaksanakan bagi memastikan kepatuhan warga asing kepada undang-undang dan peraturan yang sedang berkuat kuasa. Hal ini termasuk keperluan untuk memiliki dokumen perjalanan yang sah, mematuhi tempoh keberadaan yang dibenarkan serta pematuhan terhadap syarat-syarat pas yang dikeluarkan.

Bermula 1 Januari 2024 sehingga 31 Disember 2024, sebanyak 4 operasi bersepadu bersama-sama JKJ di bawah peruntukan Seksyen 3, Akta Orang-orang Papa 1977 yang bertujuan untuk menyelamatkan pengemis telah dilaksanakan yang melibatkan tangkapan 6 Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI).

Selain operasi bersepadu yang dilaksanakan oleh JKJ dan disertai oleh JIM, PBT juga boleh mengambil tindakan terhadap pengemis. Kuasa ini

termaktub di bawah seksyen 1, Akta Orang Papa 1977 yang menyatakan mana-mana pegawai yang diberi kuasa dengan sewajarnya secara bertulis oleh sesuatu Pihak Berkuasa Tempatan dan yang bertindak di bawah arahan Ketua Pengarah atau mana-mana Pegawai Kebajikan Masyarakat boleh mengambil ke dalam jagaannya mana-mana orang papa dan mengemukakan orang itu ke hadapan seorang Majistret dalam tempoh 24 jam. Pihak PBT melalui undang-undang kecil mereka boleh juga mengambil tindakan bersesuaian dalam membanteras isu pengemisan dari terus berleluasa di kawasan pentadbiran masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' ROSOL BIN WAHID [HULU TERENGGANU]

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

DATO' ROSOL BIN WAHID [HULU TERENGGANU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai perancangan untuk mengkaji semula formula *Automatic Pricing Mechanism* (APM) susulan laporan kerugian dihadapi pengusaha stesen minyak selepas Kerajaan melaksanakan pengapungan harga diesel sejak Jun 2024.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penetapan harga runcit petrol dan diesel secara mingguan adalah secara apungan terkawal dengan menggunakan formula *Automatic Pricing Mechanism* (APM). Formula APM ini telah diperkenalkan sejak tahun 1983 bagi tujuan mengira harga pasaran sebenar produk petroleum dan menetapkan harga runcit produk petroleum yang dijual secara mingguan. Komponen utama dalam APM ini adalah kos produk, kos operasi syarikat minyak, margin syarikat minyak, margin pengusaha stesen minyak. Kadar bagi setiap komponen APM ini telah dikaji dari semasa ke semasa mengikut kedudukan kos semasa yang perlu ditanggung oleh syarikat minyak dan pengusaha syarikat minyak, namun tertakluk kepada kedudukan kewangan semasa Kerajaan
2. Pada 10 Jun 2024, Kerajaan telah memulakan pelaksanaan penyasaran subsidi diesel di mana harga diesel dinaikkan kepada RM3.35 seliter berbanding RM2.15 seliter sejajar dengan kaedah apungan harga secara terkawal. Bagi mengurangkan kesan kenaikan harga berkenaan, Kerajaan mengekalkan subsidi diesel kepada sektor tertentu dan menyediakan bantuan kewangan supaya majoriti rakyat tidak terkesan. Ini termasuk pengekalan harga diesel bersubsidi untuk sektor pengangkutan awam dan nelayan masing-masing pada paras RM1.88 sen seliter dan RM1.65 sen seliter. Manakala kenderaan barangan darat di bawah sektor logistik masih kekal menikmati harga diesel bersubsidi pada RM2.15 seliter.
3. Berdasarkan data awal, penyasaran subsidi diesel setakat ini telah menjana penjimatan sekitar 600 juta ringgit sebulan bersamaan 7.2 bilion ringgit setahun. Penjimatan yang diperolehi oleh kerajaan daripada langkah penting ini akan memastikan terdapat lebih banyak sumber untuk disalurkan ke dalam sektor kritikal lain yang secara langsung akan meningkatkan kualiti hidup rakyat, termasuk infrastruktur awam, penjagaan kesihatan dan Pendidikan.

4. Susulan kejayaan pelaksanaan penyasaran subsidi diesel tersebut juga, Kementerian Kewangan bersama-sama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah meneliti semula kadar komponen APM bagi produk diesel dengan mengambil kira pandangan syarikat minyak dan pengusaha stesen minyak. Berdasarkan penelitian dan maklum balas tersebut, Kerajaan telah bersetuju untuk menaikkan kadar kos operasi syarikat minyak dan margin syarikat minyak yang tidak disemak masing-masing sejak tahun 1998 dan 2006. Kerajaan juga telah bersetuju menaikkan margin pengusaha stesen minyak di mana semakan terakhir telah dibuat pada tahun 2019. Kerajaan juga komited untuk menyemak semula kadar komponen APM bagi produk petrol sebaik sahaja pelaksanaan penyasaran subsidi petrol dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ISKANDAR DZULKARNAIN BIN ABDUL
KHALID [KUALA KANGSAR]**

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

DATUK ISKANDAR DZULKARNAIN BIN ABDUL KHALID [KUALA KANGSAR] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan pendirian semasa Kementerian berhubung keterbatasan ahli akademik di universiti awam dalam menyuarakan pandangan yang masih terikat di bawah Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000 dan sejauh manakah langkah yang dirangka Kementerian bagi mereformasikan kebebasan bersuara dalam kalangan ahli akademik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagaimana yang sedia maklum, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah menyatakan komitmen bagi memperkukuhkan kebebasan akademik dan mempromosi keterbukaan intelektual dalam kalangan warga akademik di Institusi Pendidikan Tinggi.
2. Pada masa ini, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000 [Akta 605] merupakan suatu akta bagi mengadakan peruntukan kepada perkara yang berhubungan dengan tatatertib dan pengenaan surcaj ke atas pegawai-pegawai badan berkanun yang diperbadankan oleh undang-undang persekutuan dan perkara lain yang berkaitan dengannya.
3. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) merupakan agensi yang mengawal selia Akta 605. Oleh yang demikian, KPT telah mengadakan satu sesi libat urus bersama pihak JPA pada 5 Disember 2024 untuk meneliti langkah-langkah yang boleh diambil bagi mengatasi kekangan tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : KAPTEN AZAHARI BIN HASAN [PADANG RENGAS]

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

KAPTEN AZAHARI BIN HASAN [PADANG RENGAS] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk menangani masalah paip air yang kerap kali bocor di kawasan Parlimen Padang Rengas, termasuk usaha penyelenggaraan, pembaikan dan pencegahan berulang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian amat prihatin dengan masalah kebocoran paip di kawasan Parlimen Padang Rengas yang berpunca daripada paip usang jenis *Asbestos Cement* (AC) sepanjang kira-kira 30 km dalam sistem agihan bekalan air di kawasan tersebut.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tanggungjawab untuk menyenggara, membaik pulih dan membekalkan air bersih kepada pengguna adalah di bawah bidang kuasa operator air negeri masing-masing. Bagi negeri Perak, operator air yang bertanggungjawab adalah Lembaga Air Perak (LAP) yang telah dilesenkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).
3. Pihak LAP sentiasa memantau dan melaksanakan tindakan pembaikan paip air yang bocor atau pecah berdasarkan kepada aduan yang diterima daripada para pengguna. Untuk rekod, LAP melaksanakan pemantauan berkala melalui Pasukan Pencegahan (ALC) Air Tidak Terhasil (NRW) sebagai usaha untuk mengesan kebocoran paip di kawasan Padang Rengas. Pada tahun 2024, secara purata, sebanyak 90 kes aduan kebocoran paip dilaporkan pada setiap bulan di kawasan Padang Rengas dan kesemua aduan tersebut telah diambil tindakan oleh pihak LAP.
4. Bagi menangani masalah kebocoran paip atau paip pecah dalam jangka panjang, LAP juga melaksanakan penggantian paip pada setiap tahun secara berperingkat. LAP merancang untuk melaksanakan kerja-kerja penggantian sebahagian paip utama dari Loji Rawatan Air (LRA) Padang Rengas yang bersaiz 375 mm, jenis AC, sepanjang 12 km yang melibatkan jajaran paip di Jalan Persekutuan Padang Rengas - Kuala Kangsar sebagai usaha perancangan jangka panjang. Apabila kerja penggantian ini siap kelak, isu kebocoran paip di kawasan Parlimen Padang Rengas akan dapat diatasi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. SITI MASTURA BINTI MUHAMMAD [KEPALA BATAS]

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

DR. SITI MASTURA BINTI MUHAMMAD [KEPALA BATAS] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan :

- a. kadar kelahiran remaja hamil luar nikah bagi tempoh 5 tahun mengikut negeri
- b. langkah mengatasi dan menyelesaikannya daripada sudut perundangan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan data Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), sejumlah 9,737 kelahiran telah dicatatkan di fasiliti kesihatan KKM bagi tempoh 5 tahun dari 2020 hingga 2024 oleh kanak-kanak dan perempuan berumur antara 10 hingga 19 tahun hasil kehamilan luar nikah.
2. Perundangan sedia ada di Malaysia, antaranya Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611], Kanun Keseksaan [Akta 574] dan Enakmen Jenayah Syariah menjadi asas perlindungan dan pencegahan remaja hamil luar nikah.
3. Akta 611 memperuntukkan bahawa kanak-kanak ertinya seseorang yang di bawah umur 18 tahun dan menetapkan pelbagai bentuk perlindungan bagi memastikan kesejahteraan mereka. Menurut Seksyen 41(2)(d) Akta 611, seseorang kanak-kanak dengan sebab yang munasabah boleh dianggap memerlukan perlindungan segera jika dia adalah seorang perempuan yang sedang hamil anak luar nikah. Dalam situasi sedemikian, Mahkamah Bagi Kanak-Kanak boleh mengeluarkan perintah yang sesuai untuk memastikan perlindungan dan kebajikan kanak-kanak tersebut. Ini termasuk menempatkan mereka di tempat perlindungan yang ditetapkan. Akta 611 memberikan jaminan perlindungan bagi kanak-kanak yang hamil luar nikah serta memastikan mereka mendapat sokongan perubatan dan kaunseling yang diperlukan. Ini juga boleh menggalakkan pencegahan eksploitasi seksual dan meminimumkan kesan jangka panjang kepada remaja yang terlibat.
4. Perlindungan kepada kanak-kanak juga telah diperuntukkan menerusi Seksyen 376 Akta 574 dengan menghukum pesalah yang melakukan rogol ke atas kanak-kanak perempuan yang berumur di bawah umur 16 tahun, tidak kira sama ada sukarela atau sebaliknya. Pada tahun 2007, pindaan telah dilakukan untuk mengenakan hukuman yang lebih keras iaitu penjara sehingga 20 tahun. Pindaan ini menggambarkan komitmen serius Malaysia dalam melindungi hak kanak-kanak dan menangani kesalahan jenayah seksual terhadap kanak-kanak.
5. Pada masa yang sama, undang-undang syariah di semua negeri juga ada memperuntukkan kesalahan berkaitan, sama ada kesalahan hamil di luar nikah atau persetubuhan luar nikah yang dibuktikan dengan kehamilan.

6. Di samping peruntukan undang-undang, usaha pencegahan juga giat dilaksanakan bagi menangani kehamilan luar nikah dalam kalangan remaja. Antara inisiatif yang diambil oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) termasuklah:

i. Dasar dan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproduktif Dan Sosial (PEKERTI) untuk meningkatkan kesedaran dan kepentingan pendidikan kesihatan reproduktif dalam masyarakat. Di bawah Pelan Tindakan PEKERTI, selain agensi KPWKM iaitu Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), pelbagai agensi lain turut terlibat untuk melaksanakan program-program khusus termasuklah Kementerian Pelajaran Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan serta Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang berkaitan;

ii. Pemeraksanaan Program PEKERTI di sekolah dan institusi pengajian tinggi yang bertujuan untuk memberi pendidikan kesihatan reproduktif yang tepat kepada remaja, termasuk berhubung implikasi hubungan seksual sebelum perkahwinan, risiko kehamilan di usia terlalu muda dan pencegahan kehamilan yang tidak dirancang;

iii. Program Pusat Remaja KafeTEEN dan aplikasi maya myKafeTEEN di bawah LPPKN juga berperanan meningkatkan akses remaja kepada maklumat melalui program pendidikan dan pembangunan kemahiran kesihatan reproduktif serta Khidmat Nasihat Kaunseling dan Konsultasi Klinikal secara percuma. Bagi kes remaja hamil yang dikenal pasti dan memerlukan intervensi lanjut, ia akan dirujuk terus kepada fasiliti KKM; dan

iv. Menubuhkan Jawatankuasa Bersepadu Pengurusan Isu-isu Sosial Kanak-kanak di Media Sosial melibatkan keahlian dari Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM), dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) bagi menangani isu keselamatan siber serta menguatkuasakan aspek pengawalan ke atas laman web pornografi.

7. Dalam pada itu, KPWKM komited dalam memberikan perlindungan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang memainkan peranan dalam memberikan intervensi dan sokongan kepada remaja hamil yang tidak berkahwin untuk melindungi kebajikan remaja serta anak yang bakal dilahirkan. Antaranya ialah:

- a) Mengendalikan Taman Seri Puteri (TSP) iaitu institusi perlindungan yang menyediakan pemulihan dan perlindungan dan pemulihan kepada kanak-kanak perempuan yang hamil;
- b) Menjalinkan kerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam menyediakan rumah-rumah perlindungan kepada kanak-kanak perempuan yang hamil; dan
- c) Menyediakan khidmat kaunseling dan sokongan emosi untuk membantu remaja dan keluarga mengatasi tekanan dan trauma akibat kehamilan yang tidak dirancang. Program psikopendidikan yang dijalankan termasuk pengurusan emosi, kewangan, dan kemahiran keibubapaan.

8. Isu kehamilan remaja adalah amat penting untuk ditangani. Ia memerlukan perhatian serta tindakan holistik daripada bukan hanya oleh KPWK, tetapi daripada semua pihak. Hanya menerusi kebersamaan menyeluruh, perkara ini boleh dielakkan agar dapat melahirkan generasi masa depan yang lebih cemerlang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MUHAMMAD ISMI BIN MAT TAIB [PARIT]

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

TUAN MUHAMMAD ISMI BIN MAT TAIB [PARIT] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan usaha Kementerian dalam tempoh jangka panjang bagi mengelakkan kenaikan tarif elektrik yang berpotensi membebankan majoriti rakyat Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Tarif asas elektrik di Semenanjung disemak tiga tahun sekali dengan mengguna pakai mekanisme *Incentive Based Regulation* (IBR) Semakan tarif asas elektrik ini dilaksanakan bersekali dengan penetapan parameter-parameter asas seperti unjuran harga bahan api, kos operasi (OPEX), kos modal (CAPEX) dan kadar keuntungan Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang dikawal selia oleh Kerajaan melalui Suruhanjaya Tenaga (ST). Selain itu, pelarasan harga bahan api dibuat setiap enam bulan melalui mekanisme *Imbalance Cost Pass-Through* (ICPT) dengan mengambil kira kos bahan api sebenar dan penjanaan lain bagi tempoh enam bulan ke belakang serta dibandingkan dengan unjuran harga bahan api yang ditetapkan dalam tarif asas elektrik. Berdasarkan mekanisme ICPT ini, semua pengguna perlu membayar bil elektrik setelah diselaraskan melalui pemberian rebat atau surcay bergantung kepada penggunaan elektrik bulanan masing-masing.

2. Dalam hal ini, Kerajaan pada 13 Disember 2024 telah bersetuju dengan penetapan kadar purata tarif asas elektrik di Semenanjung bagi TNB di bawah kerangka IBR untuk tempoh Regulatori Keempat (RP4) bermula pada 1 Januari 2025 hingga 31 Disember 2027. Untuk makluman, komponen terbesar dalam pengiraan tarif asas adalah unjuran harga bahan api arang batu dan gas untuk penjanaan elektrik. Kenaikan harga bahan api di peringkat global dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini menjadikan unjuran harga bahan api bagi tempoh RP4 adalah lebih tinggi. Seperti semua sedia maklum, unjuran harga bahan api arang batu dan gas adalah jauh lebih rendah semasa penetapan kadar purata tarif asas elektrik bagi tempoh Regulatori Ketiga (RP3) iaitu pada tahun 2022 hingga 2024 yang mengakibatkan pelarasan surcay tarif elektrik di bawah mekanisme ICPT menjadi sangat tinggi. Oleh itu, penetapan unjuran baharu bagi tempoh RP4 akan merapatkan jurang harga bahan api semasa supaya pelarasan ICPT yang disemak setiap enam bulan dapat dikawal dengan lebih cekap dan berkesan.

3. Bagi penetapan tarif elektrik di Semenanjung termasuk pelaksanaan jadual tarif yang baharu di bawah RP4, Kementerian memberi jaminan akan mengambil kira semua aspek termasuk kebajikan dan kesejahteraan rakyat. Ini termasuklah memastikan 85% pengguna domestik di Semenanjung terus kekal dilindungi melalui pelaksanaan subsidi elektrik secara bersasar. Kementerian percaya bahawa pelaksanaan subsidi elektrik secara bersasar adalah merupakan langkah strategik yang terbaik untuk melindungi majoriti pengguna domestik di Semenanjung di samping memastikan pengguna elektrik dari golongan mahakaya dan industri-industri besar yang berkemampuan untuk membayar bil elektrik pada kadar harga sebenar.

4. Pada masa yang sama, Kerajaan juga sedang mempergiatkan usaha untuk membuat pelaburan jangka panjang dalam sumber tenaga boleh baharu (TBB). Dalam konteks tersebut, Kerajaan komited untuk menambah kapasiti penjanaan elektrik daripada sumber TBB agar selaras dengan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (*National Energy Transition Roadmap – NETR*). Di bawah RP4, keutamaan telah diberikan untuk memastikan kestabilan dan mutu perkhidmatan pembekalan elektrik yang berkualiti melalui pengukuhan infrastruktur elektrik. Oleh itu, Kementerian telah memperkenalkan Program *Solar For Rakyat Incentive Scheme* (SolaRIS) iaitu pemberian rebat pemasangan sistem solar sehingga RM4,000 kepada pengguna domestik yang layak tertakluk kepada terma dan syarat kelayakan SolaRIS yang telah ditetapkan.

5. Selain itu, Kementerian bersama-sama dengan ST juga sentiasa memantau harga arang batu di pasaran melalui mesyuarat bulanan supaya unjuran harga bahan api dapat dibuat dengan lebih tepat bagi mengelakkan surcaj bahan api ICPT yang tinggi pada kitaran akan datang. Seterusnya, Kementerian juga melalui ST telah melaksanakan *Malaysia Energy Literacy Program* (MELP) yang merupakan platform untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang tenaga melalui perkongsian maklumat yang tepat untuk melahirkan masyarakat celik tenaga dan pengguna elektrik pintar.

6. Kementerian, ST dan TNB juga akan terus melaksanakan hebahan tips jimat dan cekap tenaga dan semasa ke semasa melalui platform rasmi

dan tidak rasmi untuk membantu pengguna elektrik menggunakan tenaga secara berhemah sekaligus dapat mengurangkan perbelanjaan elektrik bulanan masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ROY ANGAU ANAK GINGKOI [LUBOK ANTU]

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

TUAN ROY ANGAU ANAK GINGKOI [LUBOK ANTU] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan sejauh manakah keberkesanan program Community Drumming dalam menyeragamkan harga barang keperluan asas di kawasan luar bandar serta adakah terdapat rancangan untuk meningkatkan jumlah Pegawai Pemantau Harga di Sarawak dan Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sentiasa prihatin dengan kesukaran yang dihadapi penduduk di kawasan pedalaman yang antara lainnya terpaksa berhadapan dengan harga barangan keperluan asas yang lebih tinggi berbanding di kawasan bandar. Antara faktor yang menyebabkan peningkatan harga ini adalah kesukaran akses dan juga isu kemudahan infrastruktur seperti jalan raya yang menyumbang kepada perbezaan harga yang tinggi, iaitu dalam lingkungan 30% hingga 200% berbanding dengan harga di bandar.

Oleh itu, bermula dari tahun 2009, KPDN telah melaksanakan Program Pengedaran Barang Perlu, LPG dan *Community Drumming* yang kini dikenali sebagai Program Pengedaran Barang Perlu. Program ini adalah untuk memastikan penduduk mempunyai akses kepada barang perlu, barang kawalan dan barang kawalan bersubsidi dengan harga yang sama dengan di bandar. Ini melibatkan pemberian subsidi Kerajaan melalui pelantikan syarikat transporter yang memberikan perkhidmatan mengangkut barang-barang perlu dan barang kawalan yang terpilih daripada pusat/sumber bekalan (point of source) ke pusat penjualan (point of sale). Antara barang-barang yang terlibat adalah beras, gula putih bertapis, tepung gandum, minyak masak, LPG, petrol RON95 dan diesel serta dilaksanakan di enam (6) buah negeri iaitu Sabah, Sarawak, Kedah, Kelantan, Terengganu dan Pahang.

Selain bertujuan untuk mengimbangi keperluan rakyat, program ini juga meningkatkan lagi keberkesanan pemberian perkhidmatan dalam membantu meringankan beban kos sara hidup. Sebagai contoh sebelum program ini dilaksanakan di Engkelili Ulu, harga setong LPG (tong 14kg) ialah RM100.00 iaitu 275 peratus lebih tinggi berbanding harga kawalan RM26.60 setong yang dijual melalui Program ini. Antara contoh lain adalah di Lubok Subong yang mana sebelum ini harga petrol RON95 dijual RM3.50 seliter iaitu hampir 70 peratus lebih tinggi berbanding harga kawalan RM2.05 seliter yang dijual selepas Program ini.

Sebagai rujukan, pada tahun 2025, Kerajaan juga telah meningkatkan peruntukan Program Pengedaran Barang Perlu bagi Sabah dan Sarawak

kepada RM231.2 juta. Dalam hal ini, penambahan 9 zon dan 25 kawasan pengedaran baharu di Sabah melibatkan jumlah terkini PPH di negeri berkenaan seramai 87 orang. Manakala di Sarawak, jumlah terkini PPH pula adalah seramai 113 orang dengan penambahan 7 kawasan pengedaran baharu di zon sedia ada,.

Justeru, bagi memastikan keberkesanan program ini di lapangan, Pegawai Pemantau Harga (PPH) bersama-sama pegawai penguatkuasa bertanggungjawab memantau pelaksanaan program ini agar selaras dengan *Standard Operating Procedure* program termasuklah memantau harga barangan yang dijual di Point of Sales (POS).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR [SETIU]

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR [SETIU] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah pengawasan rapat (*close monitoring*) secara berkala terhadap anggota PDRM bagi menangani trend salah laku jenayah, dadah, dan disiplin yang semakin meruncing dalam kalangan anggota PDRM.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Langkah pengawasan rapat (*close monitoring*) secara berkala terhadap warga PDRM bagi menangani trend salah laku jenayah, dadah, dan disiplin merupakan tindakan pemantauan yang sedang dilaksanakan oleh PDRM.

Untuk maksud ini, Ketua Polis Negara telah mengeluarkan Arahan Ketua Polis Negara No. 191 “**Total Enforcement**” ke atas Peraturan 3C Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan & Tatatertib) 1993 bertarikh 28 Ogos 2023 yang menekankan penguatkuasaan tegas terhadap Peraturan 3C PPPA (K&T) 1993. Arahan ini bertujuan untuk memastikan penyelia PDRM di semua peringkat menjalankan tanggungjawab dengan lebih berkesan, terutamanya dalam pengawasan dan penyeliaan terhadap pegawai/anggota PDRM di bawah seliaan mereka.

Bagi tempoh November 2023 sehingga Disember 2024 penguatkuasaan “*Total Enforcement*”, seramai 88 warga PDRM telah disiasat di bawah kesalahan Peraturan 3C PPPA (K&T) 1993.

Selain itu, Sistem Kawalan Disiplin dan Dadah (SKDD) PDRM turut memainkan peranan penting dalam proses pengawasan rapat (*close monitoring*). Penyelia bertanggungjawab untuk menjalankan seliaan secara berterusan melalui perjumpaan sekurang-kurangnya sekali sebulan terhadap pegawai/Anggota PDRM di bawah seliaan mereka dan hasil perjumpaan perlu dicatatkan mengikut enam elemen yang ditetapkan seperti berikut:

- i. Penugasan;
- ii. Kesihatan;
- iii. Keluarga/ Sosial;
- iv. Kewangan;
- v. Agama/ Moral; dan

vi. Lain-lain perbincangan.

Melalui perjumpaan berkala dan pemantauan yang teliti, penyelia dapat mengenal pasti sebarang perubahan dalam tugas atau prestasi pegawai/anggota PDRM di bawah seliaan mereka serta mengambil tindakan yang sesuai dengan segera.

Semua langkah-langkah pengawasan rapat (*close monitoring*) yang dilaksanakan oleh PDRM bertujuan untuk mengurangkan dan seterusnya mengekang salah laku jenayah, penyalahgunaan dadah dan masalah disiplin di kalangan warga PDRM di semua peringkat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD BIN SAAD @ YAHAYA [POKOK
SENA]**

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

DATO' HAJI AHMAD BIN SAAD @ YAHAYA [POKOK SENNA] minta **MENTERI
DALAM NEGERI** menyatakan perkembangan terkini penggubalan dasar yang
komprehensif setelah Kementerian menarik diri dalam kes kalimah Allah pada
tahun 2023.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri kini sedang memuktamadkan perundangan subsidiari di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 [Akta 301] dan Arahan Pentadbiran yang diperkemas sepertimana dasar yang diputuskan Majlis Raja-Raja dalam Mesyuarat Majlis Raja-Raja Kali Ke-262 pada 23-24 Oktober 2023 bersama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Peguam Negara (AGC), Pihak Berkuasa Agama Islam Negeri-negeri termasuk Sabah dan Sarawak.

Kementerian Dalam Negeri sentiasa mengawal selia hasil penerbitan yang mengandungi kalimah “Allah” melalui dasar dan arahan sedia ada seperti berikut:

- i. Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 [Akta 301];
- ii. Warta Kerajaan P.U(A) 134/1982 di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 bertarikh 22 Mac 1982 berhubung larangan ke atas penerbitan bertajuk “AlKitab” yang diterbitkan oleh Lembaga Alkitab Indonesia Jakarta 1979;
- iii. Perintah Keselamatan Dalam Negeri (Tegahan Mengenai Penerbitan) (No. 2) 1983 bertarikh 4 Mei 1983 mengenai larangan mutlak penerbitan bertajuk “Kalam Hidup” di seluruh Malaysia.
- iv. Perintah Keselamatan Dalam Negeri (Tegahan Mengenai Penerbitan) (No. 3) 1983 bertarikh 4 Mei 1983 mengenai larangan mutlak penerbitan bertajuk “Perjanjian Baru” di seluruh Malaysia.

- v. Memo YAB Timbalan Perdana Menteri bertarikh 16 Mei 1986 mengenai Istilah/ Perkataan Islam Di Dalam “AlKitab” Yang Tidak Boleh Digunakan;
- vi. Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia Kali Ke-82 pada 5 – 7 Mei 2008 berhubung Lafaz “Allah” Tidak Boleh Digunakan Atau Disamakan Dengan Agama-Agama Bukan Islam; dan
- vii. Surat YAB Perdana Menteri bertarikh 11 April 2011 berhubung *Ten Points Solution To Address The Bahasa Malaysia/ Indonesia Bible And Other Related Issues.*

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MOHD NAZRI BIN ABU HASSAN [MERBOK]

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

TUAN MOHD NAZRI BIN ABU HASSAN [MERBOK] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah-langkah jangka pendek dan panjang yang telah diambil oleh Kementerian Pengangkutan untuk mengatasi kesesakan lalu lintas di lebuh raya utama negara semasa musim cuti sekolah dan perayaan serta memastikan perjalanan yang lebih lancar kepada pengguna.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah menubuhkan satu Jawatankuasa Kabinet Mengenai Keselamatan dan Kesyakan Jalan Raya (JKMKKJR) sejak 2023 yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri I. Melalui platform ini, pelbagai inisiatif telah dirancang dan dilaksanakan dalam usaha untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas.
2. Dalam usaha mengurangkan kesesakan lalu lintas pada musim cuti sekolah dan musim perayaan, Kementerian Pengangkutan (MOT) melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah mengadakan operasi bersepadu dalam perintah larangan pemanduan kenderaan barangan sepanjang musim perayaan. Ini adalah bertujuan untuk mengelakkan risiko berlakunya kemalangan akibat percampuran trafik antara kenderaan berat dengan kenderaan ringan dan secara tidak langsung dapat membantu mengurangkan kesesakan lalu lintas. Inisiatif ini juga dibantu dengan pengaktifan laluan pintar (smart lane) bagi mengurangkan kesesakan kritikal di beberapa lokasi terpilih yang dikawal selia oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM).
3. Selain itu, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, MOT sedang melaksanakan Kajian Pelan Strategik Pengangkutan Awam Lembah Klang (PSPA-LK) yang bertujuan untuk mewujudkan satu pelan strategik jangka panjang bagi mempertingkatkan mutu perkhidmatan pengangkutan awam di Lembah Klang. Ianya juga akan berfungsi sebagai dokumen utama dalam perancangan penyediaan pengangkutan awam yang lebih baik. Hasil kajian ini juga dapat membantu MOT merancang penyediaan pengangkutan awam di laluan arteri bagi menghubungkan bandar satelit dan pusat bandar untuk mendorong rakyat beralih kepada pengangkutan awam.
4. Kerajaan juga turut menyediakan pelbagai pakej tambang untuk menggalakkan rakyat menggunakan pengangkutan awam sebagai mod

NO SOALAN : 66

pengangkutan utama. Sebagai contoh, Pas 30 Hari BAS.MY, Pas Mutiara, Pas Perjalanan Tanpa Had My50, Pas Konsesi BAS.MY dan Pas Perjalanan Percuma untuk Pelajar Sekolah dan OKU (MyRailLife).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LEE CHEAN CHUNG [PETALING JAYA]

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

TUAN LEE CHEAN CHUNG [PETALING JAYA] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk memperluas servis laluan bas elektrik ke Petaling Jaya memandangkan masih terdapat kekurangan infrastruktur perkhidmatan bas di kawasan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pengangkutan (MOT) melalui Prasarana Malaysia Berhad akan mula menggunakan dua buah bas elektrik yang dijangka beroperasi di bawah Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) pada 15 Februari 2025. Inisiatif ini bagi menggantikan penggunaan bas diesel yang sedang beroperasi dengan bas elektrik yang lebih mesra alam, sejajar dengan usaha negara untuk mengurangkan pelepasan karbon.
2. Perkhidmatan ini akan beroperasi di laluan PJ01, yang meliputi kawasan-kawasan utama seperti Hentian Taman Medan ke LRT Taman Jaya dan kawasan sekitar. Perkhidmatan ini memberi manfaat kepada penduduk Petaling Jaya dan meningkatkan akses pengangkutan awam di kawasan Petaling Jaya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI UTAMA IR. HASNI BIN
MOHAMMAD [SIMPANG RENGAM]**

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

DATUK SERI UTAMA IR. HASNI BIN MOHAMMAD [SIMPANG RENGAM] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk memanfaatkan dana iklim yang diperuntukkan oleh negara maju untuk menangani kesan perubahan iklim.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia merupakan negara parti kepada konvensyen pelbagai hala berkaitan alam sekitar iaitu *United Nations Convention on Biological Diversity* (UNCBD), *United Nations Framework Convention on Climate Change* (UNFCCC) dan *United Nations Convention to Combat Desertification* (UNCCD). Negara-negara membangun di bawah konvensyen-konvensyen tersebut termasuk Malaysia adalah layak dipertimbangkan untuk menerima bantuan bawah dana antarabangsa, antaranya *Global Environment Facility* (GEF) dan *Green Climate Fund* (GCF).

2. Malaysia telah banyak menerima manfaat daripada peruntukan yang diterima daripada GEF. Sejak Malaysia menyertai GEF pada tahun 1994, sebanyak 21 buah projek di peringkat nasional telah dilaksanakan dengan jumlah pembiayaan sebanyak USD 76.951 juta. Selain itu, Malaysia juga turut terlibat dalam lima (5) buah projek serantau dengan pembiayaan berjumlah USD 30.35 juta.

3. Peruntukan indikatif yang telah ditetapkan untuk Malaysia bagi GEF kitaran ke-8 bermula Julai 2022 hingga Jun 2026, adalah sebanyak USD 26.32 juta bagi bidang fokus perubahan iklim, biodiversiti dan kemerosotan tanah. Projek-projek di bawah peruntukan bidang fokus perubahan iklim dan kemerosotan tanah telah berjaya mendapat kelulusan 100%. Manakala, Kementerian merancang untuk memohon pelaksanaan projek bagi keseluruhan baki peruntukan USD 11.3 juta di bawah bidang fokus biodiversiti daripada keseluruhan peruntukan USD 19.89 juta pada tahun ini.

4. Selain itu, Malaysia turut layak untuk menerima pembiayaan di bawah *Green Climate Fund* (GCF) bagi melaksanakan tindakan mitigasi dan adaptasi perubahan iklim. Sehingga kini, Kementerian telah melaksanakan empat (4) projek GCF di peringkat nasional dengan jumlah pembiayaan USD 1.398 juta. Malaysia turut terlibat dalam satu (1) projek serantau dengan pembiayaan berjumlah USD 300 juta.

5. Tambahan daripada itu, pada 20 Februari 2025 yang lalu, Malaysia telah diluluskan satu lagi projek dengan jumlah keseluruhan nilai projek sebanyak USD 375.4 juta (RM 1.6 bilion) melibatkan beberapa negara meliputi tiga rantau – Afrika, Asia-Pasifik, serta Amerika Latin dan Caribbean – dengan Malaysia mewakili rantau Asia-Pasifik bersama Filipina.
6. Kementerian turut telah diluluskan permohonan dana daripada GCF bagi pembangunan Pelan Tindakan Adaptasi Kebangsaan (*Malaysia National Adaptation Plan - MyNAP*) berjumlah USD 3 juta. Malaysia turut merancang untuk memohon peruntukan dana tambahan USD 3 juta bagi pelaksanaan MyNAP 2.0 setelah projek ini selesai.
7. Di bawah GCF juga, Kementerian sedang dalam usaha untuk memuktamadkan *GCF Country Programme* bagi memudahkan perancangan dan akses kepada dana ini. Malah, pihak Kementerian turut sedang meneliti pelaksanaan *expert placement scheme* bagi melantik seorang pegawai pemudah cara untuk memudahkan komunikasi dan tadbir urus supaya akses kepada dana ini dapat dipertingkatkan.
8. Disamping itu juga, Malaysia juga telah mengakses dana *Adaptation Fund (AF)* sebanyak USD 10 juta bagi pelaksanaan projek untuk pembangunan ekosistem yang berdaya tahan terhadap perubahan iklim di kawasan bandar. Kementerian turut merancang untuk memohon USD 10 juta lagi daripada AF bagi pelaksanaan projek-projek adaptasi termasuk projek yang dirancang untuk dilaksanakan di peringkat negeri.
9. Kementerian kini sedang giat mengenalpasti projek-projek lain yang berpotensi supaya akses kepada dana-dana antarabangsa ini dapat diperluaskan dalam skala yang lebih besar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI SHAMSHULKAHAR BIN MOHD
DELI [JEMPOL]**

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

DATO' HAJI SHAMSHULKAHAR BIN MOHD DELI [JEMPOL] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan dasar dan inisiatif yang dilaksanakan Kementerian dalam memastikan kebolehpasaran dan gaji bemarkah bagi para graduan selari dengan kos sara hidup memandangkan data statistik dari DOSM menunjukkan gaji purata rakyat Malaysia adalah RM2,745 manakala bagi negeri Kedah, Sabah, Perlis dan Kelantan adalah bawah RM2,000.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa komited dan memandang serius perkara-perkara berkaitan kebolehpasaran graduan termasuklah isu berkaitan graduan menerima gaji permulaan di bawah RM2,000 sebulan selepas menamatkan pengajian.
2. Untuk makluman ahli dewan, keberhasilan pekerjaan dalam pasaran buruh adalah merupakan ukuran penting untuk menilai pengalaman dan kebolehpasaran graduan dalam proses peralihan graduan ke alam pekerjaan. Statistik mengenai gaji permulaan graduan adalah antara indikator utama dalam menilai pulangan kepada pendidikan ketika fasa awal kerjaya graduan.
3. Oleh yang demikian, Khazanah Research Institute (KRI) dengan kerjasama KPT telah mengeluarkan laporan kajian *Shifting Tides: Charting Career Progression of Malaysia's Skilled Talents* pada Mac 2024 yang telah membincangkan ketidakseimbangan antara bekalan dan permintaan graduan yang antaranya mengakibatkan pertumbuhan gaji yang perlahan dan tidak banyak berubah sejak sedekad yang lalu, dengan dua pertiga daripada graduan baru kekal terperangkap dalam gaji rendah (gaji permulaan kurang RM2,000) walaupun memiliki pendidikan tinggi.
4. Ahli dewan yang dihormati, usaha untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan dengan gaji yang setara dengan kelayakan pendidikan ini tidak hanya bersandarkan kepada usaha pembangunan bakat sahaja, ianya perlu disokong oleh kementerian-kementerian yang bertanggungjawab untuk memantau, menyelia dan memberikan penekanan kepada pemain-pemain industri berkaitan gaji permulaan yang ditawarkan kepada graduan.
5. Antara inisiatif KPT bagi memastikan graduan IPT menerima gaji permulaan yang setimpal dengan kelayakan sepatutnya adalah seperti:
 - Mempergiat Kerjasama merentas Kementerian dan Agensi
 - a. Kolaborasi serta perbincangan dari semasa ke semasa dalam pelbagai platform bersama-sama dengan Kementerian dan Agensi berkaitan seperti Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri

(MITI), Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) dan Kementerian Ekonomi (KE) turut dipergiat bagi membantu meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan IPT.

b. Ia selanjutnya dapat membantu graduan mendapatkan gaji yang setara dengan kelayakan pendidikan (gaji permulaan graduan) serta mengurangkan isu bekerja di bawah kelayakan pendidikan (underemployment).

- Program Pembangunan Keusahawanan

a. Pelaksanaan Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi 2021 – 2025 (PTK IPT 2021 – 2025) menerapkan nilai dan kemahiran keusahawanan kepada pelajar untuk membentuk minda mereka daripada hanya sebagai pencari kerja (job seeker) kepada pencipta pekerjaan (job creator).

b. Perubahan kepada program-program keusahawanan yang dianjurkan oleh IPT dengan memberikan tumpuan kepada program keusahawanan digital melalui penerapan elemen IR4.0, internet of things, data raya, program keusahawanan sosial, program keusahawanan agro dan perkhidmatan selain program-program peningkatan kemahiran keusahawanan yang bersifat hands on kepada pelajar.

c. Program-program ini dilihat dapat memberikan penekanan yang kukuh pada pembangunan kemahiran pelajar bagi melahirkan graduan yang mempunyai pemikiran serta sifat usahawan, berdaya saing, beretika dan mampu beradaptasi dalam persekitaran pekerjaan dan perniagaan yang dinamik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK HAJI AWANG BIN HASHIM [PENDANG]

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

DATUK HAJI AWANG BIN HASHIM [PENDANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula pengenaan bayaran caj fi RM1 di mesin pengeluaran wang automatik (ATM) termasuk hasil libat urus dan konsultasi yang telah dijalankan antara Payments Network Malaysia Sdn. Bhd. (PayNet) dengan institusi perbankan yang lain.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pengeluaran tunai di mesin ATM yang disediakan oleh bank pelanggan itu sendiri adalah percuma. Caj RM1 hanya dikenakan untuk pengeluaran tunai di mesin ATM yang dikendalikan oleh selain bank pelanggan itu. Ini bagi memberi kemudahan tambahan untuk pelanggan yang tidak mempunyai akses kepada mesin ATM bank mereka di sesuatu kawasan.
2. Caj RM1 yang dikenakan untuk pengeluaran tunai antara bank digunakan oleh PayNet dan pemeroleh ATM (iaitu bank yang menyediakan perkhidmatan pengeluaran ATM) untuk menampung perbelanjaan berkaitan penyediaan dan penyelenggaraan rangkaian ATM seperti kos pengisian semula wang tunai ke dalam mesin ATM, kos keselamatan, serta penyelenggaraan sistem untuk memastikan mesin dan sistem ATM kekal berfungsi dengan baik.
3. Bagi menyokong rangkaian ATM, pelbagai usaha dan pelaburan juga telah dilaksanakan oleh industri perbankan supaya pengguna mempunyai akses kepada perkhidmatan kewangan yang komprehensif. Sebagai contoh, lebih daripada 96% mukim di Malaysia kini sudah mempunyai sekurang-kurangnya satu *financial access point* (FAP) yang ditawarkan oleh bank. Ini termasuk lebih 4,000 bank ejen serta 600 penyedia *MyDebit Cash Out* (MDCO) di seluruh negara yang menawarkan perkhidmatan pengeluaran wang tunai.
4. Selain itu, pelbagai insentif juga ditawarkan untuk menyokong penggunaan pembayaran digital yang merupakan alternatif kepada wang tunai yang cepat, mudah dan selamat. Pengguna mendapat banyak manfaat daripada insentif ini, contohnya sebarang transaksi pindahan wang DuitNow di bawah RM5,000 adalah dikecualikan daripada sebarang fi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LEE CHEAN CHUNG [PETALING JAYA]

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

TUAN LEE CHEAN CHUNG [PETALING JAYA] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menggubal undang-undang yang lebih tegas berkenaan *lane splitting* dan *filtering*, bagi mengurangkan kadar kematian penunggang motosikal di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan sentiasa memberikan perhatian yang khusus mengenai isu keselamatan jalan raya dan keselamatan penunggang motosikal, termasuk berkaitan amalan pengguna motosikal yang menggunakan ruang antara lorong-lorong (*lane splitting*) dan ruang pada lorong yang sama (*lane filtering*) untuk memotong kenderaan lain di jalan raya yang berisiko tinggi, terutamanya pada kelajuan yang tinggi.
2. Merujuk kepada tindakan penguatkuasaan bagi mematuhi peraturan jalan raya, undang-undang yang sedia ada di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) dan Kaedah-Kaedah Pengangkutan Jalan, tidak mengenakan sekatan kepada penunggang motosikal untuk menggunakan mana-mana lorong di jalan, lebuh raya, jalan persekutuan dan lain-lain jalan kecuali mana-mana jalan yang disediakan lorong Khas Motosikal. Justeru, penguatkuasaan peraturan di bawah Akta 333 hanya boleh dilaksanakan di jalan raya yang disediakan laluan khas motosikal.
3. Sebagai makluman juga, Kaedah 4 Kaedah-kaedah Lalu Lintas Jalan 1959 menetapkan peraturan memandu pada kelajuan yang perlahan hendaklah berada seberapa yang boleh, hampir di sebelah kiri jalan serta dipandu dalam cara yang tidak menghalang kenderaan lain.
4. Kementerian Pengangkutan telah melaksanakan pelbagai langkah untuk meningkatkan tahap keselamatan penunggang motosikal dan pengguna jalan raya yang lain. Langkah yang paling utama ialah kawalan undang-undang melalui aktiviti penguatkuasaan bagi pelbagai kesalahan dan juga proses latihan serta ujian lesen menunggang motosikal. Melalui Kurikulum Pendidikan dan Latihan Pemandu yang dilaksanakan di Institut Memandu, calon lesen telah dilatih menggunakan modul latihan khusus kemahiran penunggang selamat yang menekankan kepentingan mematuhi peraturan jalan raya, termasuk cara memotong kenderaan dengan selamat.

Latihan ini juga memberikan pemahaman kepada penunggang tentang risiko melakukan *lane splitting* dan *lane filtering*, terutamanya di kawasan yang sesak atau berkelajuan tinggi. Kaedah ujian Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) pula dibangunkan khusus untuk memastikan hanya penunggang yang benar-benar layak diberi pentauliahan untuk menunggang di jalan raya.

5. Adalah penting bagi rakyat untuk memahami bahawa usaha kerajaan, sama ada melalui latihan, inovasi, atau penguatkuasaan, bukanlah bertujuan menyulitkan kehidupan mereka, tetapi untuk memastikan keselamatan mereka terjamin di samping mengekalkan kesejahteraan sosioekonomi masyarakat. Peningkatan kesedaran dan kerjasama daripada semua pihak akan menjadi kunci kepada keberkesanan usaha-usaha ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD.
MUTTALIB [MARAN]**

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB [MARAN] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :

a. berapa jumlah kes jenayah seperti penyalahgunaan dadah, merompak, merogol, *scammer* dan sebagainya yang melibatkan warga asing

b. langkah dan usaha yang diambil oleh Kerajaan untuk membendung gejala ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Tahun 2024 telah merekodkan sebanyak **161,543** kes jenayah yang melibatkan seramai **12,736** orang warga asing.

PDRM mengambil pelbagai langkah untuk membendung gejala jenayah yang dilakukan oleh warga asing di negara ini. Berikut adalah beberapa tindakan utama yang biasanya diambil:

1. Operasi Penguatkuasaan yang berkesan

PDRM bekerjasama dengan Jabatan Imigresen Malaysia untuk melaksanakan operasi besar-besaran seperti Ops PATI (Pendatang Asing Tanpa Izin). Operasi ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menangkap warga asing yang tidak mempunyai dokumen sah atau terlibat dalam kegiatan jenayah. Operasi seperti Ops Cantas sering dijalankan untuk membanteras kumpulan-kumpulan penjenayah, termasuk yang melibatkan warga asing.

2. Pemeriksaan Tempat Tumpuan Warga Asing

Pemeriksaan berkala oleh Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJKK) dilakukan di kawasan yang mempunyai kehadiran warga asing yang tinggi seperti pasar, kawasan perindustrian, kawasan perumahan pekerja asing, dan terminal pengangkutan awam.

3. Pemantauan Sempadan

PDRM bekerjasama dengan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) untuk memperketat kawalan di sempadan negara, termasuk pintu masuk udara, laut dan darat, bagi mengelakkan penyeludupan manusia dan jenayah rentas sempadan. Penggunaan teknologi seperti dron, kamera litar tertutup (CCTV), pengimbas biometrik di sempadan bagi mengesan warga asing yang

mencurigakan.

4. Saringan dan Rekod Data Warga Asing

Semua warga asing yang memasuki Malaysia perlu melalui sistem pengesanan biometrik untuk mengesan latar belakang mereka dan mencegah penjenayah antarabangsa memasuki negara ini. Kerjasama dengan agensi antarabangsa seperti Interpol untuk mengesan individu yang mungkin terlibat dalam jenayah di negara lain.

5. Kerjasama dengan Komuniti dan Majikan

PDRM bekerjasama dengan majikan warga asing untuk memastikan mereka mematuhi undang-undang dan memberi kesedaran tentang risiko penglibatan dalam jenayah. Kempen kesedaran dijalankan untuk mendidik masyarakat agar melaporkan aktiviti jenayah melibatkan warga asing.

6. Tindakan Undang-Undang Yang Tegas

Warga asing yang terlibat dalam jenayah seperti penyeludupan, dadah, penipuan, atau pemerdagangan manusia akan dihadapkan ke mahkamah dan jika bersalah, dihukum berdasarkan undang-undang negara. Pemandang asing tanpa izin yang ditangkap akan diusir atau dihantar pulang ke negara asal seterusnya akan disenarai hitam dari memasuki Malaysia.

7. Latihan dan Persediaan Pasukan Keselamatan

PDRM sentiasa meningkatkan kemahiran dan latihan anggotanya untuk menangani kes jenayah melibatkan warga asing, termasuk menangani kumpulan jenayah antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD.
MUTTALIB [MARAN]**

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB [MARAN] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa jumlah laporan polis setakat hari ini dan apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan berhubung isu buku yang dikeluarkan oleh Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh *Becoming Hannah: A Personal Journey* yang disifatkan bahaya dan sepatutnya diharamkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan sumber yang diperolehi dari PDRM sehingga 08 Jan 2025, sejumlah laporan polis telah dibuat berhubung isu buku yang dikeluarkan oleh Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh *Becoming Hannah: A Personal Journey*. Dalam masa yang sama, beberapa rakaman percakapan juga telah dirakamkan.

Memandangkan siasatan polis dan prosiding mahkamah yang terkait buku ini sedang berjalan maka Kementerian tidak berhasrat untuk mendahului proses siasatan dan prosiding yang sedang berjalan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI [KUALA LANGAT]

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI [KUALA LANGAT] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh KDN untuk menangani peningkatan kes remaja perempuan hilang terutamanya yang melibatkan unsur jenayah seperti penculikan atau pembunuhan serta statistik terkini kes ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui PDRM sentiasa berusaha dalam menangani kes peningkatan remaja perempuan hilang terutamanya yang melibatkan unsur jenayah seperti penculikan atau pembunuhan. Beberapa langkah telah dilaksanakan oleh pihak PDRM bertujuan untuk memastikan usaha pencegahan jenayah dibuat dengan efektif. Antaranya adalah:

- i. Aktiviti pencegahan jenayah dilaksanakan secara *omnipresence* oleh Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJKK) melalui tiga (3) elemennya iaitu Cawangan *Mobile Patrol Vehicle* (MPV), Unit Rondaan Bermotorsikal (URB) dan Unit Polis Pelancong (UPP) yang melaksanakan tugas rondaan mencegah jenayah meliputi kawasan penempatan, perniagaan, perkilangan, sasaran penting dan lain-lain kawasan tempat tumpuan masyarakat. Sepanjang melaksanakan rondaan, cawangan MPV, URB dan UPP melaksanakan program *Stop and Talk* dan *Meet and Greet* dengan masyarakat. Selain itu pelaksanaan Sekatan Jalan Raya (SJR) di peringkat daerah turut dilaksanakan bagi pelaksanaan pencegahan jenayah;
- ii. Peningkatan rondaan dan pemantauan di kawasan yang berisiko tinggi seperti taman perumahan, pusat membeli-belah, dan lokasi yang sering dikunjungi remaja. Ini termasuk juga meningkatkan kehadiran polis di tempat-tempat yang menjadi lokasi tumpuan remaja;
- iii. Memperkasa Sistem Amaran Awal Kehilangan Kanak-Kanak (NUR Alert) iaitu sistem amaran awal bagi kes kehilangan kanak-kanak untuk membantu agensi penguatkuasa undang-undang dalam menjalankan siasatan dan membawa kepada tangkapan yang pantas. NUR Alert bertujuan untuk menyebarkan amaran segera mengenai kes kanak-kanak hilang melalui media sosial, radio, televisyen, dan papan tanda elektronik. Ini membantu orang ramai untuk mengenal pasti kanak-kanak yang hilang dan memberi maklumat yang relevan dengan cepat;

- iv. Pemantauan media sosial untuk mengesan kemungkinan penculikan atau kes remaja hilang. PDRM turut menggunakan sistem pemantauan kamera litar tertutup (CCTV) untuk mengesan pergerakan individu yang hilang atau suspek yang terlibat dalam jenayah; dan

- v. Program pendidikan keselamatan di sekolah-sekolah melalui Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS) dan komuniti untuk meningkatkan kesedaran tentang pentingnya berkongsi maklumat dan melaporkan kejadian yang mencurigakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ALI ANAK BIJU [SARATOK]

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

DATUK ALI ANAK BIJU [SARATOK] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah unjuran garis masa bagi proses pengambilalihan syarikat penerbangan MASwings oleh Kerajaan Sarawak menjelang suku pertama 2025 serta proses penilaian wajar yang dijalankan sebagai persediaan pengambilalihan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Majlis Menandatangani Perjanjian Jual Beli Saham MASwings Sdn. Bhd. di antara Kerajaan Negeri Sarawak dan *Malaysia Aviation Group* (MAG) bagi pengurusan Perkhidmatan Udara Luar Bandar (*Rural Air Services* – RAS) di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak oleh Kerajaan Negeri Sarawak telah diadakan pada 12 Februari 2025 di Kuching, Sarawak. Proses seterusnya melibatkan tempoh transisi seperti yang ditentukan bersama oleh Kerajaan Negeri Sarawak dan MAG.
2. Pengambilalihan MASwings merupakan keputusan komersial yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Sarawak dan MAG selaku pemilik MASwings. Sehubungan itu, kedua-dua pihak telah melaksanakan penilaian-penilaian yang sewajarnya merangkumi aspek-aspek kewangan dan operasi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN YUNESWARAN A/L RAMARAJ [SEGAMAT]

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

TUAN YUNESWARAN A/L RAMARAJ [SEGAMAT] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :

- a. bagaimana Kementerian merancang untuk melaksanakan sistem pengangkutan pintar dan bersepadu seperti TBS di kawasan luar bandar seperti Segamat, khususnya dalam meningkatkan kecekapan serta kebolehpercayaan sistem logistik dan pengangkutan awam dengan menggunakan IoT dan AI untuk mengatasi isu kesesakan dan ketiadaan infrastruktur yang sistematik
- b. apakah jangka masa persiapan Rapid Transit System (RTS) Johor Bahru - Singapura.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perancangan dan pembangunan mana-mana terminal adalah di bawah inisiatif Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atau syarikat yang berhasrat untuk membangunkan terminal tersebut. Proses ini tertakluk kepada pelan rancangan tempatan, keperluan dan keutamaan setempat, serta peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan.
2. Peranan Kementerian Pengangkutan (MOT) melalui Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) adalah bertanggungjawab untuk mengeluarkan lesen kepada pemegang lesen terminal yang mengendalikan pengoperasian dan pengurusan terminal sepertimana yang termaktub di bawah Seksyen 6 hingga 12, Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 [Akta 715]. Rujukan proses permohonan lesen terminal tersebut adalah sepertimana yang diperuntukkan di dalam Peraturan-Peraturan Pengangkutan Awam Darat (Pelesenan Terminal) (Stesen Dan Pusat Pengangkutan) 2024 yang telah dibangunkan dan diwartakan pada 5 Februari 2024. Tarikh permulaan kuat kuasa peraturan tersebut adalah pada 6 Februari 2024.
3. Bagi meningkatkan jumlah pengguna perkhidmatan pengangkutan awam serta mempertingkatkan kecekapan dan kualiti perkhidmatan terminal, pemilik atau pengendali terminal digalakkan untuk menggunakan *Terminal Management System* (TMS). TMS terdiri daripada tiga komponen utama iaitu Sistem Jualan Tiket Berpusat (*Centralized Ticketing System – CTS*), Sistem Operasi Terminal (*Terminal Operating System – TOS*) dan Sistem Penyebaran Maklumat (*Passenger Information Display System – PIDS*). Penggunaan teknologi ini telah berjaya diaplikasikan di Terminal Bersepadu Selatan (TBS) dan terbukti telah meningkatkan keberkesanan pengurusan terminal.
4. Dalam pada itu, Kementerian menyambut baik sekiranya skop pembangunan mana-mana terminal mengambil kira penggunaan teknologi

terkini seperti IoT (*Internet of Things*) dan AI (Kecerdasan Buatan). Penerokaan teknologi canggih ini bukan sahaja dapat meningkatkan kecekapan dan kebolehpercayaan sistem pengangkutan awam tetapi juga berperanan dalam memantau aliran trafik dan mengurangkan masalah kesesakan. Inisiatif seperti ini diharapkan dapat menjadi model terbaik kepada terminal-terminal lain di negara ini.

5. Berhubung dengan status Projek RTS Link Johor Bahru-Singapura, projek tersebut telah memasuki fasa pemasangan sistem bermula pada Januari 2025 dan dijangka akan beroperasi menjelang 1 Januari 2027 selaras dengan Perjanjian Dua Hala yang ditandatangani antara Malaysia dan Singapura.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [KEPONG]

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

TUAN LIM LIP ENG [KEPONG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan akan mewajibkan bank-bank menyerap kos RM1 bagi pengeluaran di mesin ATM susulan keuntungan besar bank-bank mencecah berbilion ringgit tahun lalu dan mewajibkan bank-bank memasang pengecas kenderaan elektrik (EV) di luar bangunan bank untuk kemudahan pengguna EV.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pengeluaran tunai di mesin ATM yang disediakan oleh bank pelanggan itu sendiri adalah percuma. Caj RM1 hanya dikenakan untuk pengeluaran tunai di mesin ATM yang dikendalikan oleh selain bank pelanggan itu. Ini bagi memberi kemudahan tambahan untuk pelanggan yang tidak mempunyai akses kepada mesin ATM bank mereka di sesuatu kawasan.
2. Caj RM1 yang dikenakan untuk pengeluaran tunai antara bank digunakan oleh PayNet dan pemeroleh ATM (iaitu bank yang menyediakan perkhidmatan pengeluaran ATM) untuk menampung perbelanjaan berkaitan penyediaan dan penyelenggaraan rangkaian ATM seperti kos pengisian semula wang tunai ke dalam mesin ATM, kos keselamatan, serta penyelenggaraan sistem untuk memastikan mesin dan sistem ATM kekal berfungsi dengan baik.
3. Bagi menyokong rangkaian ATM, pelbagai usaha dan pelaburan juga telah dilaksanakan oleh industri perbankan supaya pengguna mempunyai akses kepada perkhidmatan kewangan yang komprehensif. Sebagai contoh, lebih daripada 96% mukim di Malaysia kini sudah mempunyai sekurang-kurangnya satu *financial access point* (FAP) yang ditawarkan oleh bank. Ini termasuk lebih 4,000 bank ejen serta 600 penyedia *MyDebit Cash Out* (MDCO) di seluruh negara yang menawarkan perkhidmatan pengeluaran wang tunai.
4. Selain itu, pelbagai insentif juga ditawarkan untuk menyokong penggunaan pembayaran digital yang merupakan alternatif kepada wang tunai yang cepat, mudah dan selamat. Pengguna mendapat banyak manfaat daripada insentif ini, contohnya sebarang transaksi pindahan wang DuitNow di bawah RM5,000 adalah dikecualikan daripada sebarang fi.
5. Berhubung dengan cadangan untuk mewajibkan bank-bank memasang pengecas kenderaan elektrik (*Electronic Vehicle, EV*) di luar bangunan

NO SOALAN : 78

bank untuk kemudahan pengguna EV adalah tertakluk kepada inisiatif bank itu sendiri untuk memudahkan pelanggan mereka.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE [BELURAN]

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE [BELURAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status bayaran khas interim RM600 juta kepada Sabah yang diumumkan Kerajaan. Adakah bayaran khas tersebut memenuhi semangat Perkara 112C Perlembagaan Persekutuan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan Persekutuan melalui platform Majlis Tindakan Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MTPMA63), komited untuk merundingkan kadar Pemberian Khas kepada negeri Sabah selaras dengan Perkara 112D PP. Pemberian khas kepada negeri Sabah telah dibuat dengan mengambil kira kos perkhidmatan negeri dan kemampuan kewangan semasa Kerajaan Persekutuan.
2. Kerajaan Persekutuan bersama Kerajaan Negeri Sabah telah mencapai persetujuan pemberian khas sebagai penyelesaian secara interim. Pada tahun 2023, Kerajaan Persekutuan telah naikkan kadar kepada RM300 juta berbanding RM125.6 juta. Mulai tahun 2025, Kerajaan bersetuju menaikkan kadar Pemberian Khas Sabah hampir sekali ganda lagi kepada RM600 juta.
3. Suatu draf Perintah yang baharu akan digubal dan diwartakan serta berkuat kuasa untuk menggantikan Perintah Perlembagaan Persekutuan (Kajian Semula Pemberian Khas Di Bawah Perkara 112D) (Negeri Sabah) 2023 [P.U. A 364/2023] **setelah mendapat persetujuan daripada Kerajaan Negeri Sabah selaras dengan Perkara 112(D) Perlembagaan Persekutuan**. Draf Perintah baharu ini akan membolehkan Kerajaan Persekutuan membuat pembayaran Pemberian Khas kepada Negeri Sabah pada amaun baharu bagi menggantikan amaun Pemberian Khas sedia ada yang sedang berkuat kuasa.
4. Pada masa ini, terdapat kes semakan kehakiman di mahkamah yang sedang berjalan mengenai tuntutan yang sama, iaitu kes Sabah Law Society v. The Government of the Federation of Malaysia (NO.BKI-25-14/6-2022). Oleh itu, pertanyaan ini adalah tidak wajar dibincangkan di sini memandangkan ia merupakan suatu pertanyaan yang mengelencongkan perkara yang sedang dibicarakan oleh mahkamah (*likely to prejudice a case under trial*) dan juga merupakan suatu perkara yang masih dalam

timbangan mahkamah (*sub judice*).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SUHAIMI BIN NASIR [LIBARAN]

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

DATUK SUHAIMI BIN NASIR [LIBARAN] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan langkah segera Kementerian untuk memastikan penduduk di kawasan Libaran mendapat akses kepada bekalan air bersih yang mencukupi dan berkualiti serta menangani masalah kebocoran paip utama yang sering mengganggu perkhidmatan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pengurusan air di negeri Sabah terletak di bawah Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) yang melaksanakan fungsi di bawah Enakmen Bekalan Air Sabah 2003. Dalam hubungan ini, perancangan dan pembangunan infrastruktur bekalan air di negeri tersebut adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sabah. Walau bagaimanapun, bagi membantu mengatasi isu bekalan air di negeri tersebut, Kerajaan Persekutuan boleh meluluskan peruntukan pembangunan dalam bentuk pinjaman dan geran di bawah Rancangan-rancangan Malaysia termasuk projek Loji Rawatan Air (LRA) jika terdapat permohonan daripada Kerajaan Negeri Sabah.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kawasan Libaran mendapat bekalan air bersih melalui empat (4) loji rawatan air (LRA) seperti berikut:

BIL.	LRA	KAPASITI REKA BENTUK (JLH)	PENGELUARAN (JLH)
1	LRA Segaliud	125	130
2	LRA Kinabatangan	62	65
3	LRA Sibuga	21	4
4	LRA Hilltop*	15	0
Jumlah		223	199

*Henti operasi pada 14 Mac 2024 disebabkan paras air tidak mencukupi untuk ekstrak.

3. Di Sandakan pula, terdapat satu (1) projek sambungan iaitu Projek Menaik Taraf Sistem Saluran Agihan Utama Termasuk Pembinaan Tiga (3) Buah Tangki Simpanan Utama, Sandakan dengan peruntukan berjumlah RM144.8 juta. Kemajuan fizikal terkini ialah 39% dan projek dijangka siap pada suku ke-3 tahun 2026.

NO SOALAN : 80

4. Pada masa ini, pihak JANS sedang dalam proses untuk memohon peruntukan *Rolling Plan* Pertama, Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RP1, RMKe-13) melalui Kerajaan Negeri Sabah untuk meningkatkan kapasiti bekalan air bersih di Libaran.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN [KLANG]

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN [KLANG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan susulan daripada Rang Undang-Undang Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) (Pindaan) 2024 yang baru dilulus, adakah penagih dadah yang telah sukarela ke Agensi Anti-Dadah Kebangsaan (AADK) setakat ini, khususnya dari Bandaraya Klang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan statistik tahun 2024, seramai 72,305 orang telah menjalani Program Rawatan dan Pemulihan Dalam Komuniti (RPDK) dan seramai 10,319 orang telah menjalani Program Rawatan dan Pemulihan Dalam Institusi (RPDI). Melalui kedua-dua program tersebut, seramai 2,375 orang telah hadir ke Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) melalui beberapa fasiliti yang telah disediakan untuk mendapatkan rawatan secara sukarela. Sehingga Disember tahun 2024, seramai 44 orang klien sedang menjalani Program Rawatan dan Pemulihan secara sukarela di Bandaraya Klang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL KHALIB BIN ABDULLAH [ROMPIN]

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

DATO' HAJI ABDUL KHALIB BIN ABDULLAH [ROMPIN] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah justifikasi pelantikan Ketua Setiausaha Negara sebagai Pengerusi Suruhanjaya Tenaga baharu berkuat kuasa 1 Januari 2025 mengambil kira garis panduan mengenai pengurusan dan tatakelola pengurusan Badan Berkanun Persekutuan (BBP) serta jaminan agar tidak berlakunya konflik berkepentingan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pelantikan Pengerusi Suruhanjaya Tenaga (ST) adalah berdasarkan peruntukan seksyen 5 Akta Suruhanjaya Tenaga 2001 [Akta 610] yang menyatakan sebarang urusan pelantikan, pembatalan pelantikan atau peletakan jawatan Anggota Suruhanjaya adalah di bawah bidang kuasa Menteri yang bertanggungjawab bagi perkara-perkara yang berhubungan dengan pembekalan elektrik iaitu Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air dengan persetujuan Menteri yang bertanggungjawab bagi perkara-perkara yang berhubungan dengan pembekalan gas iaitu YAB Perdana Menteri.

2. Manakala, pelantikan Ketua Setiausaha Negara (KSN) sebagai Pengerusi ST berkuat kuasa 1 Januari 2025 adalah secara sementara sehingga calon Pengerusi ST baharu dikenal pasti dan dilantik selaras dengan peruntukan seksyen 5(2) Akta 610. Sebagai makluman, berdasarkan akta tubuh ST tiada peruntukan yang menghalang daripada penjawat awam untuk dilantik sebagai anggota. Oleh itu, pelantikan KSN sebagai Pengerusi ST adalah tidak bertentangan dengan perkara 3.3.7 Surat Pekeliling Am Bilangan 5 Tahun 2024. Tambahan pula, KSN selaku ketua kepada semua penjawat awam di Malaysia tidaklah dibebankan malah dapat memudahkan pelaksanaan pelbagai inisiatif berkaitan perkembangan ekonomi terutamanya melibatkan pengurusan tenaga negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM [PASIR GUDANG]

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM [PASIR GUDANG] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan adakah apabila dilancarkan program subsidi bersasar petrol RON97 pada pertengahan tahun 2025 ini tidak akan menyebabkan harga barang naik dan kos sara hidup rakyat akan meningkat. Apakah persiapan Kementerian untuk menangani isu tersebut.

JAWAPAN**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat, petrol RON97 tidak terlibat di dalam penyasaran subsidi memandangkan petrol RON97 ini telah lama diapungkan sejak Jun 2018.

Penyasaran subsidi petrol RON95 dijangka akan dilaksanakan pada pertengahan tahun ini. Pada masa ini kerajaan masih dalam peringkat menentukan mekanisme terbaik untuk melaksanakan penyasaran RON95 bagi memastikan penyasaran ini benar-benar mencapai objektif yang disasarkan. Dalam masa yang sama Kerajaan juga akan memastikan kesan penyasaran itu nanti tidak akan berlaku kenaikan kepada harga barang dan perkhidmatan secara tidak munasabah dan tidak terkawal.

Mengambil kira mekanisme yang digunakan semasa Kerajaan melaksanakan penyasaran diesel pada tahun 2024 yang lalu, KPDN sedang menambahbaik sistem sedia ada untuk memberikan kuota petrol bersubsidi kepada kenderaan komersial yang layak. Pada ketika ini, kumpulan sasar yang akan menggunakan fleet card bersubsidi ini sedang dikenalpasti dan satu perbincangan diantara KPDN, Kementerian Kewangan dan Kementerian Pengangkutan terutamanya Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) akan dilaksanakan bagi memuktamadkan senarai akhir kumpulan yang layak untuk menggunakan fleet card petrol bersubsidi ini.

Pemberian petrol bersubsidi kepada kumpulan sasar yang tepat secara tidak langsung dapat mengekalkan kos perkhidmatan dan kos penghantaran barangan keperluan kepada rakyat dan seterusnya tidak membebankan rakyat dengan tambahan kos sara hidup.

Bagi mengawal dan mengekang peniaga daripada mengambil kesempatan memanipulasi harga barangan KPDN akan mempertingkatkan lagi penguatkuasa melalui Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan Peraturan-Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah) 2018. Menerusi peraturan ini, kerajaan melaksanakan tindakan di bawah Ops Kesan bagi memastikan mana-mana perniagaan sama ada di peringkat rantaian pengeluaran atau pembekalan barangan atau penyedia perkhidmatan tidak mengambil kesempatan

daripada penyasaran subsidi. Kerajaan juga akan terus melaksanakan pelbagai inisiatif yang dapat meringankan kos sara hidup rakyat dan mengawal kenaikan seperti berikut:

- i. Melaksanakan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan;
- ii. Memperluaskan Program Jualan RAHMAH MADANI (PJRM) di seluruh negara.
- iii. Menyalurkan BUDI MySubsidi Diesel untuk memastikan syarikat pengangkutan darat awam dan barangan yang layak kekal menerima diesel bersubsidi melalui fleet card;
- iv. Meningkatkan Program Pengedaran Barang Perlu dan diperluaskan di kawasan-kawasan baharu terutama di kawasan pedalaman; dan
- v. Memperkenalkan inisiatif KITA GEMPUR.

Kementerian berharap usaha untuk memastikan kebajikan rakyat sentiasa terpelihara dapat dipikul secara bersama melalui pendekatan keseluruhan kerajaan pihak industri dan juga orang ramai.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KALAM BIN SALAN [SABAK BERNAM]

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

TUAN KALAM BIN SALAN [SABAK BERNAM] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah perancangan Kerajaan supaya premium insurans kenderaan tidak meningkat akibat kenaikan cukai perkhidmatan daripada 6% kepada 8%.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Premium insurans motor ditetapkan berdasarkan profil risiko yang mengutamakan pemanduan selamat dan keselamatan kenderaan. Faktor-faktor risiko seperti jenis kenderaan, sejarah kemalangan, umur pemandu dan umur kenderaan berperanan mempengaruhi profil risiko dan penentuan premium. Pemandu berhemat mempunyai profil risiko rendah dan boleh mendapatkan kadar premium yang berpatutan di pasaran. Sebaliknya, segmen yang berisiko tinggi, khususnya segmen yang kerap mengalami kemalangan, kecurian atau peningkatan kos '*spare part*' kenderaan akan berdepan premium yang lebih tinggi. Secara amnya, cukai perkhidmatan ke atas premium insurans motor tidak mempengaruhi profil risiko pemandu secara langsung.
2. Justeru itu, pemegang polisi digalakkan membuat perbandingan bagi mendapatkan pilihan produk yang bersesuaian dengan keperluan masing-masing. Sebagai contoh, terdapat produk inovatif seperti insurans '*pay-as-you-drive*' yang menetapkan premium berdasarkan jarak yang dipandu. Selain itu, pembelian insurans secara langsung dari ITO, contohnya melalui laman web ITO tanpa melalui agen insurans, juga layak menerima rebat sebanyak 10%. Sejak 2024, semua ITO juga menawarkan perkhidmatan nilai tambah seperti Bantuan Tepi Jalan Secara Digital (*Digital Roadside Assistance, DRA*), di mana pengguna boleh membuat panggilan kecemasan secara digital, mendapat servis trak tunda serta memantau status pembaikan dan tuntutan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN [RASAH]

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

TUAN CHA KEE CHIN [RASAH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :

a. berapa penjimatan subsidi diesel terkumpul untuk tahun 2024, sejak melaksanakan penyasaran subsidi pada 12 Jun 2024

b. bagaimana peruntukan yang dijimatkan digunakan untuk manfaat rakyat. Huraikan jenis projek atau program yang dijalankan untuk manfaat rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak Kerajaan melaksanakan penyasaran semula subsidi diesel di Semenanjung Malaysia melalui Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS 2.0) pada 10 Jun 2024 hingga 31 Disember 2024, Kerajaan telah mendapat penjimatan sekitar 600 juta ringgit sebulan bersamaan 7.2 bilion ringgit setahun.
2. Penjimatan tersebut akan meningkatkan ruang fiskal Kerajaan bagi membolehkan lebih banyak peruntukan disalurkan kepada program dan projek yang secara langsung dapat menambah baik kualiti hidup rakyat. Antara program dan projek tersebut termasuk peningkatan infrastruktur awam, penjagaan kesihatan dan pendidikan, khususnya pembinaan serta pembaikan jalan raya, jambatan, hospital, klinik kesihatan, dan sekolah yang dapat memanfaatkan rakyat secara keseluruhannya.
3. Selain itu, penjimatan yang diperoleh ini turut membolehkan Kerajaan menyalurkan semula peruntukan untuk membiayai projek- projek pembangunan serta mengukuhkan jaringan sosial rakyat melalui program bantuan tunai seperti Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA). Menerusi Belanjawan 2025, Kerajaan telah meningkatkan peruntukan Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) kepada 13 bilion ringgit ketimbang 10 bilion ringgit pada tahun sebelumnya.
4. Penyasaran subsidi diesel ini juga terbukti berjaya mengekang ketirisan akibat penyeludupan dan penggunaan oleh sektor perniagaan tidak layak dan dapat dilihat melalui penurunan ketara jualan diesel di stesen minyak sebanyak kira-kira 25 peratus atau hampir 7 juta liter sehari. Jualan diesel secara komersil pula menunjukkan peningkatan hampir 50 peratus atau 4 juta liter sehari, menggambarkan betapa banyaknya kuantiti diesel bersubsidi yang

telah dibeli oleh sektor industri daripada stesen minyak sebelum harga runcit diesel diapungkan secara terkawal pada masa ini.

5. Kerajaan juga telah memperkenalkan program BUDI MADANI iaitu bantuan tunai sebanyak 200 ringgit sebulan atau 2,400 ringgit setahun kepada individu pemilik kenderaan diesel persendirian, golongan petani dan pekebun kecil tertakluk kepada kriteria kelayakan yang ditetapkan. Sehingga 31 Disember 2024, lebih 140 ribu penerima BUDI Individu dan 110 ribu penerima BUDI Agri-Komoditi telah diluluskan dalam tempoh 6 bulan pelaksanaan sejak Jun 2024 dengan jumlah bayaran sebanyak masing-masing 190 juta ringgit dan 70 juta ringgit.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AZLI BIN YUSOF [SHAH ALAM]

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

TUAN AZLI BIN YUSOF [SHAH ALAM] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status terkini pencapaian pelaksanaan Projek LRT3, rancangan tempoh *trial run* tanpa penumpang dan sasaran siap beroperasi sepenuhnya seperti yang Kementerian telah maklumkan akan boleh dilaksanakan menjelang suku ketiga tahun 2025.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, status terkini kemajuan projek LRT3 adalah 98.16%. Projek ini dijangka siap sepenuhnya untuk diserahkan kepada pihak Prasarana oleh pihak *Turnkey Contractor* (TC) pada 31 Julai 2025. Pembukaan operasi pula dijadualkan pada 30 September 2025.

2. Ujian pengoperasian tren tanpa penumpang akan dilakukan dalam dua (2) peringkat bagi memastikan perkhidmatan LRT3 selamat kepada penumpang. Dua (2) ujian ini yang merangkumi pematuhan, ketahanan serta keselamatan sistem kereta api dan prosedur operasi standard (SOP) melibatkan:
 - i. *Trial Run* (TR) yang akan dijalankan serentak dengan ujian *Fault Free Run* (FFR) oleh pihak Kontraktor Utama iaitu Setia Utama LRT3 Sdn. Bhd. Anggaran tempoh pengujian adalah selama 75 hari. Keputusan ujian FFR ini akan dinilai oleh pihak Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) berdasarkan aspek-aspek keselamatan, pematuhan standard dan jaminan sistem kereta api yang tertentu. Ujian TR/ FFR ini dijangka akan bermula pada pertengahan bulan April 2025 dan selesai pada akhir bulan Jun 2025; dan

 - ii. *Trial Operation* (TO) oleh pihak pengendali berlesen kereta api iaitu Rapid Rail Sdn. Bhd. dengan bantuan teknikal oleh pihak Kontraktor Utama dijalankan sebaik sahaja selesai ujian-ujian TR dan FFR serta kelulusan ujian FFR oleh pihak APAD. Anggaran tempoh pengujian ini adalah selama 60 hari. Ujian TO ini dijangka bermula pada bulan Julai 2025 dan selesai pada akhir bulan Ogos 2025.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TAN SRI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG]

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

TAN SRI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan tanggungjawab dan perancangan Kerajaan sebagai pengerusi bersama Mesyuarat Peringkat Menteri bagi Persidangan mengenai Kerjasama antara Asia Timur untuk Pembangunan Palestin (CEAPAD).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Marang** di atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Persidangan mengenai Kerjasama antara Asia Timur untuk Pembangunan Palestin, atau dengan izin, *Conference on Cooperation among East Asian Countries for Palestinian Development* (CEAPAD), ditubuhkan pada tahun 2013 atas inisiatif Jepun. CEAPAD melibatkan 12 negara iaitu Brunei Darussalam, Filipina, Indonesia, Kemboja, Laos, Malaysia, Singapura, Thailand, Vietnam, Jepun, Korea Selatan dan Palestin. CEAPAD turut disertai oleh pemerhati dari organisasi antarabangsa seperti, dengan izin, *World Bank, Islamic Development Bank (IsDB), Office of the Quartet, UN Office for the Coordination of Humanitarian Affairs (OCHA)*, dan *UN Relief and Works Agency (UNRWA)*.
3. CEAPAD merupakan platform untuk negara-negara peserta berkongsi maklumat mengenai bentuk bantuan dan sumbangan yang diberikan kepada Palestin serta mengenal pasti keperluan semasa bagi tujuan pembangunan semula Palestin. Sejak penubuhannya, tiga Mesyuarat Peringkat Menteri telah diadakan iaitu CEAPAD I di Tokyo (2013), CEAPAD II di Jakarta (2014) dan CEAPAD III di Bangkok (2018). Setiap Mesyuarat ini menghasilkan satu dokumen Kenyataan Bersama, atau dengan izin, *Joint Statement*, sebagai tanda komitmen bersama terhadap pembangunan semula Palestin.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Sepertimana yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada bulan Januari yang lalu, Malaysia telah bersetuju untuk mempengerusikan Mesyuarat Peringkat Menteri CEAPAD IV bersama Jepun dan Palestin. Mesyuarat ini merupakan salah satu platform strategik

yang akan dimanfaatkan sepenuhnya oleh Malaysia untuk memperlihatkan komitmen serta sokongan teguh yang berterusan kepada Palestin. Sebagai Pengerusi bersama, Malaysia bercadang untuk menengahkan agenda penting iaitu usaha pemulihan dan pembangunan semula Palestin, terutamanya Gaza, selepas gencatan senjata diumumkan baru-baru ini.

5. Malaysia juga berhasrat untuk memperkukuh kerjasama sedia ada dengan negara-negara peserta CEAPAD bagi memastikan bentuk bantuan dan sumbangan yang diberikan kepada Palestin dapat dilaksanakan secara lebih efisien, teratur, dan mampan kepada pembangunan jangka panjang Palestin. Antara tumpuan kerjasama tersebut adalah pembinaan kapasiti bagi memperkasa rakyat Palestin, penyediaan bantuan kemanusiaan secara menyeluruh, dan pembangunan semula infrastruktur asas seperti kemudahan air, elektrik, pendidikan, dan kesihatan di Gaza.

6. Melalui Program Kerjasama Teknikal Malaysia, atau dengan izin, *Malaysian Technical Cooperation Programme* (MTCP), di bawah seliaan Kementerian Luar Negeri, Malaysia akan terus menawarkan bantuan dalam bentuk pembinaan kapasiti bagi menyokong pembangunan semula Palestin. Sehingga kini, seramai 492 rakyat Palestin telah menerima pelbagai latihan di bawah MTCP dalam bidang tadbir urus, ekonomi, kewangan, pertanian, perubatan dan pendidikan. Selain itu, di bawah Biasiswa MTCP, seramai 36 pelajar Palestin telah menerima tajaan penuh untuk melanjutkan pelajaran di Malaysia. Ini merupakan antara sumbangan signifikan Malaysia dalam pembangunan kemahiran, keupayaan, dan ketahanan rakyat Palestin.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' INDERA MOHD SHAHAR BIN ABDULLAH [PAYA
BESAR]**

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

**DATO' INDERA MOHD SHAHAR BIN ABDULLAH [PAYA BESAR] minta
MENTERI KEWANGAN menyatakan :**

- a. kesan rasionalisasi subsidi bahan api terhadap kadar inflasi pada 2025
- b. langkah mitigasi sekiranya harga bahan api global memuncak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seperti yang telah diumumkan melalui Belanjawan 2025, Kerajaan akan melaksanakan penyasaran semula subsidi petrol RON95. Langkah ini merupakan reformasi fiskal bagi memastikan kedudukan kewangan Kerajaan kekal kukuh, seterusnya menyediakan ruang fiskal yang mencukupi bagi menghadapi sebarang krisis pada masa hadapan.
2. Kadar inflasi bagi tahun 2025 diunjur meningkat secara sederhana, dalam julat 2% hingga 3.5% berbanding 1.8% yang telah dicatat pada tahun 2024. Unjuran ini telah mengambil kira pelaksanaan penyasaran subsidi petrol RON95 pada pertengahan tahun 2025. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, subkumpulan Petrol hanya mewakili 5.5% daripada keseluruhan wajaran Indeks Harga Pengguna (IHP), manakala subkumpulan Diesel hanya menyumbang 0.2%. Wajaran kedua-dua subkumpulan ini adalah jauh lebih rendah berbanding kumpulan Makanan dan Minuman yang menyumbang 29.8% kepada keseluruhan wajaran IHP. Wajaran bahan api yang rendah bermaksud perubahan harga barangan seperti petrol dan diesel memberi kesan langsung yang lebih kecil terhadap inflasi keseluruhan berbanding kumpulan utama seperti Makanan dan Minuman.
3. Unjuran tersebut juga telah mengambil kira pelbagai faktor utama, termasuk trend inflasi kumpulan Makanan dan Minuman iaitu penyumbang terbesar kepada keseluruhan wajaran IHP. Selain daripada pelaksanaan penyasaran subsidi petrol RON95, unjuran inflasi ini juga turut berhadapan dengan faktor luaran seperti risiko turun naik kadar pertukaran mata wang dan faktor berkaitan penawaran seperti harga komoditi global, ketidaktentuan geopolitik dan perubahan iklim.

4. Untuk makluman, trend pertumbuhan harga kumpulan makanan dan minuman, yang merupakan penyumbang terbesar dalam IHP dengan wajaran 29.8%, telah menunjukkan penurunan ketara sejak tahun 2022, iaitu daripada 5.8% (2022) kepada 4.8% (2023) dan seterusnya 2% (2024).
5. Bagi subkumpulan makanan di rumah, yang mengukur perubahan harga barangan makanan mentah seperti beras, daging, ikan dan ayam, inflasi bagi subkumpulan ini pada bulan Oktober dan November 2024 menunjukkan peningkatan sederhana sebanyak 0.6% bagi kedua-dua bulan.
6. Ini membuktikan bahawa langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan seperti dasar pelaksanaan penyasaran subsidi termasuk pemberian subsidi diesel kepada 23 jenis kenderaan pengangkutan barangan darat melalui Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS 2.0), kawalan harga serta pemantauan dan penguatkuasaan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah berjaya membantu menstabilkan harga barang makanan.
7. Selain itu, harga komoditi utama dunia yang turut dijangka kekal stabil akan mengurangkan tekanan kepada inflasi meskipun terdapat ketidakpastian dalam persekitaran global. Minyak mentah Brent diunjur antara USD75 hingga USD80 setong pada tahun 2025. Namun, Kerajaan akan terus memantau perkembangan harga dan mengambil langkah proaktif bagi memastikan inflasi kekal terkawal serta tidak membebankan rakyat. Langkah strategik seperti subsidi bersasar, kawalan harga, dan bantuan tunai akan diteruskan bagi meringankan tekanan kos sara hidup serta memastikan kesejahteraan rakyat terpelihara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH [BUKIT
GELUGOR]**

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada laporan-laporan baru-baru ini bahawa premium insurans perubatan swasta dijangka meningkat antara 40% hingga 70% tahun depan adalah benar dan sekiranya ya, nyatakan sebab kenaikan yang tinggi tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Secara amnya, kadar premium insurans perubatan dan kesihatan (*Medical and Health Insurance and Takaful*, MHIT) mengambil kira profil risiko individu, trend tuntutan dan kos perbelanjaan perubatan, serta kos insurans semula (*reinsurance*) bagi memastikan perlindungan yang berterusan dapat diberikan kepada pemegang polisi. Kadar premium produk MHIT juga dikaji secara berkala bagi memastikan premium yang diterima adalah mencukupi untuk menampung jangkaan kos tuntutan dan perbelanjaan perubatan.
2. Faktor utama yang menyumbang kepada kenaikan kadar premium produk MHIT adalah peningkatan inflasi kos perubatan di Malaysia. Menurut 2025 Global Medical Trend Rates Report, kadar inflasi kos perubatan di Malaysia mencecah 15% pada tahun 2024. Jumlah ini lebih tinggi daripada purata global dan purata Asia Pasifik iaitu 10%. Peningkatan inflasi kos perubatan ini didorong oleh faktor-faktor seperti kemajuan dalam teknologi perubatan serta peningkatan penyakit tidak berjangkit.
3. Sehubungan itu, BNM pada 20 Disember 2024 telah mengumumkan langkah-langkah interim bagi mengekang impak kenaikan premium MHIT kepada pemegang polisi seperti:
 - Pengagihan pelarasan kadar premium yang disebabkan oleh inflasi kos perubatan, yang akan diagihkan untuk tempoh sekurang-kurangnya tiga tahun. Langkah ini akan dilaksanakan sehingga akhir tahun 2026.
 - Penanguhan pelarasan premium yang disebabkan oleh inflasi tuntutan perubatan selama satu tahun bagi pemegang polisi yang berumur 60 tahun ke atas dan dilindungi di bawah pelan minimum bagi produk MHIT yang dibeli.

- Pemegang polisi yang telah menyerahkan polisi atau polisi mereka telah luput pada tahun 2024 disebabkan oleh penetapan semula premium boleh menghubungi penanggung insurans dan pengendali takaful (*Insurers and Takaful Operators*, ITO) masing-masing untuk memohon polisi mereka diaktifkan semula berdasarkan premium yang dilaraskan.
 - Selewat-lewatnya hujung tahun 2025, semua ITO akan menyediakan produk MHIT alternatif yang bersesuaian pada premium yang sama atau lebih rendah bagi pemegang polisi yang tidak lagi ingin meneruskan pelan MHIT yang sedia ada.
4. Pemegang polisi individu akan dimaklumkan oleh ITO masing-masing secara berperingkat berdasarkan tarikh ulang tahun polisi mereka. Pemegang polisi juga boleh menghubungi ITO masing-masing mulai 15 Januari 2025 untuk sebarang pertanyaan.
 5. Menerusi langkah ini, dianggarkan sekurang-kurangnya 80% pemegang polisi MHIT akan menghadapi pelarasan premium tahunan yang terkawal, iaitu kurang daripada 10%. Selain itu, kenaikan kadar premium yang bukan disebabkan oleh inflasi kos perubatan, tetapi akibat peralihan ke kategori umur yang lebih tinggi, akan diuruskan oleh ITO bagi memastikan kesinambungan perlindungan kepada pemegang polisi MHIT.
 6. Memandangkan langkah interim ini bersifat sementara, kerjasama dan tindakan bersepadu oleh semua pihak berkepentingan dalam sektor kesihatan dan perubatan adalah kritikal untuk memastikan produk MHIT terus mampan dan mampu milik dalam jangka panjang. Bagi tujuan ini, BNM dan semua pihak berkepentingan termasuk Kementerian Kesihatan, Kementerian Kewangan, hospital swasta dan ITO sedang berkerjasama dalam mencari penyelesaian jangka panjang bagi mengawal inflasi kos perubatan dengan berkesan. Usaha ini termasuk melaksanakan model pembayaran *Diagnostic-Related Group*, meningkatkan ketelusan kos ubat-ubatan serta perbandingan kos perubatan lazim dan membangunkan produk asas MHIT yang meliputi keperluan penjagaan kesihatan penting. Langkah-langkah lain yang boleh diambil oleh hospital swasta untuk

NO SOALAN : 89

membendung inflasi kos perubatan juga sedang dibincangkan

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI MOHD SYAHIR BIN CHE
SULAIMAN [BACHOK]**

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

TUAN HAJI MOHD SYAHIR BIN CHE SULAIMAN [BACHOK] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah Kerajaan bagi memastikan subsidi bersasar tidak menjejaskan kesaksamaan antara negeri-negeri, khususnya di kawasan yang bergantung pada petrol dan diesel untuk sektor-sektor utama seperti pengangkutan, pertanian dan PMKS.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pelaksanaan penyasaran subsidi RON95 yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan adalah selaras dengan penyasaran subsidi elektrik dan diesel, iaitu melibatkan penetapan harga berperingkat.
2. Untuk penyasaran subsidi elektrik, pengguna elektrik dengan tahap penggunaan yang lebih tinggi dikenakan tariff elektrik yang lebih tinggi.
3. Bagi penyasaran subsidi diesel pula, harga jualan runcit di pam stesen minyak ditetapkan pada harga jualan tanpa subsidi, iaitu pada masa ini 3 ringgit 18 sen seliter tetapi kenderaan sektor logistik yang layak mengguna *fleet card* dapat terus membeli diesel pada harga bersubsidi iaitu 2 ringgit 15 sen seliter.
4. Penyasaran subsidi RON95 perlu dilaksanakan disebabkan perbezaan harga yang besar yang menyebabkan ketirisan dalam subsidi petrol dan ia telah digunakan oleh kumpulan yang tidak sepatutnya. Memandangkan perbelanjaan subsidi RON95 pada tahun 2024 hampir berjumlah 20 bilion ringgit, jika ketirisan kepada bukan warganegara, perniagaan dan kaya dapat ditangani, ianya bakal menjana penjimatan sehingga 8 bilion ringgit setahun.
5. Peralihan daripada pemberian subsidi pukal dengan harga runcit bersubsidi untuk semua pengguna tanpa had kepada penyasaran subsidi memerlukan penentuan kaedah bantuan yang bersesuaian untuk digunapakai.
6. Bagi penyasaran subsidi RON95, Kerajaan akan menggunakan MyKad sebagai rujukan utama bagi menentukan status kewarganegaraan. Manakala kriteria lain seperti pemilikan kenderaan sama ada yang bermotosikal atau berkereta termasuk lokaliti penerima subsidi masih dalam penelitian pihak Kerajaan.

Kerajaan juga masih meneliti pendekatan yang akan digunakan bagi menentukan julat pendapatan isi rumah bagi memastikan majoriti kumpulan 85% rakyat tidak akan terjejas apabila penyiasaran subsidi petrol RON95 dilaksanakan kelak.

7. Kebolehlaksanaan teknologi MyKad ini terbukti berkesan dengan pelaksanaan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) iaitu bantuan bagi pembelian barangan keperluan asas terpilih sejak tahun 2024. Bermula 15 Januari 2025, Kerajaan menyalurkan SARA melalui MyKad secara bulanan kepada 700,000 penerima miskin dan miskin tegar. Bagi tahun 2025, penyaluran bantuan SARA melalui MyKad diperluaskan ke negeri Sabah dan Sarawak berbanding hanya negeri-negeri Semenanjung Malaysia pada tahun 2024.
8. Selain itu, mulai April 2025 sejumlah 5.4 juta penerima STR akan menerima bantuan tambahan SARA. Ini terdiri daripada 700 ribu penerima SARA sedia ada dan 4.7 juta penerima baharu STR. Bagi kategori isi rumah, tambahan sumbangan SARA adalah sebanyak 100 ringgit sebulan manakala golongan warga emas tiada pasangan akan menerima sumbangan tambahan SARA sebanyak 50 ringgit sebulan.
9. Bagi meredakan kegusaran orang ramai, Kerajaan akan pastikan kaedah pelaksanaan penyiasaran subsidi petrol RON95 yang menyeluruh dan berkesan sepertimana tindakan menyeluruh yang diambil dalam penyiasaran subsidi diesel.
10. Ini termasuklah memastikan bahawa kumpulan rakyat yang layak akan mendapat inser menggunakan pakai mekanisme yang mudah dan holistik serta penyebaran maklumat atau penerangan penyiasaran subsidi yang berkesan selain mengekang daripada berlakunya cubaan pencatutan atau kenaikan harga mendadak dalam kalangan pengusaha tidak bertanggungjawab.
11. Kerajaan komited untuk terus membela nasib majoriti rakyat termasuk golongan pertengahan dalam menghadapi cabaran kos sara hidup.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN
ISMAIL [BANDAR TUN RAZAK]**

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL [BANDAR TUN RAZAK] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah-langkah yang diambil dalam pembangunan penggunaan kecerdasan buatan (AI) di IPT dalam negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan telah mengumumkan peruntukan bagi pendidikan berkaitan kecerdasan buatan (AI) yang akan diperluas ke semua universiti penyelidikan (Research University, RU) dengan peruntukan sebanyak RM50 juta semasa Belanjawan 2025.
2. Peruntukan tersebut melibatkan:
 - (i) Universiti Malaya (UM) yang akan menumpukan teknologi AI bidang perubatan bagi menangkis penyakit seperti kanser,
 - (ii) Universiti Putra Malaysia (UPM) yang menubuhkan Pusat Teknologi dan Pengurusan Kriptologi Malaysia dengan kerjasama Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA) bagi pelaksanaan AI komputeran kuantum sebagai persiapan mendepani ancaman keselamatan siber.
 - (iii) Universiti Sains Malaysia (USM) yang akan melaksanakan AI semikonduktor selari dengan status Malaysia sebagai hub semikonduktor dunia, dan
 - (iv) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pula akan menerajui AI alih bahasa dalam bahasa Melayu.
3. KPT juga telah meminta semua universiti awam menyemak semula kurikulum berkaitan dengan AI bagi memperkenalkan kursus baharu atau mengintegrasikan modul AI ke dalam kursus yang sedia ada.
4. Langkah ini mencerminkan komitmen kerajaan untuk memajukan pendidikan AI dan mempromosikan integrasinya dalam pelbagai disiplin akademik.
5. Bagi memastikan proses pembelajaran dan pengajaran (PdP) di Politeknik selari dengan agenda AI pula, beberapa langkah telah dilaksanakan menerusi agenda POLI Digital seperti yang telah tercatat dalam Pelan Transformasi Politeknik 2023-2035.

6. Pelan transformasi ini memberi penekanan terhadap agenda pendigitalan dan AI terutamanya yang melibatkan proses penyampaian PdP di institusi PolyCC.
7. Justeru, penekanan utama telah diberikan melalui peningkatan kemahiran AI dalam kalangan warga PolyCC dan penambaaian infrastruktur serta infostruktur berkait dengan pendigitalan dan AI.
8. Bagi tahun 2025, sebanyak 300 kursus pendigitalan dan AI akan dijalankan secara bersemuka fizikal yang akan melibatkan hampir 9000 warga PolyCC.
9. Selain itu, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) juga telah menyediakan program pembelajaran micro-credential (MC) secara dalam talian kepada pelajar, pensyarah, dan komuniti setempat untuk mendapatkan pengiktirafan dalam bidang AI melalui kerjasama dengan Amazon Web Services (AWS).
10. Sebagai rakan latihan bertauliah AWS (AWS Authorized Training Partner), JPPKK telah menawarkan hampir 600 kursus yang dirancang untuk membekalkan pelajar dengan kemahiran AI terkini. Program ini bertujuan melahirkan graduan yang bukan sahaja berdaya saing tetapi juga bersedia menghadapi cabaran masa depan dalam dunia pekerjaan.
11. Manakala dari aspek infostruktur pula, JPPKK telah menggunakan teknologi Cloud Computing yang mengintegrasikan teknologi AI dalam pelaksanaan pembelajaran digital yang dikenali sebagai CIDOS 4.0.
12. Dari aspek infrastruktur pula, pelbagai ruang pembelajaran telah dibangunkan yang menggunakan teknologi AI seperti TeCC, Hybrid Classroom dan Maker Market. Antara peralatan yang terdapat ruang pembelajaran ini adalah seperti Camera AI Tracking, AI Smarboard, VR Oculus, Mesin 3D printer dan lain-lain lagi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG]

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memupuk inklusiviti komuniti OKU dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Malaysia 2026-2035, terutamanya dalam menyediakan persekitaran tanpa halangan dan akomodasi yang bersesuaian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sedang dalam proses akhir untuk memuktamadkan dokumen Pelan Pendidikan Tinggi Malaysia (PPTM) 2025-2035 dan akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri sebelum pelan ini diluncurkan.

2. Melalui Lonjakan 10 iaitu Penyampaian Responsif dan Dinamik (Responsive and Dynamic Delivery), KPT komited untuk meningkatkan inklusiviti dan aksesibiliti kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU) melalui penubuhan Pusat Kecemerlangan OKU, laluan kemasukan yang lebih adil dan sistem sokongan yang bersesuaian.

3. Bagi mencapai hasrat ini, KPT akan membuat penilaian kesiapsiagaan semua Institusi Pengajian Tinggi (IPT) melalui fasa pertama pelaksanaan PPTM. Manakala, penambahbaikan dan peningkatan berterusan kemudahan OKU di IPT akan dibuat pada fasa seterusnya.

4. Selanjutnya, bagi melengkapi cadangan inisiatif PPTM ini, KPT sedang membangunkan Dasar Inklusif OKU Pendidikan Tinggi yang antara lainnya bertujuan untuk:

- a) Memastikan pelajar OKU menikmati hak, peluang dan akses secara saksama di peringkat pendidikan tinggi,
- b) Menjaga kebajikan dan kesejahteraan pelajar OKU sepanjang mengikuti pengajian di IPT, dan
- c) Menyediakan kemudahan dan ekosistem inklusif kepada pelajar berkeperluan khususnya OKU.

5. Dasar ini selain menjadi pelengkap kepada Garis Panduan Pelaksanaan Dasar Inklusif Orang Kurang Upaya Tahun 2019 yang sedia ada, akan turut berperanan sebagai rujukan bagi penetapan hala tuju dan dasar operasi berhubung pengurusan pelajar dan warga OKU di peringkat IPT.

6. KPT juga dari semasa ke semasa sentiasa menyokong dasar yang dibangunkan di peringkat nasional bagi memastikan ekosistem inklusif OKU khususnya di bawah sektor pendidikan tinggi sentiasa terpelihara dan terjamin.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG CHEN [SUBANG]

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

TUAN WONG CHEN [SUBANG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk memastikan peraturan asas keselamatan maritim dan alam sekitar dipatuhi untuk mengelakkan Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ) menjadi '*grey area*' yang dieksploitasi oleh syarikat dan pengendali yang tidak telus.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berikut merupakan tindakan yang diambil oleh Kerajaan bagi memastikan peraturan asas keselamatan maritim dan alam sekitar dipatuhi:

1. Permohonan lesen bagi aktiviti eksplorasi dan eksploitasi di laut

Setiap aktiviti eksplorasi dan eksploitasi di laut seperti aktiviti pengorekan pasir atau aktiviti penerokaan minyak dan gas yang ingin dilaksanakan oleh syarikat dan pengendali memerlukan kebenaran dan ulasan melalui Jawatankuasa Menimbang & Meluluskan Permohonan Di Bawah Seksyen 21(1) Dan Seksyen 22 Akta Zon Ekonomi Eksklusif 1984 (JKZEE) yang terletak di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bagi membolehkan kelulusan lesen dikeluarkan.

2. Kelulusan pengoperasian daripada Mesyuarat Penyelarasan Keselamatan (MPK)

Selanjutnya, bagi membolehkan syarikat dan pengendali untuk melaksanakan pengoperasian bagi aktiviti eksplorasi dan eksploitasi yang berkaitan, kebenaran perlu diperolehi daripada Mesyuarat Penyelarasan Keselamatan (MPK) yang dipengerusikan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) di mana semua keperluan agensi kerajaan yang terlibat dititikberatkan serta aspek keselamatan yang perlu dipatuhi oleh syarikat dan pengendali tersebut.

3. Langkah-Langkah Penguatkuasaan oleh APMM

Antara langkah-langkah yang dijalankan oleh APMM bagi memastikan undang-undang yang berkuatkuasa di Perairan Negara dipatuhi oleh semua pihak adalah seperti berikut:

- i. Melaksanakan rondaan dan penguatkuasaan setiap hari dengan mengoperasikan sebanyak 45 buah vesel laut di seluruh perairan negara mengikut sektor operasi dan aset di lapangan. Pengawasan melalui udara dari semasa ke semasa juga terus dilaksanakan bagi mengesan sebarang pencerobohan atau aktiviti yang mencurigakan dilakukan di perairan negara;
- ii. Mengoptimumkan pengoperasian 3 buah kapal kelas *Offshore Patrol Vessel* (OPV) iaitu KM PEKAN, KM ARAU dan KM TUN FATIMAH di perairan merangkumi ZEE Malaysia sejauh 200 batu nautika dari pesisir pantai. Selain itu, sokongan pengoperasian kapal kelas sederhana seperti kapal kelas *New Generation Patrol Craft* (NGPC), Kelas MARLIN, Kelas GAGAH dapat mengukuhkan pengawalan sempadan perairan negara;
- iii. Pengawasan melalui sistem radar SWASLA telah banyak membantu dalam meningkatkan pemantauan dan menghasilkan tangkapan di perairan negara; dan
- iv. Mengadakan *outreach program* dengan pengendali *Oil & Gas* berkenaan peraturan-peraturan dan undang-undang yang sedang berkuatkuasa bagi memastikan pengendali memahami keperluan untuk mematuhi peraturan-peraturan dan undang-undang tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : IR. TS. ZAHIR BIN HASSAN [WANGSA MAJU]

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

**IR. TS. ZAHIR BIN HASSAN [WANGSA MAJU] minta MENTERI
PENGANGKUTAN menyatakan :**

- a. apakah pecahan status terkini pelaksanaan projek Aerotrain KLIA 1, termasuk kemajuan fizikal, perolehan aset, ujian sistem, dan garis masa pengoperasian penuh
- b. apakah justifikasi pemberian semula kontrak bernilai RM456.1 juta kepada Pestech pada Januari 2024, setelah kontrak terdahulu ditamatkan oleh MAHB pada Ogos 2023.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 24 Januari 2025, status projek penggantian Aerotren KLIA adalah pada kadar 86%. Pengoperasian penuh Aerotren KLIA dijangka akan bermula pada suku kedua 2025.
2. Selanjutnya, Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) telah melantik Alstom dan IJM Construction Sdn Bhd. - Pestech Technology Sdn Bhd JV (IPJV) sebagai kontraktor utama untuk kontrak baharu projek penggantian Aerotren KLIA selama tempoh 14.5 bulan, bermula 15 Januari 2024 sehingga 31 Mac 2025.
3. Dalam hubungan ini, Alstom kini memainkan peranan utama dalam penyelarasan projek, dan keputusan untuk bekerjasama dengan IPJV ditentukan oleh Alstom. Keputusan tersebut adalah berdasarkan pengalaman IJM Corporation dalam kerja-kerja infrastruktur serta kepakaran Pestech dalam sistem bekalan kuasa dan teknologi berkaitan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI
SALLEH [PASIR PUTEH]**

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

DATUK DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI SALLEH [PASIR PUTEH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah pihak Kerajaan dalam membantu 1/3 daripada isi rumah di Malaysia yang mempunyai '*debt service ratio*' melebihi 60% yang sangat terdedah kepada risiko mufliis sekiranya berlaku peningkatan kadar faedah, kehilangan pekerjaan atau inflasi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Peningkatan hutang isi rumah harus dilihat bersama dengan aset kewangan isi rumah. Setakat akhir bulan Disember 2024, hutang isi rumah berjumlah RM1.63 trilion iaitu bersamaan dengan 84.2% daripada KDNK (2023: 84.2%), jauh lebih rendah daripada aset kewangan isi rumah yang berjumlah RM3.4 trilion, iaitu bersamaan 178.2% daripada KDNK.
2. Standard pinjaman berhemat oleh bank berdasarkan Dokumen Dasar Amalan Pembiayaan Bertanggungjawab atau *Policy Document on Responsible Financing* yang dilaksanakan sejak 2012 terus memainkan peranan penting dalam memastikan pengumpulan hutang isi rumah terkawal dan selaras dengan keupayaan membayar balik hutang.
3. Melalui pelaksanaan dokumen dasar ini, nisbah khidmat hutang (*debt service ratio*, DSR) bagi isi rumah terus berada pada paras hemat, dengan median DSR pinjaman terkumpul pada paras 34%, sementara median DSR bagi pinjaman yang baharu diluluskan adalah 41% pada akhir bulan Disember 2024.
4. Kerajaan dan Bank Negara Malaysia terus mengambil pendekatan berhemat dalam menangani risiko keberhutangan isi rumah bagi memastikan ianya tidak menimbulkan kesan negatif kepada daya tahan isi rumah serta kestabilan sistem kewangan negara. Selain pelaksanaan Dokumen Dasar Amalan Pembiayaan Bertanggungjawab, usaha berterusan turut merangkumi peningkatan tahap celik kewangan melalui Financial Education Network (FEN) dan Bulan Literasi Kewangan (FLM), serta bantuan bayaran balik pinjaman melalui institusi kewangan dan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) khususnya bagi peminjam dengan DSR tinggi. Bagi mengawal pertumbuhan hutang, Kerajaan memastikan perumahan kekal mampu milik melalui program seperti Program Perumahan Rakyat (PPR) dan PR1MA, serta memperkukuh sistem pengangkutan awam yang lebih efisien.

5. Rang Undang-undang Kredit Pengguna yang dijangka akan dibentangkan pada sidang Parlimen kali ini dilihat sebagai inisiatif Kerajaan dalam mempertingkatkan perlindungan pengguna kredit dengan mengawal selia industri kredit, termasuklah skim beli sekarang, bayar kemudian (BNPL). Rang Undang-undang ini akan mewujudkan rangka kerja pengawalseliaan yang menyeluruh dan bersepadu ke atas industri pemberi kredit dan penyedia perkhidmatan kredit bukan bank.

Sekian, terima kasih.